

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Bil. 5

Selasa

10 Mei 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 27)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 10 Mei 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan berapakah jumlah bangunan yang telah berjaya mendapat status '*heritage*' di negara ini, dan apakah strategi kementerian untuk memastikan ia tidak akan luput kerana faktor semula jadi atau buatan manusia.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, bangunan adalah termasuk di dalam kategori *monument*, mengikut pengertian di dalam Akta Benda Purba tahun 1976. Sehingga kini sebanyak 89 buah bangunan telah diisytiharkan sebagai *monument* lama melalui akta ini. Sungguhpun demikian di bawah kategori *monument* sebanyak 180 buah *monument* telah diwartakan sebagai *monument* lama dan tapak tanah bersejarah.

Untuk makluman Yang Berhormat, *monument* terbahagi kepada tiga kategori iaitu:

- (i) bangunan atau binaan atau sebahagian daripada struktur dan landskapnya;
- (ii) tapak tanah bersejarah; dan
- (iii) alam semula jadi.

Sehingga pada masa ini hanya dua buah tapak yang telah disenaraikan di dalam senarai warisan dunia United Nations Educational Of Scientific And Cultural Organisation (UNESCO) iaitu dalam kategori alam semula jadi. Tapak tersebut ialah Taman Negara Mulu, Sarawak dan Taman Negara Kinabalu, Sabah.

Kementerian melalui agensinya iaitu Jabatan Muzium dan Antikuiti serta agensi dari kementerian-kementerian lain seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

memang telah mempunyai pendekatan strategi serta sistem pemantauan dan pelaksanaan yang sistematik serta peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan dan pemuliharaan tapak-tapak ini dari masa ke semasa.

Bagi Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan sebanyak RM91 juta telah diperuntukkan di bawah Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan bagi tujuan-tujuan pemuliharaan warisan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian bercadang untuk membantu pihak berkuasa tempatan supaya pihak ini dapat membeli rumah-rumah warisan seperti yang ada di dalam tiap-tiap bandar dengan peruntukan dan bantuan kewangan daripada kementerian. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soal membeli belah untuk bangunan tidaklah menentukan peruntukan yang khusus di bawah kuat kuasa undang-undang yang ada, tetapi sekiranya kerajaan berpendapat bahawa sesuatu bangunan atau tapak warisan itu mempunyai nilai sejarah, nilai sosial dan nilai budaya antara lain, boleh mengambil langkah untuk mendapatkannya melalui *acquisition*, dengan izin, tetapi kerajaan tidak ada peruntukan bagi memberi bantuan terus kepada mana-mana pihak individu membeli tapak atau rumah warisan seperti yang dimaksudkan.

Walau bagaimanapun, akan ada peruntukan di dalam undang-undang warisan yang baru, yang sedang digubal oleh kerajaan bagi membolehkan kerajaan berusaha sama dengan mana-mana pihak swasta bagi perolehan yang dikemukakan soalnya itu.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sedikit iaitu apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri, apabila kita hendak mengklasifikasikan sesuatu kawasan seluas, mungkin 100 ekar sebagai kawasan *heritage*, yang mana berlaku di Pulau Pinang, kawasan pembuangan sampah juga termasuk di dalam kawasan *heritage*.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini definisi *heritage* atau warisan itu agak longgar. Setelah diteliti oleh kerajaan di atas kelonggaran takrif inilah antara lain maka pengubalan undang-undang baru bagi warisan negara sedang dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman umum, sesuatu kawasan itu boleh dikategorikan sebagai kawasan warisan sekiranya ia memenuhi beberapa syarat. Salah satu atau beberapa syaratnya ialah kawasan itu hendaklah berupa kawasan yang dimiliki oleh kerajaan ataupun oleh badan separa kerajaan ataupun dimiliki oleh pihak individu. Dan, kawasan itu harus mengandungi ciri-ciri budaya, sejarah ataupun kesan-kesan yang boleh menaikkan nilai takrif bagi sejarah tempatan serta kajian purba yang mengikut kajian pakar, boleh menghidupkan semula nilai serta amalan ataupun takrif terhadap penilaian bagi sesuatu kebudayaan.

Saya tidak maklum tentang kawasan buang sampah yang dimaklumkan itu sebagai terjejas ataupun termasuk di dalam takrif tanah ataupun kawasan warisan sekiranya Yang Berhormat akan memberi beberapa butir lengkap, maka kementerian boleh membuat siasatannya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang istana-istana raja-raja Melayu, saya hendak tahu berapa banyak, berapa buah istana yang ada sekarang ini yang dikesan menjadi warisan bangsa Melayu. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu agak umum. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan istana-istana tradisi, ada beberapa negeri sedang memilikinya yakni seperti negeri Kelantan, negeri Johor, Negeri Sembilan dan juga negeri Perak. Bilangan tidak ada pada saya di atas senarainya, tetapi peninggalan-peninggalan yang boleh dibuat susulan untuk kajian adalah dalam simpanan Jabatan Muzium dan Antikuiti. Istana-istana lama ini seperti yang pernah disebutkan oleh Allahyarham Tan Sri Mubin Sheppard adalah menunjukkan punca peradaban Melayu lama. Oleh itu, nilai sejarah, budaya dan warisannya amat tinggi.

Kementerian sedang menyusun langkah-langkah bagi memperagakan semula beberapa artifak berkaitan dengan istana lama dan apabila kajian ini siap ia akan dikemukakan kepada Kabinet, dan seterusnya jika diizinkan dicetak untuk pengetahuan umum.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dewan ini menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri. Terima kasih. *[Tepuk]*

[Soalan No. 2 – Y.B. Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk tidak hadir]

3. **Tuan Tan Bon You** minta Menteri Kerja Raya menyatakan asas-asas kerajaan melanjutkan tempoh konsesi PLUS selama 8 tahun lagi dan bagaimanakah kerajaan dapat memastikan pihak PLUS tidak menaikkan kadar tol dan sebaliknya meningkatkan mutu perkhidmatan lebuhraya demi kebaikan pengguna.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan kerajaan memberikan perlanjutan tempoh konsesi selama lapan tahun tujuh bulan kepada Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (PLUS) dibuat setelah mengambil kira faktor dan tanggungan kewangan seperti berikut:

- (i) obligasi dan keupayaan PLUS untuk melaksanakan kerja, kerja tambahan bernilai RM1,042.5 juta yang diarahkan oleh kerajaan;
- (ii) mengambil pengambilalihan Lebuhraya Seremban-Port Dickson oleh PLUS dengan nilai RM50.27 juta iaitu menjadikannya sebagai sebahagian dari konsesi Lebuhraya Utara-Selatan;
- (iii) off-set pampasan akibat penamatan kutipan tol di Plaza Tol Senai berjumlah RM331.68 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perjanjian konsesi tambahan kedua di antara kerajaan dan PLUS pada 11 Mei 2002 kadar tol Lebuhraya Utara-Selatan akan dinaikkan seperti dijadualkan sebanyak 10% di atas kadar semasa bagi setiap tiga tahun iaitu sehingga tahun 2030. Walau bagaimanapun, tiada kenaikan tol di antara tahun 2031 hingga tamat tempoh konsesi 31 Julai 2038. Sekiranya kerajaan tidak membenarkan kenaikan tol mengikut kadar dalam perjanjian konsesi, kerajaan perlu menjelaskan sejumlah pampasan dalam bentuk tunai kepada PLUS Bhd. sebagaimana yang terkandung dalam klausa 13.5 – Perjanjian Induk, bertarikh 18 Mac 1988 dan jumlah pampasan yang perlu dijelaskan oleh kerajaan jika tiada kenaikan tol antara tahun 2005 hingga 2007 ialah RM490 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia sebagai badan kawal selia sektor lebuhraya di negara ini sememangnya sentiasa memastikan semua kerja penyelenggaraan yang baik oleh lebuhraya boleh

dilaksanakan dengan sempurna dan menepati piawaian yang ditetapkan demi untuk keeselesaian dan keselamatan para pengguna.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi kepada Menteri kita yang sudi datang ke Dewan Negara ini, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjanjian konsesi *supplementary* ketiga di mana kerajaan dengan PLUS telah menandatangani perjanjian itu, pelaburan melebihi RM1 ribu juta itu, saya hendak tanya apakah *pay back period* untuk RM1 ribu juta itu dan juga apakah *return of investment (ROI)* untuk pelaburan PLUS dalam kiraan perjanjian yang *extend* lapan tahun itu dan juga bolehkah isi kandungan perjanjian dan juga *support document* dikemukakan kepada orang ramai sebagai langkah meningkatkan transparensi dan integriti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tiga soalan dalam soalan tambahan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya jelas tadi PLUS akan mengutip tol sampai ke tahun 2038. Ini berertinya lapan tahun telah dinaikkan untuk mereka mendapat balik perbelanjaan yang telah berlaku. Kos setakat ini iaitu macam manakah kita akan membelanjakan saya akan bagi butirnya sedikit:

Pembinaan lorong ketiga Seremban-Senawang iaitu RM33 juta, dan Senawang-Air Keroh – RM304.5 juta. Rawang-Tanjong Malim – RM295 juta, Tanjong Malim-Sungkai iaitu laluan mendaki – RM120 juta. Ini jumlahnya RM752.5 juta.

Pengalihan Plaza Tol Jelapang nampaknya berbayar sekarang, oleh kerana banyak di antara lori di negara ini tidak mempunyai brek, oleh kerana itu kita tidak mengambil tindakan atas lori, nanti kita ambil tindakan atas plaza tol untuk memindah plaza tol daripada tempat yang sedia ada. Jadi, pengalihan plaza tol – RM240 juta, kerja-kerja *contingency* – RM50 juta, jadi RM1,42.5 juta.

Ini berkenaan dengan mempamerkan atau untuk membuka dokumen-dokumen kepada rakyat untuk melihat. Kami sudah melihat, sudah membuka dokumen-dokumen kepada parti pembangkang. Parti pembangkang dengan satu kumpulan besar datang ke pejabat saya mahu juga melihat muka ke muka, tidak dapat apa-apa kandungan. Ini berertinya dokumen yang kita pamer itu betul, disahkan oleh kerajaan oleh kerana

semua kandungan yang sedia ada dalam dokumen itu satu perjanjian antara syarikat dan juga syarikat-syarikat kerajaan.

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan penghargaan saya sekali lagi di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah cara-cara yang dilaksanakan oleh kementerian untuk pemantauan operasi PLUS supaya kerja-kerja penyelenggaraan dan pengubahsuaian dijalankan dengan segera dan tepat. Oleh kerana kita nampak ada di tempat-tempat tertentu di *highway* garis-garis pun sudah pudar dan kerja-kerja tambah jalan ataupun *resurfacing* kurang memuaskan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya boleh sahkan di Dewan yang mulia ini, syarikat PLUS ialah sebuah syarikat menjalankan tugas mereka dengan baik. Kerja-kerja penyelenggaraan sedang dan masa dahulu telah dijalankan mengikut piawaian. Tiap-tiap kerja yang sedang dijalankan itu akan dijaga oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia sebagai badan kawal selia. Oleh kerana itu saya percaya kita tidak mempunyai apa-apa masalah dengan syarikat

Tuan Tan Bon You: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, walau pun menurut kontrak PLUS Berhad memang berhak menaikkan kadar tol tetapi bolehkah kerajaan meminta dan supaya sebagai bertanggungjawab sosial tidak menaikkan tol. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang balik, kuat sikit lagi.

Tuan Tan Bon You: Minta maaf Dato' Seri, menurut kontrak, kontrak yang sedia ada, PLUS memang berhak untuk menaikkan kadar tol tetapi dari segi tanggungjawab sosial bolehkah kerajaan meminta supaya PLUS jangan menaikkan tol. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau Ahli Yang Berhormat mahu saya boleh minta jangan naikkan tol lagi, kalau Yang Berhormat mengesyorkan kerajaan bayar semua pampasan adakah cadangan itu daripada Yang Berhormat.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Dato' Seri, sebenarnya kita dengan lanjutan tempoh selama lapan tahun ini, bolehkah kita menganggap sebagai keuntungan yang akan dipulangkan kepada PLUS.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu Ahli Yang Berhormat mengambil perhatian. Tiap-tiap kali jikalau kita menyatakan kepada syarikat jangan menaikkan tol itu bererti kita bayar pampasan mengikut perjanjian telah diadakan, yang pertama.

Yang kedua pampasan itu bukan daripada kerajaan, itu pun daripada cukai rakyat sahaja. Jadi, jikalau kita melihat semua bayaran itu walau pun kita mahu juga memberitahu kepada rakyat kita tidak menaikkan tol, kita kena bayar.

Setakat ini kita sudah bayar beberapa ratus juta, sekarang pun kita bayar juga. Dua bulan lagi kita kena bayar lebih dari RM48 juta kepada Link kedua. Mengapa kita bayar? Kerana permintaan dan mahu popular daripada rakyat? Permintaan yang popular menghapuskan tol di Senai berharga RM331 juta, kalau kita dengar permintaan popular itu barangkali siapa yang rugi? Kerajaan rugi. Jadi perjanjian sudah ditetapkan, apabila kita tetapkan perjanjian, perjanjian itu disahkan oleh bank yang meminjam wang kepada syarikat. Jikalau kita suka hati meminda mana-mana perjanjian pada akhirnya kita akan rugi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi menghargai kehadiran menteri sendiri saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Silakan Dato'.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Seri, diterangkan kepada kita dalam tempoh tertentu sekiranya kerajaan tidak bersetuju dengan permintaan katakanlah syarikat PLUS menaikkan tol maka kerajaan mestilah bersedia membayar pampasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju untuk mencadangkan kepada Kabinet supaya ditanggung bersama, maksud saya tol, katakanlah misalnya sepatutnya dinaikkan 10% dinaikkan hanya 5% sahaja kemudian pampasan yang sepatutnya dibayar seluruhnya dibayar separuh daripadanya oleh kerajaan. Dalam hal ini kedua-dua pihak, rakyat ertinya pengguna-pengguna jalan raya itu menanggung satu beban dan kerajaan pada keseluruhannya menanggung beban yang lain. Adakah Dato' Seri bersetuju dengan cadangan itu?

Timbalan Yang di-Pertua: 50,50.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya tidak dapat dengar tadi, minta Yang Berhormat sekali lagi ulang balik sekali.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Begini mudahnya Yang Berhormat Dato' Seri. Kalau kita tidak benarkan - tidak bersetuju tol dinaikkan, katalah 10% kerajaan menanggung beban, katakanlah 400 juta, tetapi sekarang untuk meringankan beban pengguna jalan raya, kita hanya mengenakan bersetuju 5% sahaja tol itu dinaikkan. Tetapi sebahagian daripada pampasan hendaklah ditanggung oleh kerajaan bukan sepenuhnya. Adakah Yang Berhormat Dato' Seri bersetuju dengan cadangan itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, itulah kandungan perjanjian sedia ada di antara kerajaan dengan syarikat PLUS bukan 5%, 10%. 10% daripada tol yang sedia ada iaitu apa yang ada sekarang 13.3 sen sekilometer, selepas tiga tahun akan naik 10%.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

4. **Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah kementerian akan melaksanakan penggunaan "MayKad" yang mempunyai data-data pesakit dan sejarah kesihatan seseorang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kemudahan aplikasi maklumat kesihatan atau *telehealth* dengan izin, dalam MyKad telah pun disediakan.

Semua MyKad yang dikeluarkan telah tersedia dengan kemudahan ini. Kemudahan yang disediakan ini antara lain adalah berfungsi untuk menyimpan beberapa maklumat kesihatan pemegang MyKad seperti jenis darah, alahan, **offsinasi**, waris terdekat untuk dihubungi dan tarikh lawatan ke hospital. Ia amat berguna untuk rawatan kecemasan dan di samping itu dapat membantu mempercepatkan dan memudahkan lagi urusan lawatan orang ramai di hospital-hospital atau di klinik-klinik kerajaan. Walau bagaimanapun penggunaan kemudahan ini di hospital-hospital dan klinik-klinik hanya boleh dilaksanakan setelah penyediaan infrastruktur sistem perkhidmatan ini di hospital dan klinik disiapkan sepenuhnya terlebih dahulu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat buat masa ini penggunaan maklumat kesihatan dalam MyKad hanya dilaksanakan secara perintis di hospital dan klinik Putrajaya sahaja iaitu bulan April 2004. Pelaksanaan sepenuh penggunaan maklumat

kesihatan dalam MyKad di hospital-hospital dan klinik kerajaan yang lain sedang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Puan Hajah Che Jam binti Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan. Tadi keseluruhannya telah di jawab. Pagi tadi kita telah dengar televisyen memaklumkan ada sebanyak 1,800 MyKad tidak dituntut, jadi saya ingin tahu adakah pihak kementerian berhak membatalkan kad pengenalan kepada peserta-peserta atau orang-orang yang menuntut "MyKad" yang telah siap disediakan. Sekian.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat "MyKad " yang telah disiapkan akan disimpan oleh Jabatan Pendaftaran Negara di mana pemohon memohon "MyKad" sehingga dua tahun, selepas tempoh dua tahun ia akan dikembalikan ke Ibu Pejabat dan akan dimusnahkan. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah implikasi yang terdapat dalam MyKad setakat in? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, aplikasi yang terdapat di dalam MyKad ada lapan:

- (i) makluman mengenai kad pengenalan;
- (ii) maklumat lesen memandu;
- (iii) maklumat pasport;
- (iv) *map sketch*....
- (v) Touch N'Go;
- (vi) prasarana kekunci awam (*Public Key Infrastructure*)
- (vii) maklumat kesihatan; [Yang ini dalam perancangan]
- (viii) *Automatic Teller Machine* (ATM)

Datuk Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bilakah MyKad yang mempunyai pelbagai aplikasi akan dilaksanakan di seluruh negara? Kedua, mengapa kita lihat sekarang banyak MyKad dapat di fotostat dan dapat ditiru? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan MyKad pelbagai aplikasi buat masa ini

digunakan di Lembah Klang dan di luar Lembah Klang ialah satu aplikasi. MyKad pelbagai aplikasi akan dapat digunakan di seluruh negara mulai tahun 2006.

Kedua, soal peniruan ataupun pemalsuan kad pengenalan MyKad ini sebenarnya tidak timbul kerana cip MyKad ini tidak dapat ditiru. Cuma sekadar penukaran permukaan MyKad. Terima kasih.

5. **Datin Paduka Jaya Partiban** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah wajar tindakan diambil terhadap aduan yang diterima daripada orang awam yang membuat panggilan melalui telefon dan sistem pesanan ringkas (SMS) yang dipaparkan di badan kenderaan tersebut, apabila mendapati pemandu kenderaan berat tidak mematuhi peraturan dan melakukan kesalahan di jalan raya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sistem aduan melalui telefon dan sistem pesanan ringkas (SMS) diperkenalkan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai tentang kesalahan atau salah laku kenderaan perdagangan yang dilesenkan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sejak tahun 1987.

Selain dari itu ia juga bertujuan untuk memastikan perkhidmatan kenderaan perdagangan sentiasa mematuhi syarat-syarat pelesenan dan peraturan lalu lintas. Sejak dilancarkan ia telah mendapat sambutan yang amat baik daripada orang ramai. Namun begitu, kebanyakan aduan adalah berkenaan kesalahan trafik yang terletak di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan.

Walau bagaimanapun, kementerian masih merekodkan aduan-aduan tersebut dan mengagihkan kepada pihak yang berkenaan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap aduan yang diterima perlu dibuktikan kesahihannya sebelum sebarang tindakan dapat diambil. Oleh yang demikian, tindakan serta-merta terhadap aduan yang diterima tidak dapat diambil. Dalam hal ini kementerian menjalankan siasatan terlebih dahulu untuk mendapatkan bukti-bukti kukuh mengenai aduan yang diterima supaya tindakan yang diambil selaras dengan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Datin Paduka Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa sistem ini tidak begitu efektif kerana saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ingin memberi sedikit penerangan berhubung dengan soalan ini. Pada 2 April yang lalu apabila dalam perjalanan ke Pulau Pinang, selepas Tapah kita dapati satu lori dengan *trailer* panjang yang pemandunya cuai sedikit dan tidak mepedulikan keselamatan orang awam.

Saya dengan serta-merta menghantar SMS pada nombor yang dipaparkan, tetapi saya rasa respons yang diterima adalah melalui jawapan yang direkodkan - *reply* yang telah disediakan ataupun direkodkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan bahawa aduan tidak lengkap. Kita telah menghantar mesej yang sama beberapa kali tetapi masih menerima respons yang sama itu juga. Saya rasa mungkin ia tidak efektif. Itulah sebabnya saya mengemukakan soalan ini. Saya ingin mendapat penjelasan. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian memang mengakui petugas kita tidak cukup. Tetapi walau bagaimanapun kalau aduan itu dibuat selepas pejabat, memanglah mesin rakaman itu akan bertindak. Walau bagaimanapun, keesokan harinya mereka akan memastikan aduan-aduan itu diambil tindakan. Tetapi kalau maklumat-maklumat itu tidak jelas dan tidak lengkap sudah tentulah akan menimbulkan masalah kepada pegawai-pegawai untuk mengambil tindakan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, sistem rakam SMS LPKP akan kita tamatkan apabila kita mempunyai JPJ sendiri yang telah siap membangunkan panggilan bersepadu dalam tahun ini kerana banyak kesalahan macam saya sebutkan tadi berkaitan dengan trafik dan JPJ sendiri. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapa banyakkah aduan yang diterima dan ada berapa banyak yang betul dan diambil tindakan pada tahun 2004?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, LPKP melaksanakan sistem SMS ini bermula daripada 1 Januari 2004. Sejak kita laksanakan, LPKP menerima sebanyak 83,861 aduan melalui SMS. Daripada jumlah tersebut, aduan yang melibatkan bidang kuasa LPKP berjumlah 14,536 ataupun 17.033%. Manakala

sebanyak 31,559 aduan ataupun 37.63% melibatkan bidang-bidang kuasa penguatkuasaan lain yang selebihnya adalah aduan yang tidak relevan.

Untuk pengetahuan umum, saya ingin memaklumkan sedikit Tuan Yang di-Pertua, kita di kementerian dihebohkan dengan kenaikan kadar baru kerana penggunaan meter. Jadi, di kesempatan ini izinkan saya memaklumkan Dewan ini.

Sebenarnya, kadar baru yang kita gunakan hari ini tidak berbangkit.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mungkin penjelasan ataupun makluman tentang harga baru ini boleh Yang Berhormat berikan semasa ucapan penggulungan kementerian-kementerian.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bagi memastikan soalan lisan hari ini, lebih ramai lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kesempatan tadi....minta maaf, saya tidak terfikir pula yang itu dapat dibuat dalam masa...sebab kita tahu demonstrasi sedang berlaku sebab itu saya terpaksa memaklumkan mengapa perkara ini tidak berbangkit. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kerima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri kerana sudi hadir sendiri ke Parlimen pada hari ini.

6. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah hasil kutipan tabung tsunami dan bencana alam negara atau peruntukan kerajaan sendiri dapat diagihkan kepada mangsa-mangsa tsunami yang masih belum dapat memulakan proses pencarian rezeki mereka walaupun sudah hampir setengah tahun tragedi ini berlaku.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Musa bin haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Tuan Poh Mok Hua iaitu pada 10 Mei 2005, Yang Berhormat Tuan Tan Cheng Tee pada 17 Mei 2005, dan Puan Wan Ubaidah binti Omar pada 17 Mei 2005 juga kerana semuanya menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah menerima sumbangan kewangan daripada pelbagai pihak untuk

disalurkan kepada mangsa-mangsa tsunami dalam dan luar negara. Sumbangan tersebut dikreditkan ke dalam akaun Tabung Bantuan Bencana Negara (TBBN) yang dikawal selia oleh Kementerian Kewangan dan kutipan diselaraskan oleh Bahagian Keselamatan Negara (BKN).

Sehingga 30 April 2005 ini iaitu 10 hari yang lepas jumlah kutipan adalah sebanyak RM75,104,120.41 dan perinciannya adalah seperti berikut:

(i)	Bahagian Keselamatan Negara	=	RM24,988,984.30
(ii)	Kementerian Kewangan	=	RM 4,770,472.99
	Jumlah:	=	RM29,759,457.29

Kutipan yang dibuat oleh media:

(i)	New Straits Times, Berita Harian TV3 dan TV8	=	RM37,700,000.00
(ii)	The Star	=	RM 4,765,581.50
(iii)	The Star dan City Bank On Line	=	RM 11,140.00
(iv)	Utusan dan Maybank	=	RM 2,867,941.62
	Jumlah:	=	RM64,874,455.26

Apabila kita campur yang dikutip oleh kerajaan dan media ini maka dapatlah jumlahnya yang telah sebutkan sebentar tadi jumlah besar sebanyak RM75,104,120.41.

Semua kutipan yang telah dibuat oleh pihak media telah diserahkan kepada TBBN iaitu tabung tadi (Tabung Bantuan Bencana Negara) hanya kecuali satu sahaja iaitu Utusan Melayu Malaysia Berhad yang belum lagi menyerahkannya. Ia akan dilakukan insya-Allah pada bulan ini iaitu bulan Mei. Kerajaan telah menyalurkan iaitu sehingga 30 April 2005 daripada jumlah RM75,104,120.41 ini kita telah menyalurkan sejumlah RM65,194,134.50 untuk membantu mangsa-mangsa tsunami.

Perincian yang disalurkan ini ialah:

- (i) bantuan ihsan mangsa-mangsa tsunami sebanyak RM21,434,134.50;
- (ii) bantuan 1/3 kos pembinaan rumah kekal untuk mangsa-mangsa. Maknanya kerajaan memberi 1/3 kemudian 2/3 dibayar oleh mangsa. Jumlah RM20,760,000.00;

- (iii) perbelanjaan baik pulih infrastruktur bagi pertanian dan perikanan.
Jumlahnya ialah RM23 juta.

Apabila kita campurkan ketiga-tiga ini jumlahnya ialah RM65,194,134.50.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 13,275 keluarga dan perseorangan yang telah menerima bantuan dalam bentuk bantuan ihsan, khidmat nasihat dalam membaiki enjin bot, membaiki rumah rosak, pembinaan penempatan sementara dan penempatan kekal. Selain daripada itu, kerajaan juga telah menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan asas yang diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan.

Matlamat bantuan kepada mangsa tsunami bukan untuk memberikan ganti rugi, bukan bayar *compensation* sepenuhnya tetapi untuk meringankan beban mangsa tsunami yang telah kehilangan punca pencarian, harta dan orang yang dikasihi. Sekurang-kurangnya dengan bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan kepada mangsa tsunami, ia dapat membantu mereka untuk memulih dan meneruskan kehidupan seperti biasa.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjangkakan mangsa-mangsa tsunami yang terdiri daripada nelayan, penternak ikan dan petani dapat kembali semula menjalankan aktiviti mereka pada bulan Jun nanti. Sehingga hari ini tiga agensi utama kementerian iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian sedang dalam usaha mengagihkan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Bagi mangsa-mangsa bencana tsunami di luar negara pula, kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri, telah menubuhkan Tabung Bencana Tsunami Asia. Tabung ini menerima sumbangan sebanyak RM25,364,638.59 ini sehingga 6 Mei 2005. Setakat ini yang kita bayar bagi duit daripada tabung luar negara ini kita telah membahagikan kepada:

- (i) Kerajaan Indonesia - RM3 juta
 - (ii) Kerajaan Sri Lanka - RM1 juta
 - (iii) Kerajaan Maldives - RM 530,000
- Jumlah: RM4,530,000.

India tidak menerima wang bantuan sebab dia merasakan dia boleh menyelesaikan masalah dia sendiri dia tidak mahu wang tunai daripada mana-mana negara. Orang ramai sewajarnya memberi sumbangan secara terus kepada BKN, Kementerian Kewangan atau melalui tabung-tabung yang dilancarkan oleh pihak media. Kegagalan mereka berbuat demikian akan mengundang kepada berbagai-bagai risiko seperti sumbangan tidak dikreditkan ke dalam TBBN dan seterusnya tidak sampai kepada mangsa-mangsa tsunami. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu teliti dan komprehensif. Pelancaran kutipan derma juga telah dibuat oleh pihak pembangkang bagi tujuan tabung Tsunami.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri bagaimana cara pemantauan dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan kutipan tabung tsunami yang dibuat oleh pihak pembangkang ini dapat kita tahu jumlahnya dan memastikan cara penyaluran mereka sampai ke sasaran bagi mengelakkan penyelewengan dan manipulasi. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu dalam yang akhir saya ucapkan sebentar tadi iaitu orang ramai sewajarnya memberi sumbangan secara terus kepada BKN, Kementerian Kewangan atau melalui tabung-tabung yang dilancarkan oleh pihak media. Yang lain daripada itu kita tidak dapat hendak pantau. Tetapi pada makluman saya sehingga hari ini saya pun tidak tahu wang yang dikutip oleh tabung-tabung yang dianjurkan oleh parti pembangkang sehingga pada hari ini saya tidak tahu ke mana ia pergi sama ada sampai terus ataupun mungkin dihantar kepada tabung media, kita tidak tahu.

Sebab itu kalau hendak dikatakan telus saya rasa kerajaan yang mengendalikan RM75 juta lebih telus daripada pembangkang yang hanya mengutip beberapa ratus ribu itu pun tidak boleh dipercayai. Mereka telah menggunakan wang tersebut. *[Tepuk]*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapakah peratus jumlah sumbangan yang telah dibelanjakan dan jumlah selebihnya untuk apa? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat Menteri telah pun diberi secara terperinci termasuk berapa yang dikutip dan berapa yang telah pun dibelanjakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih. Saya telah pun menjawab sebenarnya, jadi Yang Berhormat tolak sahajalah iaitu daripada jumlah besar RM75,104,120.41 sen dengan perbelanjaan yang telah kita keluarkan sebanyak RM65,154,134.50 sen. Yang Berhormat, wang tabung yang dikutip untuk dana tidak boleh dibelanjakan kepada perkara-perkara lain.

Saya telah mendengar ucapan daripada Senator Osman bin Bungsu yang meminta supaya kalau ada wang ini digunakan kepada mangsa Gua Musang. Jawapannya tidak boleh kerana rakyat telah memberi *donation* untuk *tsunami*. Jadi kalau mengikut Akta Undang-undang Amanah kita tidak boleh membelanjakan wang selain daripada tujuan asal yang telah diberi. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu berapakah ramai keluarga yang mendapat bantuan penempatan kekal dan di manakah keluarga-keluarga tersebut dan apakah bentuk bantuan tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita telah memberi wang kepada mereka yang telah kehilangan sanak saudara. Kematian dalam negeri kita beri kepada 68 orang, kematian di luar negara iaitu yang meninggal di Phuket dan di Sri Lanka kita telah beri kepada 6 orang di mana jumlahnya ialah RM120 ribu. Bagi 68 orang tadi jumlahnya ialah RM1,428,000 dan begitu juga kepada mereka yang cedera iaitu seramai 91 orang, yang masuk ke hospital jumlahnya 18,200 orang, keluarga yang berpindah melibatkan 2,842 keluarga, jumlah yang terlibat ialah RM1,421,000.

Kemudian yang hilang pendapatan seramai 4,189 orang, kita telah memberi sebanyak RM2,094,500. Ada yang rosak rumah terus musnah ada 138 buah, kita telah beri RM690 ribu. Rumah yang rosak tetapi tidak musnah ada 770 buah, jumlahnya ialah RM1,540,000. Dan sudah tentulah bot yang rosak ada 551 buah, bot yang rosak besar, jumlah RM1,653,000 manakala bot rosak yang kecil pula 3,026 buah dan jumlahnya ialah RM3,026,000.

Penternak ikan 232 orang jumlah dibayar RM116,000. Petani hilang pendapatan 91 orang, bayarannya RM45,500. Sangkar ikan pengusaha seramai 105 orang kita bayar RM252,000. Perabot rosak pun kita bagi, kerajaan punya baik sebab rakyat tidak ada tempat hendak duduk, *fridge* rosak pun kita bagi iaitu sebanyak 537 buah dan jumlahnya yang dibayar ialah RM537,000. Ada dua kategori perabot rosak, satu yang minimum dan satu lagi yang maksimum. Bagi yang maksimum 658 buah dan kita bayar RM2,000 seorang dan jumlahnya RM1,316,000.

Di sekolah menengah kita beri bantuan kepada 973 orang murid di mana kita bayar RM293,000 sementara bagi sekolah rendah kita beri kepada 931 orang murid di mana jumlah yang dibayar RM186,300. Rumah transit iaitu sebelum mereka berpindah dari rumah yang rosak pergi ke rumah yang kekal di Kedah ada 160 unit, kita bayar RM5,000,280. Di Pulau Pinang kita ada 1000 unit kita bayar RM1,226,369 dan yang terakhir sekali kita juga berbelanja untuk pengurusan mengendalikan semua keluarga ini termasuk pusat pemindahan ada 32 pusat jumlahnya ialah RM192,456.50. Jadi jumlah besarnya semua Yang Berhormat ialah RM21,434,134.50 sen.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, jelas dan telus. Dewan juga menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri. [*Tepuk*] Silakan Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

7. **Dato' Dr. S. Vijayaratnam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan terkini isu tuntutan bertindih di antara Malaysia dan Indonesia ke atas kawasan cari gali petroleum di tapak ND6 dan ND7 Laut Sulawesi, Indonesia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Vijayaratnam kerana mengemukakan soalan ini. Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab secara serentak soalan ini dengan lima soalan yang lain iaitu soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah pada 5 Mei, Yang Berhormat Senator Tuan Poh Mok Hua dan Yang Berhormat Senator Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee pada 9 Mei, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim pada 12 Mei dan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani pada 16 Mei memandangkan semuanya menyentuh isu yang sama dan serupa.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Had sempadan laut wilayah dan pantai benua Malaysia adalah sebagaimana yang digambarkan oleh peta baru Malaysia 1979. Walau bagaimanapun, oleh kerana peta tersebut tidak diiktiraf oleh negara-negara jiran maka kerajaan Malaysia wajar mengadakan perbincangan dan rundingan bagi memuktamadkan pembatasan had sempadan maritim dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada perbincangan-perbincangan dan rundingan secara diplomatik Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bagi membataskan hak sempadan pelantar benua dan perairan wilayah di antara Malaysia dengan Indonesia di Selat Melaka dan Laut China Selatan pada tahun 1969 dan tahun 1970 dan perjanjian tiga hala antara Malaysia, Indonesia dan Thailand berhubung pembatasan sempadan pelantar benua di Utara Selat Melaka pada tahun 1971.

Selain daripada perjanjian-perjanjian tersebut Malaysia juga telah berjaya mencapai beberapa penyelesaian sementara bagi tuntutan hak sempadan maritim yang bertindih di Laut Cina Selatan di antara Malaysia dengan Thailand yang ditandatangani pada tahun 1990 dan di antara Malaysia dengan Vietnam tahun 1992. Penyelesaian sementara ini adalah berbentuk sama dengan negara-negara jiran dalam bentuk eksplorasi dan eksploitasi sumber hidro karbon di kawasan di mana terdapat tuntutan sempadan maritim yang bertindihan.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 17 Disember 2002 telah memberi penghakiman mengenai hak kedaulatan ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan kepada Malaysia tetapi ia tidak menyentuh isu perbatasan hak sempadan maritim Laut Sulawesi. Susulan dari keputusan tersebut Malaysia dan Indonesia telah bertemu di Kuala Lumpur pada Julai 2004 iaitu sebelum isu ini menjadi tajuk utama media-media Indonesia di bulan Februari 2005. Kemudian diadakan pula mesyuarat berterusan pada Mac 2005 di Bali, Indonesia bagi membincangkan perbatasan sempadan di Laut Sulawesi berdasarkan Undang-undang Antarabangsa. Mesyuarat berikutnya saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini akan diadakan pada akhir bulan Mei 2005 ini di Malaysia.

Sememangnya terdapat keperluan bagi Kerajaan Malaysia untuk memuktamadkan perbatasan hak sempadan maritimnya dengan negara-negara jiran

melalui perjanjian seberapa segera yang mungkin. Walau bagaimanapun, rundingan yang berhubung dengan hak sempadan maritim merupakan satu proses yang rumit memerlukan masa dan kesabaran sebelum penyelesaian dapat dicapai.

Akhir kata Malaysia mempunyai dasar menyelesaikan apa jua pertikaian sesama jirannya melalui rundingan menggunakan saluran diplomatik dan mekanisme dua hala dan berlandaskan undang-undang antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Vijayaratnam.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas satu jawapan yang begitu lengkap. Soalan tambahan saya, adakah dicadangkan oleh dua-dua negara berkenaan merujuk perkara tersebut pertubuhan undang-undang lautan antarabangsa ataupun *international law of the sea* (ITLOS) atau mencari penyelesaian melalui penimbang tara atau pun *arbitration*, dengan izin, ataupun diputuskan oleh mahkamah kehakiman antarabangsa, *The Hague International Court of Justice*. Terima kasih.

Datuk Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat. Buat masa ini kedua-dua negara bersetuju untuk mengadakan perundingan di peringkat pegawai tinggi dan teknikal pada hujung bulan ini di minggu ketiga atau minggu keempat, kita sedang menyesuaikan tarikhnya. Buat masa ini belum ada sebarang keputusan untuk merujuk perkara ini kepada *arbitration* ataupun kepada mahkamah keadilan antarabangsa tetapi perundingan di peringkat teknikal adalah mengkhususkan perbincangan bawah *convension* pertubuhan bangsa-bangsa bersatu bagi undang-undang laut (ITLOS) 1982 kerana Malaysia menjadi ahli kepadanya dan perbincangan teknikal dan pegawai tinggi adalah khusus kepada ITLOS ini dan keputusan selanjutnya tentang *arbitration* ataupun mahkamah keadilan antarabangsa belum dibuat keputusan oleh kedua-dua negara. Terima kasih.

8. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bilangan pengajar yang berstatus guru Bahasa Inggeris (DG 41, DG 44, DG 48) di IPTA dan adakah kerajaan bercadang untuk menaiktarafkan kedudukan mereka ini kepada taraf perkhidmatan yang setara dengan pensyarah universiti (DS 45, DS 53) atau seumpamanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan tenaga pengajar yang berstatus guru Bahasa Inggeris DG 41, DG 44, DG 48 di IPTA ialah seramai 366 orang iaitu 95 pengajar lelaki dan 271 pengajar perempuan. Pecahannya bilangan pengajar yang berstatus DG 41 adalah seramai 346 orang merangkumi 92 pengajar lelaki dan 254 orang pengajar perempuan. Bilangan pengajar yang berstatus DG 44 pula adalah seramai 7 orang yang hanya terdiri daripada pengajar perempuan sahaja. Bagi status pengajar DG 48 terdapat seramai 13 orang merangkumi 3 pengajar lelaki dan 10 pengajar perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak ada cadangan untuk menaikkan kedudukan mereka ini kepada taraf pendidikan yang setara dengan pensyarah universiti seperti DS 45, DS 53 dan seumpamanya kerana syarat-syarat kelayakan untuk menjawat jawatan pengajar yang berstatus guru bahasa adalah berlainan dengan syarat-syarat kelayakan untuk menjawat jawatan pensyarah di sebuah universiti.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah IPTA sekarang ini mempunyai cukup guru Bahasa Inggeris sebab di antara kita lihat siswa siswi yang keluar daripada universiti menghadapi masalah mencari pekerjaan ialah kerana tidak cekap bahasa Inggeris. Saya ingin tahu berapakah juga IPTA yang berpengantar bahasa Inggeris dan berapa IPTA berpengantar bahasa Melayu dan adakah kerajaan bercadang untuk mengubah semua IPTA supaya berpengantarkan bahasa Inggeris. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih, Yang Berhormat. Penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar di IPTA amat digalakkan ketika mereka menyampaikan projek atau persembahan. Malahan terdapat juga pengajar-pengajar di IPTA mewajibkan pelajar-pelajar menyampaikan persembahan dalam bahasa Inggeris dalam mata pelajaran-mata pelajaran tertentu seperti bidang sains dan teknologi bagi mereka boleh menguasai bahasa ini. Kementerian mengambil langkah-langkah tertentu bagi tujuan memantapkan kualiti graduan di IPTA tempatan, khususnya di kalangan bumiputera seperti menggalakkan mereka berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris di dalam dan di luar waktu pengajian.

Contoh, seperti di universiti ternama di Universiti Malaya, ada unit Bahasa Inggeris yang mengadakan kelas Bahasa Inggeris diberi percuma kepada pelajar-pelajar

yang lemah Bahasa Inggeris dan mereka digalakkan membawa *dictionary* untuk memastikan mereka sentiasa berada dalam keadaan bersedia. Di UUM seperti mengadakan kursus intensif Bahasa Inggeris dalam masa cuti panjang dan wajib bagi mereka yang tidak capai tahap ujian.

Mengenai jumlah pensyarah yang cukup ataupun tidak cukup di universiti, setiap universiti, 17 IPTA di dalam negara kita mempunyai sejumlah pengajar-pengajar yang mencukupi dan yang teramai ialah di UIA. UIA mempunyai lebih kurang 132 tenaga pengajar Bahasa Inggeris. Sebab itulah kita gembira kerana Cik Melati Abdul Hamid dan Cik Siti Aliza telah berjaya menjadi pemidato dalam Bahasa Inggris terbaik di Amerika Syarikat baru-baru ini dalam Pertandingan Mahkamah Moot di USA kerana guru bahasa yang mengajar Bahasa Inggeris cukup *competent* sehingga melayakkan salah seorang pelajar kita berjaya di peringkat dunia. Ini merupakan satu kualiti yang kita adakan terbaik. Kita pada masa ini mensyaratkan supaya tenaga-tenaga pengajar aktif memberikan galakan kepada pelajar-pelajar supaya biasakan ataupun mempunyai *environment* yang terbaik sesama mereka untuk mengatasi masalah kelemahan bahasa Inggeris. Sekian, terima kasih.

9. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimana kementerian mengatasi masalah mengenai penyediaan kelengkapan serta bilik kecemasan bagi poliklinik kesihatan yang terletak di luar bandar dan kawasan pedalaman terutamanya klinik ibu mengandung dan perlu dinaiktarafkan perkhidmatannya agar mereka dapat menikmati rawatan serta perkhidmatan yang diperlukan tanpa perlu pergi jauh ke hospital besar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choong]: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 864 buah poliklinik luar bandar telah disediakan dengan kelengkapan asas rawatan termasuk keperluan untuk rawatan kecemasan ibu mengandung yang mengikut piawaian dan dasar sedia ada. Kelengkapan asas diganti atau ditambah mengikut keperluan berdasarkan peruntukan tahunan yang disalurkan ke setiap negeri. Kemudahan infrastruktur fizikal termasuk bilik kecemasan yang kurang sesuai juga diperbaiki dan dinaiktarafkan dari masa ke semasa di mana peruntukan untuk menaik taraf bilik kecemasan turut dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Yang Berhormat, ibu mengandung berisiko rendah di kawasan luar bandar yang jauh dari hospital dibenarkan bersalin di pusat bersalin alternatif yang dikendalikan oleh jururawat masyarakat yang terlatih. Manakala, semua kes mengandung berisiko tinggi dirujuk terus ke hospital bagi memastikan kelahiran yang selamat. Sekian, terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah wawasan kementerian dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap kesihatan masyarakat luar bandar?

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Wawasan Kementerian Kesihatan dan juga kerajaan kita adalah supaya semua perkhidmatan perubatan dan kesihatan diberi kepada semua lapisan rakyat dengan lebih *equitable* dan *affordable*. Sekian terima kasih.

10. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah kerajaan menubuhkan syarikat payung konsortium untuk menjalankan projek kerajaan. Adakah Kerajaan sedar kos yang dialami oleh syarikat ini kononnya dilantik oleh kerajaan adalah 50% lebih mahal dari kos pasaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa ini tidak ada menubuhkan atau melantik syarikat payung konsortium untuk melaksanakan projek kerja kerajaan. Memang, pada masa dahulu pada 1996 hingga tahun 2000 pihak Kementerian Luar Bandar memang telah pun melaksanakan projek jalan kampung melalui konsep payung. Tetapi mulai tahun 2004, melalui arahan daripada Kementerian Kewangan semua projek kerajaan hendaklah dilaksanakan oleh agensi teknikal kerajaan. Buat masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bagi projek kerja kontrak utama boleh melantik beberapa *nominator subcontractor* ataupun NSC dan juga subkontraktor.

Di samping itu, NSC ataupun *nominator subcontractor* juga boleh melantik subkontraktor dan NSC ini akan bertanggungjawab terus kepada kontraktor utama. Kerajaan tidak mengeluarkan sebarang LOA kepada NSC atau subkontraktor. Sebarang perjanjian yang berkaitan dengan projek berkenaan akan ditandatangani di antara kontraktor utama dengan NSC ataupun subkontraktor. Dengan persetujuan kontraktor utama, bayaran terus akan dibuat oleh kerajaan kepada NSC yang dilantik

oleh kerajaan dan subkontraktor yang dilantik sendiri oleh NSC bagi melindungi kepentingan mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, walaupun perkara ini sudah tidak lagi dilaksanakan oleh kerajaan, tetapi terdapat syarikat-syarikat payung yang masih lagi belum menyelesaikan hutang dengan anak-anak payung ini sampai setakat ini. Jadi apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam menolong menyelesaikan masalah ini, kerana ini melibatkan kontraktor Kelas F Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat masalah begini kerana kontraktor-kontraktor yang membuat kerja mendapat bayaran lewat. Di pihak Kementerian Kewangan memang ada satu unit khas untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi mana-mana kontraktor yang ada masalah begini, bolehlah buat laporan terus kepada unit ini dan pihak dengan izin, *flying squad* akan pergi buat lawatan dan akan menyelesaikan sendiri dengan segera.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Osman bin Bungsu.

11. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:-

- (a) bilangan penduduk yang miskin dan miskin tegar dalam negara; dan
- (b) apakah bentuk perancangan dan peruntukan dalam RMK-9 untuk membasmi kemiskinan khususnya masyarakat Orang Asli yang kemiskinannya mencecah hampir 80% (termasuk 56.6% kemiskinan tegar) daripada jumlah penduduk hampir 148,000 orang.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, pada tahun 2002 terdapat 5.1% daripada jumlah isi rumah adalah terdiri daripada golongan miskin, iaitu sebanyak 267,900 isi rumah. Pada tahun yang sama juga kadar kemiskinan tegar ialah 1% yang melibatkan sebanyak 52,900 isi rumah dan daripada jumlah tersebut 12,600 isi rumah

miskin tegar terdapat di bandar, iaitu 0.4% daripada jumlah penduduk di bandar dan 40,300 isi rumah berada di luar bandar, iaitu 2.3% daripada penduduk di luar bandar.

Berhubung soalan bahagian (b), tumpuan kementerian dalam pembangunan masyarakat Orang Asli ialah terhadap usaha pembasmian kemiskinan. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang tahun 2009. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian memperakukan sebanyak RM530 juta bagi melaksanakan lima program pembangunan untuk masyarakat Orang Asli. Usaha-usaha khusus yang dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan tegar di kalangan Orang Asli termasuklah Program Pembangunan Tanah Baru seluas 5,000 hektar dengan tanaman kelapa sawit dan getah yang dijangka menelan belanja RM30 juta. Pembinaan 12,917 unit rumah PPRT yang menelan belanja RM219 juta dan Program Pelancongan Desa di setiap negeri yang menelan belanja kira-kira RM6,044 juta. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: *[Bangun]*

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Puan Siw Chun a/p Eam.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan yang dirancangkan oleh pihak kerajaan demi membasmi kemiskinan dalam perspektif pembangunan negara, dan saya difahamkan pada tahun 1970 sehingga 2005, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM349 bilion untuk menjana pertumbuhan ekonomi di.....

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam:kawasan bandar dan juga luar bandar. Soalnya, apakah langkah-langkah pihak kementerian dalam kegunaan peruntukan ini untuk membasmi kemiskinan di luar bandar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan ini mungkin umum sedikit Yang Berhormat bukan khusus kepada masyarakat Orang Asli. Terpulang untuk Yang Berhormat untuk menjawab.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang ada dua bahagian kepada soalan, yang mana bahagian pertamanya ada

menyentuh tentang kemiskinan dan kemiskinan tegar secara umum. Jadi seperti mana yang kita maklum pelbagai usaha dan program sudah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan ini dan Yang Berhormat ada menyebut tentang perbelanjaan besar yang telah dibelanjakan sejak tahun 1970 sehinggalah ke masa sekarang melalui Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar yang seterusnya.

Ini menunjukkan betapa komitmen kerajaan dan kalau kita lihat dari segi kejayaannya pada tahun 1970, kadar kemiskinan di negara kita adalah melebihi 50% dan sekarang hanya tinggal 5% sahaja lagi. Jadi bermakna kejayaan juga adalah besar. Di antara program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ialah khususnya untuk mengatasi masalah kemiskinan tegar ialah menyediakan perumahan yang bersesuaian, memberi makanan yang berzat, bantuan kegiatan ekonomi khususnya untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin melalui industri kecil makanan dan sebagainya melalui usaha-usaha latihan seperti jahitan, masakan, *workshop* motor mekanik dan sebagainya dan juga akhir-akhir ini satu komponen bina insan untuk mengubah minda dan sikap golongan yang kurang bernasib baik ini supaya juga turut mempunyai wawasan untuk memperbaiki keadaan hidup diri mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan terakhir, Tuan Osman bin Bungsu wakil masyarakat Orang Asli di Dewan Negara.
[Tepuk]

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana soalan terakhir dan juga kepada Yang Berhormat yang memberi sokongan kuat kepada saya menaikkan semangat untuk membantu masyarakat yang tertinggal ini.

Soalan tambahan saya, saya ingin tahu bagaimanakah strategi kementerian untuk memantau dan mengimplementasikannya untuk mengubah persepsi tahap kemiskinan Orang Asli dalam rangka yang begitu singkat antara tahun 2005 hingga 2010. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita lihat dari segi peruntukan yang diperakukan oleh kementerian sejumlah RM530 juta untuk jangka masa lima tahun yang akan datang, kalau kita perincikan ini merupakan secara per kapitanya RM3580 selama lima tahun. Yang

bermakna untuk setahun per kapitanya ialah RM716 dan kalau dikira sebagai satu keluarga lima orang yang berjumlah setahun RM3,580 ini seolah-olah RM300 setahun satu keluarga. Bermakna kalau kita bagi *direct* macam itu pun dia dah boleh terkeluar daripada garis kemiskinan tegar. Tetapi apa yang dibuat oleh kerajaan ialah lebih rasional, iaitu bantuan secara *direct* ini tidak akan berkekalan. Sampai bilakah kita harus memberi bantuan *direct* seperti ini.

Jadi inilah pelbagai usaha yang dibuat melalui pembinaan ladang baru dan sebagainya supaya pendapatan Orang Asli ini akan meningkat. Pada masa yang sama kita menerima hakikat bahawa membasmi kemiskinan tegar di kalangan masyarakat mana-mana pun lebih-lebih lagi golongan Orang Asli mungkin adalah satu usaha yang sukar. Tetapi kita tidak seharusnya berputus asa dan kita akan mencuba, walaupun kita tidak mencapai kejayaan 100% walaupun kita hanya mencapai kejayaan yang kurang sedikit, tetapi asalkan ianya berkekalan. Kalau lihat dari segi komitmen yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua melalui jumlah wang dan sebagainya memang cukup besar. Ini menunjukkan azam dan kesungguhan kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar di kalangan Orang-orang Asli khususnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dewan juga ingin menghargai kehadiran Yang Berhormat walaupun Menteri sendiri tidak hadir tetapi dua Timbalan Menteri daripada kementerian yang sama hadir pada hari ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL
MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen yang Kesebelas.” **[9 Mei 2005]**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed sambung ucapan.

11.19 pagi.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memuji tindakan tegas Kerajaan Selangor mengheret pemaju terbabit ke mahkamah tanpa mengamalkan sikap pilih kasih yang mana syarikat di bawah negeri sendiri telah disabitkan kesalahan.

Hukuman itu diharap dapat memberi pengajaran agar pemaju terbabit serta syarikat lain tidak mengulangi kesalahan itu tetapi persoalannya bagaimana pula dengan kakitangan atau pegawai pihak berkuasa tempatan ataupun agensi berkaitan yang sepatutnya bertanggungjawab memantau dan menguatkuasakan undang-undang selepas meluluskan projek-projek berkenaan.

Saya tidak berniat untuk mencari kesalahan mana-mana pihak tetapi agak mustahil kerakusan pemaju terbabit menebang pokok berhampiran Taman Pertanian berkenaan tidak disedari kerana perbuatan itu bukan baru berlaku sehari, dua malah kawasan itu juga terletak tidak jauh dari pusat pentadbiran kerajaan negeri. Namun saya percaya apa pun tindakan termasuk mengheret pemaju ke mahkamah atau memperkenalkan undang-undang dan peraturan baru tidak akan menyelesaikan

sepenuhnya masalah berkenaan selagi masih ada kakitangan dan pegawai yang tidak beramanah, cuai ataupun memandang mudah soal pemuliharaan alam sekitar. Saya.....

Tuan Ismail bin Kassim: Mohon laluan.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Silakan.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya inginkan pandangan dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed berhubung dengan apa yang telah berlaku di Bukit Cherakah merupakan sesuatu yang mengejutkan kerana isu bukan sahaja isu Selangor ataupun *local issue*, dengan izin, tetapi melibatkan soal alam sekitar dan boleh dikongsi bersama oleh penduduk negara ini berhubung dengan masalah ini.

Pada saya untuk kita merancang untuk membangunkan sesuatu tempat ianya melibatkan beberapa agensi kerajaan. Kalaulah katakan bahawa pihak kerajaan tidak tahu menahu sebelum sesuatu projek itu hendak dilaksanakan saya kata sesuatu yang cukup mustahil sedangkan kita hendak membina rumah pun, hendak membuat sesuatu taman perumahan kita perlu ada kebenaran perancang yang perlu diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan atau PBT tetapi apabila isu ini telah terbuka kepada pengetahuan dan komen umum, kita melihat bahawa seolah-olah semua pihak tidak bertanggungjawab dan seolah-olah perkara itu berlaku secara disengajakan ataupun secara *illegal*. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, apa yang saya perkatikan tadi tentang pegawai-pegawai yang terlibat juga perlu dipertanggungjawabkan. Kemungkinan besar benda yang berlaku dalam PBT ataupun permohonan-permohonan ataupun bantahan-bantahan itu telah pun diambil dan disorok dimasukkan di bawah *carpetkah*, apakah sebab itulah perkara ini sehingga orang ramai mula membuat bising barulah pihak kerajaan negeri Selangor membangkitkan perkara tersebut. Selain daripada itu saya rasa kita kena tanya Menteri Besar Selangorlah.

Saya berpendapat kakitangan dan pegawai yang cuai atau gagal melaksanakan amanah rakyat seharusnya turut dihukum bagi menggambarkan ketelusan kerajaan

negeri dalam menangani isu itu serta memastikan pihak berkaitan lebih berhati-hati dan bertanggungjawab sebelum meluluskan sebarang projek pada masa akan datang.

Pada hemat saya juga, dari segi yang lain sudah tiba masanya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar perlu menggubal undang-undang alam sekitar dengan lebih terperinci. Kementerian harus menyemak semula undang-undang dan peraturan lapuk yang membabitkan aspek penguatkuasaan dan hukuman bagi memastikan semua peraturan dan undang-undang yang ada sesuai dengan keadaan semasa.

Keseragamannya di peringkat kerajaan pusat dan negeri perlu ditingkatkan terutamanya yang melibatkan penguatkuasaan perundangan seperti peraturan dan garis panduan. Kerajaan negeri pula tidak boleh bertindak sesuka hati menggubal peraturan mengikut selera masing-masing sehingga memberikan implikasi yang buruk kepada Jabatan Alam Sekitar yang selama ini diberikan amanah menguatkuasakan undang-undang alam sekitar.

Dari sudut jangka panjang saya fikir apa yang lebih penting ialah pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar perlu mengadakan program pendidikan secara berterusan tentang alam sekitar di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi serta membina kesedaran masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar sebagai amanah tuhan. Kerjasama di antara pihak kerajaan dan pihak swasta juga perlu diperkukuhkan untuk sama-sama memelihara alam sekitar.

Selain program pendidikan yang harus dilaksanakan oleh pihak kementerian, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar perlu melatih atau *mereorganize* seluruh kakitangan dengan melatih mereka agar profesionalisme mereka dapat dipertingkatkan. Hal ini penting ialah kerana berikutan.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed:tiga kes penting.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri:Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Tuan Hassan bin Haji Shukri.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua terima kasih, saya tertarik hati kerana Yang Berhormat meminta supaya diadakan pendidikan mengenai

pemuliharaan alam sekitar. Sebenarnya memanglah kalau kita melihat Al-Quran, Tuhan menjadikan berbagai-bagai sebenar semuanya ini untuk faedah manusia.

Jadikan langit, bumi, hutan belantara, bukit-bukau dan gunung-ganang, sungai, anak-anak sungai, semuanya dijadikan untuk kepentingan manusia dan ianya ada kait-mengait dengan alam sekitar itu sendiri. Bolehkan Yang Berhormat setuju jika sekiranya pendidikan ini kita rujukan semula, kita bawa maknanya anak-anak murid itu melihat bagaimana kekuasaan Tuhan menjadikan semua ini supaya manusia tidak akan melakukan sewenang-wenang bagi merosakkan alam sekitar ini kerana Tuhan pun sebut dalam Al-Quran, Dia kata, "Sesungguhnya yang melakukan perbuatan, merosakkan dunia ialah melalui tangan manusia sendiri". Bolehkan Yang Berhormat setuju pendidikan itu kita arahkan terasnya kepada anak-anak kita supaya memahami hikmat kejadian alam itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat saya rasa persoalan Yang Berhormat sudah lari sedikit oleh kerana kalau Yang Berhormat tahu apa sahaja yang kita lakukan sebagai satu kerajaan yang berteraskan agama Islam sebagai agama rasmi, kita banyak merujuk kepada Al-Quran dan Sunah. Saya rasa soalan itu tidak perlu ditimbulkan lagi Yang Berhormat. Sekian.

Selain program pendidikan yang harus dilaksanakan oleh pihak kementerian, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar perlu melatih atau *mereorganize* seluruh kakitangan dengan melatih mereka agar profesionalisme mereka dapat dipertingkatkan. Hal ini penting ialah kerana berikutan tiga kes penting yang ada kaitan dengan Jabatan Alam Sekitar yang menjadi perhatian umum baru-baru ini. Isu-isu ini itu ialah kematian Pegawai Penyiasat JAS Sarawak, 'Rumi Azlan Mali' melepaskan lori sisa toksik di Ipoh dan soal penyimpan sisa toksik sebesar padang bola di Pasar Gudang, Johor.

Tuan Yang di-Pertua, isu pendidikan terus mendapat perhatian terutama di kalangan orang Melayu. Berbagai-bagai perkara berkaitan bidang ilmu terus dibangkitkan. Pendidikan sebenarnya menjadi agenda yang tidak pernah selesai. Hari ini jika kita lihat dari segi realitinya sekolah di negara kita sekarang dibebani dengan pelbagai masalah daripada masalah salah laku pelajar, masalah kekurangan tenaga

pengajar terlatih, masalah bahan pengajaran yang tidak mencukupi hinggalah kepada masalah kekurangan makmal komputer.

Antara masalah yang paling menggegarkan rakyat ialah isu disiplin pelajar di sekolah. Satu masa dahulu sekolah bukan sahaja dilihat sebagai pusat ilmu tetapi sekolah juga dilihat sebagai tempat yang paling selamat untuk para pelajar dan guru-guru tetapi sekarang tidak lagi macam dahulu. Di samping mewarisi pelbagai masalah disiplin pelajar tidak ketinggalan juga gejala samseng sudah semakin menular.

Kejadian tragedi pelajar Mohd Farid Ibrahim, pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Agama Dato' Kelana Putra Makmur Empangan Negeri Sembilan maut di tangan rakan sekolahnya cukup membimbangkan kita semua. Sewaktu kejadian berlaku rakyat negara ini baru sahaja tenang selepas beberapa kejadian keganasan di sekolah yang berlaku sepanjang 2003.

Masyarakat kembali gempar dengan kejadian tersebut. Saya kira kewibawaan tenaga pengajar pentadbiran sekolah dan Kementerian Pelajaran kembali dipersoalkan oleh rakyat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ekoran dari kejadian itu Yang Berhormat Menteri dikatakan telah mengambil tindakan dan langkah-langkah perlu bagi meredakan keadaan. Satu jawatankuasa petugas khas menangani gejala disiplin telah ditubuhkan serta membuka talian penting dan e-mel untuk mangsa buli dan keganasan sekolah. Ibu bapa dan orang awam dibenarkan membuat aduan tentang masalah disiplin pelajar yang tidak dapat dikendalikan oleh pihak sekolah. Sehingga penghujung tahun lepas satu sumber menyebut sebanyak 250 pandangan awam telah diterima di samping beberapa ratus aduan yang dikategorikan di bawah masalah salah laku pelajar, jenayah dan aduan tentang guru serta pentadbir sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta maaf, saya mohon mengganggu Yang Berhormat untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, walaupun bukan masa soal jawab, terima kasih Yang Berhormat. Silakan. [*Tepuk*]

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Pihak kementerian telah mendapat bantuan dari pihak polis untuk membanteras gejala samseng, buli dan keganasan di sekolah. Begitu juga dengan masalah ponteng sekolah, walaupun agak kontroversi pihak polis diminta agar menahan pelajar yang berada di luar kawasan sekolah pada waktu sepatutnya mereka berada di dalam kelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kementerian juga harus menangani masalah terdapatnya guru-guru besar atau pihak sekolah yang cuba melindungi kes jenayah yang berlaku di sekolah mereka. Ini kerana terdapat dakwaan yang mengatakan ada beberapa buah sekolah berstatus elit yang mempunyai masalah disiplin cuba menutup kes tersebut kerana tidak mahu nama mereka terjejas jika diketahui umum. Sepanjang tahun lalu sahaja masalah disiplin di sekolah masih lagi banyak tersiar di dada-dada akhbar tempatan walaupun kes kematian sudah tidak ada lagi. Beberapa kejadian pelajar di serang oleh rakan sekelas atau pelajar senior masih timbul. Kejadian buli atau *ragging* dengan izin, di sekolah dan di asrama juga masih berlaku.

Selain itu masalah pelajar merokok dan ponteng sekolah masih tetap berleluasa. Perkara ini juga menjadi punca berlakunya beberapa kejadian serangan dan ancaman pelajar samseng terhadap pelajar-pelajar lain dan juga pentadbir sekolah dan guru-guru. Misalnya pelajar yang melaksanakan tanggungjawab mereka dengan melaporkan kesalahan kepada guru akan menjadi sasaran ancaman pelajar samseng.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah saya mengganggu lagi sebentar?

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan hanya punyai 87 minit untuk membahaskan usul ini dan semalam saya dapati 13 orang yang masih ingin bercakap. Saya mempunyai pilihan sama ada mengongkong perbahasan dengan mengehadkan masa atau meminta sesiapa yang hendak bercakap kerana perkara-perkara yang akan ditimbulkan adalah sama akan bercakap dalam masa Perbahasan Perbekalan Tambahan.

Di sini saya suka mengingatkan pesanan saya beberapa kali betapakah Yang Berhormat mahukan Dewan Negara terus relevan dan dihormati, banyak bergantung

pada peranan Yang Berhormat menyerlahkan prinsip *accountability* dan membahaskan dengan tepat terhadap urusan perundangan, isu-isu nasional dan kepentingan-kepentingan negeri-negeri, minoriti dan sektor-sektor tertentu dalam ekonomi dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat terus sahaja membaca ucapan-ucapan yang dikarang untuk kita oleh orang lain, kita tidak menepati tuntutan tersebut. Terima kasih.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini berlaku kepada seorang pelajar 16 tahun di sekolah berasrama, di Ipoh Perak yang diserang dan diugut akan dibunuh oleh pelajar samseng. Begitu juga dengan kes seorang pelajar Tingkatan 5, Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Sembilan yang diserang oleh rakan sekelas kerana membuat laporan tentang salah laku pelajar berkenaan kepada pihak berkuasa sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada sandaran beberapa kes yang saya sebutkan saya ingin meminta penjelasan Kementerian Pelajaran. Pertama, sejauh manakah keberkesanan jawatankuasa petugas khas menangani gejala disiplin. Yang kedua, apakah kajian mengenai sebab-sebab pelajar berhenti sekolah kerana statistik menunjukkan 46.8% daripada penagih dadah yang berdaftar hanya berkelulusan Penilaian Menengah Rendah, mereka mungkin berhenti ataupun diberhentikan sekolah selepas di peringkat tersebut.

Dalam tempoh 8 bulan pertama pada 2004, sebanyak 1,513 orang penagih dadah yang ditahan berusia di antara 13 hingga 19 tahun. Sebanyak 1,353 orang pelajar pula ditahan kerana melakukan keganasan dan jenayah harta benda, 81 orang daripada mereka berusia antara 7 hingga 12 tahun. Saya kira ini satu perkembangan yang menakutkan dan kementerian perlu mencari jalan penyelesaian bersifat jangka panjang kerana pengisian.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat isunya di sini ialah? Isu yang Yang Berhormat ketengahkan di sini ialah

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Disiplin di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Disiplin di sekolah. Yang Berhormat sudah pun memberi butir-butir yang cukup terperinci bahawa kita berhadapan dengan masalah disiplin di sekolah-sekolah. Bolehkah Yang Berhormat beralih kepada isu yang lain?

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita cukup merasa bimbang dengan sikap generasi muda terutama golongan remaja yang dikatakan imej dan nilai mereka semakin tercalar. Mereka dicap dan dilabelkan sebagai kelompok tidak takut mati, tidak serik dan tidak pernah insaf. Sikap pelumba haram atau istilah baru disebut sebagai Mat Rempit yang tidak pernah puas menyusahkan ibu bapa dan juga pihak kerajaan, membahayakan diri sendiri serta penggunaan jalan raya yang lain.

Mereka berlumba bagaikan lupa diri semata-mata hendak menang menjadi juara untuk mendapat ganjaran kewangan dan bermalam dengan wanita-wanita cantik. Lebih menyedihkan majoriti golongan Mat Rempit ini adalah generasi muda yang masih bersekolah berfikiran belum matang dan sesetengahnya tidak ada pun lesen memandu. Mereka ini tidak lagi memilih hari minggu atau cuti umum untuk berlumba malah hari biasa termasuk ketika azan berkumandang. Masa hadapan mereka dikorbankan di jalan raya dan hilang upaya pada usia yang masih muda kerana mengikut nafsu. Kematian dan kecederaan yang membabitkan pelumba haram sungguh mendukacitakan banyak pihak kerana golongan ini sebenarnya ialah tenaga penggerak ekonomi masa hadapan negara. Cadangan agar usia pemberian lesen motosikal dinaikkan kepada 18 tahun berbanding 16 tahun sekarang cukup baik dan kena pada masanya. Langkah itu diharapkan dapat membantu menyelamatkan kira-kira 400 nyawa remaja setahun.

Tahun lalu sahaja kira-kira separuh iaitu 3, 088 daripada 6, 223 mangsa yang terkorban di jalan raya adalah penunggang dan pembonceng motosikal. Walaupun tiada data lengkap mengenai mangsa pelumba haram namun kegiatan haram ini sepatutnya diberi perhatian. Setakat menggantung lesen belum cukup malah saya kira jika motosikal mereka ditahan selama 6 bulan atau setahun mungkin itu satu cara terbaik. Ini adalah kerana ketiadaan motosikal boleh menyebabkan mereka patah kaki.

Setakat ini walaupun pelbagai kempen membabitkan kos jutaan ringgit melaksanakan namun geng Mat Rempit masih belum berubah, malah mereka lebih berani tanpa mpedulikan nasib anggota polis yang menjalankan tugas. Kes terbaru ialah kejadian malang menimpa konstabel Meor Mohammad Arni. Kejadian seperti ini adalah episod malang yang terpaksa ditempuh oleh anggota polis dalam membanteras

lumba haram. Saya kira jika ianya dibiarkan berterusan sudah pasti aktiviti ini akan menjadi kudis dan parasit dan keharmonian masyarakat serta menambah buruk pelbagai visi gejala sosial remaja pada masa kini.

Sebagai remaja, saya berpendapat mereka memerlukan bimbingan daripada ahli keluarga untuk membentuk peribadi dan bukannya meniru acuan rakan sebaya mereka. Kementerian Dalam Negeri perlu mencari kaedah penyelesaian terbaik bagi membanteras lumba haram ini hingga ke akar umbi jika tidak masa hadapan negara akan menjadi ketandusan remaja lelaki dan wanita yang tidak menentu akibat daripada kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dikatakan akan memperkembangkan konsep pelancongan Islam di negara ini bagi memperkenalkan seni bina Islam dan sejarah yang membabitkan Islam kepada pelancong-pelancong asing. Pelancong dari Asia Barat akan dibawa melawat Muzium Kesenian Islam di Kuala Lumpur, Batu Bersurat di Terengganu, Masjid Putrajaya dan banyak tempat-tempat lain yang ada potensi pelancongan.

Hal ini adalah kerana pelancongan tidak hanya tertumpu pada aspek hiburan dan keseronokan semata-mata tetapi ia boleh membawa maksud yang lebih luas. Pada tahun lalu, pelancong yang datang daripada Emiriah Arab Bersatu dan Kuwait telah meningkat 200%. Pelancong dari Indonesia juga meningkat kepada 59.9%, pada tahun lalu dan ini menunjukkan bahawa negara boleh mengkomersialkan produk-produk pelancongan Islam kepada pelancong-pelancong orang Islam.

Yang terkini, kementerian bercadang menganjurkan Program Forum Perdana, Cuti-Cuti Malaysia yang berkonsepkan pelancongan Islam di seluruh negara. Tidak lama lagi memandangkan pengisian dapat memberi manfaat kepada rakyat. Program dan cadangan kementerian untuk menarik kedatangan pelancong asing tentunya akan merancakkan kegiatan ekonomi negara.

Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelancongan bahawa negeri Pulau Pinang menurut satu sumber menyebut kedatangan pelancong di negeri itu dikatakan agak merosot. Saya tidak mempunyai data yang konkrit mengenai jumlah kemerosotan untuk membuat perbandingan tetapi saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian perlu mengenal pasti apakah faktor kemerosotan itu dan pihak

kementerian perlu mengambil pendekatan baru bagi menarik pelancongan asing untuk datang ke Pulau Mutiara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah kupas dengan baik isu disiplin di sekolah, isu lumba haram motosikal, dan sekarang Yang Berhormat beralih kepada isu apakah sebab dikatakan pelancongan di Pulau Pinang merosot. Adakah itu isunya? Sila teruskan.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat marah pada saya ya?

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tak ada, tak ada, memang dah habis pun.

[ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Siw Chun, selepas itu Yang Berhormat Tay.

11.43 pagi.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan rombongan daripada Perlis, saya rasa Persatuan Pesara Negeri Perlis.

Ahli-ahli [mengetuk meja]

Tuan Yang di-Pertua: Adakah pesara masih relevan kepada negara seperti Dewan Negara?

Puan Siw Chun a/p Eam: Memang masih bak kata pepatah, "Halia yang tua, lebih panas". *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bagi bersama-sama mengambil bahagian di dalam usul menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kesebelas pada 21 Mac 2005 yang lalu. Titah Ucapan Baginda yang begitu komprehensif menyentuh semua isu yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara sekali gus membuktikan bahawa Baginda adalah seorang Raja yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur kepada Tuhan yang Maha Berkuasa kerana telah melindungi kita dan negara kita sepanjang masa. Negara kita tidak ada gunung berapi atau ribut taufan yang menghancurkan kota dan gempa bumi yang meranapkan bangunan dan mengorbankan beribu nyawa manusia dalam sekelip mata. Oleh itu jangan pula kita mencipta bencana yang boleh merosakkan dan menghancurkan negara kita.

Bencana-bencana yang timbul angkara manusia yang saya maksudkan adalah amalan ekstremis, aktiviti militan, peperangan dan jenayah yang boleh memporak-perandakan sesebuah negara dan seterusnya menghancurkan rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa ia adalah sebuah negara yang kekal stabil dari segi politik dan terus makmur dari segi ekonomi. Maka saya menyeru supaya semua warga Malaysia meneruskan usaha secara gigih untuk menghadapi cabaran bagi memperkukuhkan dan menyuburkan kestabilan politik yang menjadi gagasan membina sebuah negara yang sejahtera. Malaysia sebuah negara yang adil dengan menyediakan peluang kehidupan tanpa memencilkan mana-mana pihak, kaum majoriti ataupun minoriti telah diberikan peluang secara adil menyertai proses politik dan pembangunan negara secara bersama mencipta pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, percayalah tanpa kestabilan tidak akan terciptanya keamanan. Tanpa keamanan tidak mungkin pembangunan dapat berlaku, kita hendaklah terus menghargai semangat toleransi dan saling menghormati menjadi penentu kepada kedamaian dan perpaduan. Kita haruslah meningkatkan hubungan harmoni yang terjalin di kalangan warga yang berlatarbelakangkan pelbagai kaum, agama atau kepercayaan, budaya dan bahasa. Marilah kita sama-sama bertekad membina sebuah negara yang menjadi kebanggaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda ada menyentuh isu perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, anggota-anggota perkhidmatan awam perlu mendahulukan kepentingan awam daripada kepentingan diri dan melaksanakan tugas dengan jujur, adil, bertanggungjawab dan cekap. Mereka perlu wujud sikap *accountability*, memberi kepentingan dan keutamaan kepada *sense of purpose*, *sense of urgency* dan *commonsense* dalam semua tindakan demi menjaga kredibiliti

perkhidmatan awam sebagai jentera kerajaan. Saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru supaya pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di kaunter-kaunter jabatan kerajaan haruslah lafazkan ucapan dengan nada suara yang lembut, terang, jelas dan mesra di mana pelanggan rasa senang hati dan ia akan dihargai sekiranya ditambah dengan senyuman yang manis.

Tuan Yang di-Pertua: Macam orang Siam lah?

Puan Siw Chun a/p Eam: Macam orang Siam ya,

[ketawa]

Mat saleh pun boleh buat juga Tuan Yang di-Pertua. Melayani pelanggan dengan ramah mesra, ceria, mudah, cekap dan tepat bak kata pantun Melayu,

Asam kandis mari dihiris,

manisnya sekali rasa isinya,

dilihat manis dipandang manis,

lebih manis hati budinya”

Tuan Yang di-Pertua, Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang menjadi isu hangat, yang giat dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan dengan kerjasama pelbagai kementerian seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perdana Menteri, kerajaan-kerajaan negeri, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, badan-badan bukan kerajaan, sektor swasta dan sebagainya. Bertujuan untuk menerap serta menanam nilai-nilai murni ke dalam alam fikiran. Hati budi serta perilaku warga negara Malaysia pada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, di akhir-akhir ini banyak petanda menunjukkan bahawa lantaran keghairahan berlumba-lumba mengejar kehidupan senang atau moden, seolah-olah kita lupa terhadap tuntutan kehidupan yang bersopan-santun dan bertatasusila. Jadi sudah sampai masanya bagi setiap warganegara Malaysia mencari dan menyemaikan semula nilai-nilai murni yang mungkin kehilangan atau tenggelam dalam kehidupan kita bagi melahirkan generasi Malaysia yang bakal memimpin negara di masa hadapan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan berikan masa.

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya difahamkan bahawa Tuan Yang di-Pertua kata kita.short our time.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Oh, tak boleh laluan. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya, minta maaf Datuk. Bagi melahirkan generasi Malaysia yang bakal memimpin negara pada masa hadapan, para ibu bapa dan juga pihak kerajaan haruslah bekerjasama bagi memastikan anak-anak mendapat asuhan dan didikan awal yang sesuai dengan perkembangan diri mengikut acuan atau kepercayaan masing-masing dari segi jasmani dan rohani. Saya berharap Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni ini dapat membantu pelbagai lapisan masyarakat untuk menghayati, meneliti dan menitikberatkan amalan budi pekerti murni dalam era yang begitu mencabar ini.

Sekiranya kita mahu negara kita menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang, ianya tidak memadai dengan hanya menunjukkan keagungan, keindahan pembangunan dan kejayaan-kejayaan yang lain yang kita perolehi mengikut statistik semata-mata. Tetapi kita haruslah belajar bagaimana untuk mencapai kejayaan yang bermakna tanpa mengorbankan peradaban dan nilai-nilai murni kita sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pembinaan bangsa berpekerti mulia merupakan proses berterusan di mana pewarisan dari generasi ke generasi, prosesnya adalah sangat mudah sekali. Ibu bapa mengajar anak-anak menjadi baik, anak-anak pula mengajar cucu-cucunya supaya menjadi insan yang baik. Murid diajar oleh guru, guru diajar oleh pensyarah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya bergantung kepada diri kita sendiri dan ianya bermula dengan suara hati dan pertuturan. Beginilah amalan masyarakat kita dari dahulu dan sekarang dan saya berharap supaya ianya akan berkekalan untuk selamanya.

Tuan Yang di-Pertua: Isunya di sini?

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Isunya? Apakah isunya?

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya menyokong penuh Kempen Budi Bahasa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Pelan Integriti Nasional ya?

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya. Kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan kita akan muncul jika sekiranya kita menjadi satu bangsa yang berilmu, berpekerti mulia, berbudi tinggi dan berbahasa baik. Marilah kita bersama-sama terus mencipta kejayaan dan kecemerlangan sebagai negara maju dalam erti kata sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit isu Islam Hadhari walaupun saya bukan seorang Islam. Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mengikut perkembangan dari masa ke semasa dan baca buku mengenai Konsep Islam Hadhari yang diperjuangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita. Sebenarnya saya membaca buku Islam Hadhari untuk meneruskan tajuk Islam Hadhari. Sebagaimana yang telah kita umum...

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya Yang Berhormat buat *homework*lah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang telah umum ketahui bahawa Malaysia mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat sebuah negara Islam yang diakui dunia sepakat dan para ulama antarabangsa. Contohnya, Sheikul Islam Al-Azhar, Dr. Mohamad Said Tantawi dari Mesir.

Ketika beliau melawat, melihat dan dapat menilai sendiri sistem dan kaedah pemerintahan di Malaysia, beliau berkata dalam sidang media selepas mengunjungi Perdana Menteri Malaysia di mana pada masa tersebut Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri iaitu pada bulan Julai 2003 bahawa Malaysia merupakan contoh bagi negara Islam lain dengan pembangunan yang begitu pesat, rakyatnya berpegang kepada ajaran sebenar Islam yang boleh hidup dalam suasana yang aman dan damai tanpa rusuhan dan huru-hara, sesuai dengan ciri-ciri sebuah negara Islam. Ini bukan saya yang cakap, buku yang cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kesimpulannya Islam Hadhari ini benda yang baikkah atau benda yang tidak baikkah?

Puan Siw Chun a/p Eam: Sangat-sangat baik. Tuan Yang di-Pertua, 10 prinsip yang terkandung dalam Islam Hadhari adalah mantap sekali yang merangkumi

semua aspek bagi seorang insan yang waras dan sesuai dengan negara yang sedang membangun seperti negara kita, Malaysia. Bolehkah saya huraikan 10 prinsip itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah pun dihuraikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Puan Siw Chun a/p Eam: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Puan Siti Zailah telah mengupaskan satu persatu tempoh hari.

Puan Siw Chun a/p Eam: 10 prinsip? Jadi tidak apa, saya tidak akan huraikan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: 10 prinsip ini yang penuh pekerti dan nilai-nilai murni pula mempunyai hubung kait dengan lima perkara iaitu menjaga, memartabatkan dan memperkasakan:

- (i) agama;
- (ii) akal;
- (iii) nyawa;
- (iv) harta; dan
- (v) keturunan.

Pada hemat saya, agenda atau program kerja Islam Hadhari sebenarnya bukan hanya terhad untuk orang Islam sahaja, ianya juga memberi kesedaran kepada orang-orang yang bukan Islam seperti sayalah – orang lain tidak sedar, biarlah dia ambil masa untuk sedarkan diri [*Ketawa*] – iaitu dengan membawa fahaman bahawa manusia perlu kembali kepada hidup beragama kerana memang itu asas kejadiannya dan hidup di bawah naungan Tuhan mengikut kepercayaan masing-masing.

Islam Hadhari bukannya satu agama baru. Ajarannya sama juga dengan Islam yang wujud sekarang. Cuma Islam Hadhari memberi penekanan yang lebih dan menyeluruh dan berupaya mendorong kepada peningkatan wawasan tamadun Islam yang cemerlang dalam semua bidang. Ajaran Islam Hadhari adalah bagi melahirkan umat yang berilmu, beriman, bertamadun tinggi, berakhlak mulia, jujur dan beramanah. Islam Hadhari menjadikan umatnya berkualiti, boleh berperanan secara berkesan di peringkat global. Islam Hadhari juga mengatakan bahawa manusia haruslah

diperlengkapkan dengan ilmu pengetahuan ataupun kemahiran supaya membolehkan manusia menguasai dunia.

Jadi kita janganlah biarkan benda ini berlaku. Kita pun tidak tahu dunia akan datang macam mana. Jadi kalau manusia tidak jaga supaya manusia yang menguasai dunia, nanti makhluk lain pula menguasai dunia kita. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat telah pun berucap selama 15 minit dan sedang cuba membuktikan bahawa Islam Hadhari itu ialah sesuatu yang baik dan sesuai untuk rakyat Malaysia yang bukan Islam sekalipun. Adakah itu maksudnya?

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah diketengahkan isu itu dengan terang, cukuplah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya, saya cuba memendekkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak, tidak, saya bukan suruh pendekkan. Saya minta supaya ditepatkan dan menetapi.

Puan Siw Chun a/p Eam: Menepati...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat hendak buat kesimpulan, saya minta pendekkan itu pun tidak apa jugalah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya, ya. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya faham...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Islam Hadhari ini baik dan adakah ianya sesuai untuk orang Siam?

Puan Siw Chun a/p Eam: Sesuai untuk semua bangsa, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja orang Siam, sesuai untuk semua bangsa yang ada di Malaysia dan yang berada di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi dalam bahasa Inggerisnya, *the point is made*.

Puan Siw Chun a/p Eam: *Yes, it's true*. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hairanlah kadang-kadang sekiranya orang bukan Islam sudah boleh menerima kesemua prinsip Islam Hadhari, dalam dua, tiga hari yang lalu kita tengok pertikaian tentang ajaran Islam Hadhari, tentang konsep-konsep Islam Hadhari berlaku di dalam Dewan yang mulia ini kadang-kadang mengelirukan pemikiran saya.

Kenapa konsep yang bagus dan benda yang baik, contohnya perempuan yang cantik juga disukai oleh orang-orang lelaki. Jadi Islam Hadhari ialah ibaratkan macam perempuan cantik...

Tuan Yang di-Pertua: Cantik itu baiklah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Baik. Cunlah, cun. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Ketua Masyarakat Keturunan Siam yang dikategorikan sebagai minoriti iaitu satu kaum yang hanya ada seramai 60,000 dalam negara ini memberikan sokongan yang sekuat-kuatnya kepada pemimpin kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi meneruskan perjuangan murni ini. *[Tepuk]* Ketepikanlah fahaman sempit politik segelintir badan-badan NGO dan individu yang sengaja memutarbelitkan Islam Hadhari kepada bangsa-bangsa lain yang mengelirukan pemahaman ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau Yang Berhormat teruskan, mungkin akan cairkan hujah Yang Berhormat, lebih baik berhenti sekarang.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, isu Islam Hadhari saya hendak cakap itu sahaja. Saya teruskan dengan isu-isu yang bersangkutan-paut dengan bangsa Siam saya di Malaysia, sama juga dengan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pencemaran alam sekitar kerana pembakaran mayat. Dua, tiga hari yang lalu, ada satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah, rakan seperjuangan saya supaya sistem pembakaran mayat ini dapat diperbaiki Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan, terutamanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya meneliti dan membuat satu perubahan ke arah matlamat supaya dapat menyeragamkan aktiviti pembakaran mayat. Selalunya bangsa-bangsa yang akan melakukannya ialah bangsa Siam, Cina dan juga India. Semasa kematian berlaku, kami terpaksa kena bakar mayat dan setakat ini, tempat pembakar mayat yang kami sedia ada ialah secara terbuka dengan membina dua tembok dengan bata sahaja dan di tengahnya kita letakkan kayu getah untuk menyalakan api. Keranda akan diletakkan di atas kayu api, kayu getah yang diaturkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, isu terpenting dalam soal pembakaran mayat ini?

Puan Siw Chun a/p Eam: Isu pentingnya ialah untuk membina sebuah *crematorium* ataupun tempat membakar mayat, memakan peruntukan yang begitu tinggi. Saya agak bagi bangsa saya itu, saya tidak berkemampuan. Jadi, saya memohon supaya pihak kerajaan meneliti perkara ini dan mengadakan satu perundangan untuk menyeragamkan dengan memberi peruntukan kepada kaum-kaum yang perlukan tempat pembakar mayat untuk membantu membasmi pencemaran.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, jiran takkan tidak bagi, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah tidak bagi pada Yang Berhormat Datuk Musa, kalau Yang Berhormat bagi, jadi akan ada dakwaan tidak adil.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tidak, saya adil pasal Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim dari negeri saya.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya selalu membela nasib masyarakat orang Siam.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya, terima kasih, saya beri laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon penjelasan kepada Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam. Ini masih lagi membela nasib orang-orang Siam di seluruh Malaysia, terutamanya pada masa mereka meninggal dunia dan masa untuk proses pembakaran itu seminggu atau dua minggu yang diambil bagi setiap insan berkenaan dalam proses itu tetapi dibenarkan bila semasa menunggu itu seolah-olah macam ada kenduri dan sebagainya tetapi ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan pada masa menunggu mayat itu dengan bermain judi secara besar-besaran yang kadang-kadang melibatkan semua kaum. Jadi, saya ingin penjelasan Yang Berhormat, adakah dalam masa menunggu mayat sebelum dibakar itu, ada kebenaran yang diberikan oleh pihak berkuasa bagi membolehkan yang judi ini dihalalkan semasa tempoh menunggu itu? Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat serta-merta jawab perkara tersebut, Yang Berhormat akan menyimpang daripada isu pokok bahawa pembakaran mayat berlaku dalam keadaan tidak sempurna, mohon kerajaan memberi bantuan sepenuhnya. Adakah Yang Berhormat mahu menyimpang daripada perkara Yang Berhormat mahu tekankan?

Puan Siw Chun a/p Eam: Sebenarnya saya memang faham bahawa Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim sangat prihatin kepada kaum Siam. Memang menjadi adat supaya jenazah ataupun mayat kaum Siam akan disimpan untuk tiga hari, lima hari, tujuh hari dan sembilan hari, 1, 3, 5, 7, 9, ia ikut angka ganjil. Jadi, tidak hairanlah kenduri-kendera akan diadakan dan memang mana ada pihak kerajaan yang telah meluluskan kebenaran untuk berjudi kecuali kasino di Genting? Jadi, ini sudah menjadi satu tradisi, Tuan Yang di-Pertua, semasa menunggu mayat untuk sampai ke hari yang kita hendak bakar itu, pada kelazimannya daripada dahulu, sebelum saya dilahirkan lagi sampai sekarang..

Tuan Yang di-Pertua: Walau bagaimanapun, isu Yang Berhormat hendak ketengahkan ialah mengenai *crematorium* yang sempurna.

Puan Siw Chun a/p Eam: *Crematorium*, ya. Saya Cuma hendak memperjelaskan supaya tidak timbul kekeliruan tentang berjudi semasa menunggu mayat. Jadi, itu bukan satu keperluan, itu terpulang kepada keluarga itu dan isu yang kedua saya hendak bawa ialah mengenai dengan tanah-tanah yang menjadi tempat beribadat untuk orang Siam yang dipanggil Wat Siam. Kadang-kadang saya panggil Wat Siam, depa kata what? What? What?

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, sebenarnya berapa isu lagi Yang Berhormat hendak ketengahkan? Saya boleh bagi lagi...

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya rasa itu isu yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi boleh?

Puan Siw Chun a/p Eam: Boleh, boleh, Insya-Allah. Tanah yang dijadikan Wat Siam sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua dan juga untuk makluman pihak kerajaan, Wat Siam yang wujud sekarang kebanyakannya adalah sumbangan daripada orang Siam dahulu untuk dijadikan tempat beribadat. Sekarang dalam statistik masyarakat Siam, kami ada 88 wat di seluruh Malaysia dan kebanyakan Wat Siam ini tidak bertaraf wakaf ataupun tidak bergeran langsung. Perkara ini saya telah membawa kepada kerajaan negeri dan ini telah menimbulkan masalah. Contohnya, sekiranya datuk, nenek mereka telah menyumbangkan atau mendermakan tanah itu untuk dijadikan tempat beribadat dan datuk, nenek mereka telah meninggal dunia, geran ataupun ruang hak milik dalam

geran masih ditulis hak milik atas nama individu, maksudnya atas nama datuk, nenek mereka.

Jadi, anak cucu generasi yang ada sekarang datang dan menghalau serta menuntut balik tanah tersebut yang telah dijadikan rumah ibadat. Jadi, telah berlaku bunuh-membunuh, pertengkaran dan kadang-kadang kes dibawa ke mahkamah. Jadi, saya memohon supaya Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri meneliti masalah ini untuk mengelakkan daripada berlakunya kekecohan di masa yang akan datang.

Jadi, itu sahaja, tidak sampai lima minit pun, nanti saya akan bahaskan dalam Perbekalan Tambahan. Sekian terima kasih dan saya turut menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai ketepatan cara Yang Berhormat mengemukakan dan ketengahkan isu. Saya mohon maaf kerana kawalan pada hari ini ketat sedikit terhadap perbahasan Yang Berhormat. Tuan Tay Puay Chuan.

12.08 tgh.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita telah diperdengarkan dengan hujah-hujah yang agak membina dalam bab pendidikan yang didahului oleh Yang Berhormat Datuk Hamzah dan diikuti oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain. Namun saya rasa perlu juga saya beri sedikit tambahan yang saya fikir masih relevan, berkaitan dalam bab pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha negara kita mewujudkan sistem pelajaran yang bertaraf dunia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global seperti dalam Titah Ucapan Tuanku haruslah dipuji dan disokong sepenuhnya. Namun, Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat kelemahan sistem pendidikan di dalam negara kita, terutama sekali dalam kemudahan-kemudahan dan kelengkapan yang ditawarkan kepada golongan murid yang kurang upaya, *disable* dengan izin, ataupun cacat baik dari segi mental ataupun fizikal.

Kisah Adik Nor di Alor Setar baru-baru ini harus mendapat perhatian dan simpati kita semua. Beliau terpaksa berhenti sekolah selama empat bulan kerana kemudahan sekolahnya yang kurang *disabled friendly*, dengan izin, dan Menteri Pelajaran, Yang

Berhormat Datuk Hishamuddin terpaksa campur tangan dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Begitu juga dalam kes Jacou Rena yang ditolah untuk melanjutkan pelajarannya di *International School* Kuala Lumpur. Beliau telah menamatkan pelajaran awalnya di sekolah tersebut dan seterusnya ingin melanjutkan pelajarannya di peringkat menengah sekolah yang sama tetapi di lokasi yang berlainan. Namun, sedihnya beliau dinafikan kerana cacat menggunakan kerusi roda. Mujurlah mahkamah telah memberi injunksi sementara kepada beliau memerintah pihak sekolah menerimanya untuk terus belajar di sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan dua kes tersebut di atas, jelas di negara kita masa kini tiada peruntukan undang-undang yang secukupnya untuk mewajibkan pihak sekolah menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada murid-murid yang kurang upaya dari segi fizikal dan juga mengehendaki sekolah menerima murid-murid yang kurang bernasib baik tersebut untuk belajar di sekolah mereka.

Setakat ini Cuma hanya ada satu *By-Law* yang mengehendaki pemilik bangunan menyediakan kemudahan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik ini ataupun cacat, iaitu satu undang-undang yang bernama *Uniform Building Amendments By Laws* 1993 dengan izin. Namun berapa banyakkah bangunan yang menetapi kehendak *By-Law* ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada tahun 2000, jawatankuasa memperbaharui undang-undang dan jawatankuasa perundangan baru telah pada pertama kalinya mengadakan forum awam, *public* forum dengan izin membincangkan memorandum mengenai perundangan pendidikan untuk individu yang kurang upaya. Objektifnya ialah untuk mempertahankan hak asasi individu yang kurang berupaya untuk menikmati peluang pembelajaran. Antara lain memorandum tersebut mencadangkan kepada kerajaan untuk membuat pindaan.

Pertama pada Perkara 12(1) Perlembagaan Persekutuan bahawa tiada diskriminasi terhadap orang yang kurang upaya dan yang kedua Perkara 12(5) yang baru dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Iaitu Kerajaan Persekutuan hendaklah memperuntukkan kewangan yang mencukupi kepada Kerajaan Negeri bagi mengimplementasikan rancangan pendidikan yang telah diluluskan oleh

Jawatankuasa Pasukan Tugas Khas Negara, dengan izin *National Taskforce Committee*.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak menyatakan bahawa walau apa jua peruntukan undang-undang dan walaupun terdapat banyak peruntukan kewangan dan walau bergema retorik dalam masyarakat kita orang kurang upaya masih menjuruskan ke arah dipinggirkan kalau dibiarkan. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Tuan Tay Puay Chuan: Benar Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tiada maksud kalau kita mencapai sesuatu negara yang maju tetapi orang yang kurang upaya, orang yang patut dapat simpati kita dibiarkan dalam ataupun dipinggirkan dalam pembangunan tersebut. Terutama sekali dalam *chapter* pendidikan, saya rasa kita harus member perhatian yang sewajarnya kepada mereka. Izinkan saya teruskan. Memorandum tersebut telah dihantar kepada 'Menteri Kebajikan', Menteri Pendidikan dan Peguam Negara pada ketika itu. Malangnya sehingga kini tiada apa-apa tindakan yang diambil sebagai respons kepada memorandum yang penting tersebut. Jadi di sini saya menyeru agar kerajaan mengambil berat dan prihatin ke atas golongan yang kurang bernasib baik ini, mereka dapat diberi layanan yang sama, terutama sekali dalam soal pendidikan, kerana sesungguhnya pendidikan merupakan hak asasi manusia dan diperkasakan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sudah tiba masanya kerajaan membuat atau meminda undang-undang yang berkaitan dan peruntukan bajet yang lebih untuk golongan yang patut mendapat simpati ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara mengenai pendidikan yang ingin saya sentuh ialah mengenai sistem pendidikan di pusat pengajian tinggi negara, baik di IPTA ataupun di IPTS. Baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia memberi statistik pengangguran. Iaitu masalah penganggur siswa dan siswi ini lebih kurang 19,000 orang. Jadi, sebab utama mereka tidak mendapat pekerjaan ialah kerana sering kali mereka gagal dalam temu duga kerja. Jadi kebanyakan mereka semasa di temu duga tidak dapat berkomunikasi secara berkesan dan meyakinkan serta pengetahuan tentang hal ehwal semasa dan terkini mereka sangat cetek. Ini menunjukkan bahawa pusat pengajian tinggi hanya menitik beratkan pencapaian akademik dan ilmiah dan telah

mengabaikan kepentingan membina watak penuntut yang bisa berdepan dengan dunia luar dan dunia nyata apabila mereka menamatkan pelajaran mereka kelak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pengangguran yang tinggi ini menyebabkan kerajaan terpaksa memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk melatih dan melengkapi pelajar-pelajar lepasan pusat pengajian tinggi dengan harapan mereka akan mendapat pekerjaan apabila tamat latihan tersebut nanti. Saya rasa ini adalah satu pembaziran kerana pelajar-pelajar tersebut sepatutnya telah mendapat latihan dan kemahiran tersebut semasa mereka berada di pusat pengajian tinggi dan bukan mendapatkannya melalui proses duplikasi ini. Jadi, pengangguran pelajar-pelajar lepasan IPTA dan IPTS juga menyebabkan mereka tidak berupaya membayar balik pinjaman yang telah diberikan oleh kerajaan ataupun swasta seperti bank dan institusi kewangan yang lain. Baru-baru ini statistik Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan bahawa sebanyak 16% mereka yang muflis ataupun bankrap dengan izin adalah terdiri dari golongan yang tidak berupaya membayar balik pinjaman biasiswa.

Jadi saya setuju dengan saranan Yang Berhormat Dato' Seri Empiang Jabu mengenai tiba masanya satu rombakan yang besar ataupun reformasi harus dilakukan ke atas sistem ataupun kaedah pendidikan di pusat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Pada pertimbangan Yang Berhormat, formula untuk kejayaan adakah lebih bergantung kepada ilmu atau kebolehan atau keperibadian atau akhlak or *character. Knowledge, competent or character?*

Tuan Tay Puay Chuan: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, untuk satu kejayaan, ia harus adalah merupakan gabungan yang telah diutarakan oleh Tuan Yang di-Pertua, gabungan semua. Pada kaca mata masyarakat kini ataupun dari sejak dahulu lagi adalah tentang akademik. Tetapi untuk berjaya, saya rasa akademik adalah satu kertas sahaja. Dunia nyata adalah sungguh berlainan sama sekali. Jadi kompetensi untuk berhadapan dengan masyarakat, berhadapan dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan adalah lebih penting negara saya. Kalau hendak saya rumuskan ia adalah gabungan apa yang telah diutarakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi.

Jadi, seperkara lagi saya ingin menarik perhatian ialah Kementerian Pelajaran akan dapat memperuntukkan guru kaunseling yang berbangsa Tionghoa di setiap sekolah menengah kebangsaan di seluruh negara. Ini dapat membantu pelajar yang

berbangsa Tionghoa yang kurang fasih berbahasa Malaysia mendapat kaunseling yang berkesan, terutama sekali bagi mereka yang berada di Peralihan dan Tingkatan 1, yang baru masuk ke sekolah menengah kebangsaan melalui SJK(C).

Jadi kekurangan guru kaunseling berbangsa Tionghoa menyebabkan golongan murid Cina tidak berani ataupun tidak dapat meluahkan masalah mereka dengan berkesan kepada cikgu yang mungkin terdiri daripada bangsa Melayu ataupun India. Ini mungkin menyebabkan mereka hilang minat dan keyakinan untuk terus belajar di sekolah tersebut. Jadi justeru itu saya rasa ramai yang akan tercicir dari sekolah dan usaha kerajaan untuk melihat lebih ramai pelajar berbilang kaum terus berinteraksi akan gagal.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada masalah nelayan. Bagi saya terdapat tanda-tanda nasib nelayan tidak dibela kerana ini mereka menghadapi tiga masalah yang ketara.

Yang pertama, harga diesel yang melambung tinggi. Diesel yang dijual di pam minyak awam jauh lebih murah dari yang dijual di pam yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang disediakan khas untuk nelayan iaitu 88.1 sen. Untuk masa kini, seharusnya RM1.01 sen seliter di pam minyak awam dan RM1.20 setelah diambil kira kos pengangkutan di pam khas untuk nelayan. Perbezaan harga ini menyebabkan para nelayan terpaksa berbelanja lebih banyak sebanyak beberapa ratus ringgit sebulan.

Pada hemat saya harga diesel yang dibeli oleh nelayan harus lebih murah dari harga yang ditawarkan di pam minyak awam. Keadaan sekarang adalah di sebaliknya. Oleh itu, saya merayu pihak berkuasa menyemak semula subsidi diesel yang diberikan kepada nelayan agar beban nelayan dapat dikurangkan kerana mereka tidak dapat mengalihkan kenaikan kos minyak diesel kepada pengguna kerana harga tangkapan laut adalah bergantung kepada penawaran dan permintaan pasaran. Saya sedar bahawa ada segelintir nelayan yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan subsidi yang diberikan oleh nelayan dengan menyeludup diesel ataupun jualkan diesel tersebut kepada pihak ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat habiskan dalam masa lima minit?

Tuan Tay Puay Chuan: Boleh, boleh. Jangan disebabkan perbuatan segelintir kecil, kita *victimize* dengan izin segolongan besar nelayan yang jujur tersebut. Yang kedua ialah masalah yang dihadapi oleh nelayan tradisional yang beroperasi di dalam lingkungan 12 batu nautika dari pantai. Mereka sering menghadapi masalah nelayan pukat tunda atau ia lebih dikenali sebagai pukat harimau mencero bohi perairan mereka, menyebabkan hasil tangkapan mereka berkurangan dari hari ke hari.

Sungguhpun terdapat Akta Perikanan yang memperuntukkan bahawa nelayan pukat tunda hendaklah beroperasi di perairan dalam lingkungan 40 batu nautika dari pantai. Masa operasi tersebut dihadkan dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang. Namun nelayan pukat tunda sering beroperasi pada waktu malam di perairan yang cetek, yang kurang dari 12 batu nautika untuk mengelakkan dikesan oleh pihak berkuasa dan nelayan-nelayan yang lain.

Sungguhpun Akta Perikanan memperuntukkan bahawa sesiapa yang melanggar undang-undang tersebut boleh didenda sebanyak RM20,000 atau di penjara. Namun, pada kelazimannya mahkamah hanya mengenakan denda yang minimum iaitu di antara RM500 hingga RM2,000 untuk satu kesalahan. Jadi saya rasa, hukuman tersebut adalah tidak setimpal dengan kesalahan kerana hasil tangkapan pukat tunda kadang-kadang boleh sampai ke beribu-ribu ringgit sekali tangkapan.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa, satu insiden yang tidak dingini telah berlaku di perairan Sungai Balang Muar, baru-baru ini di mana sekumpulan nelayan tradisional yang beroperasi di perairan cetek telah mengepung dua buah pukat tunda kerana mencero bohi kawasan 12 batu nautika dari pantai menyebabkan nelayan bot pukat tunda tersebut memotong jaring tangkapan untuk melepaskan diri. Saya percaya perubahan nelayan-nelayan tradisional tersebut tidak bermaksud meletakkan undang-undang di dalam tangan mereka. Tetapi, adalah kerana tidak tahan dengan pencerobohan yang dilakukan oleh pengusaha pukat tunda sejak 20 tahun yang lalu yang telah mengancam pendapatan dan nafkah mereka.

Seterusnya masalah ketiga ialah masalah lanun yang beroperasi di sekitar perairan Selat Melaka. Lanun bukan sahaja merompak dan mengancam nyawa nelayan malah, mereka juga sering mencuri jaring-jaring nelayan yang dipasang di laut menyebabkan para nelayan mengalami kerugian yang besar. Perkara ini sejak

kebelakangan ini sering berlaku di Selat Melaka dan di perairan Muar, Batu Pahat dan Pontian.

Untuk mengelakkan peristiwa ini terus berlaku yang mungkin menyebabkan pertumpahan darah, maka saya mencadangkan kerajaan melakukan beberapa langkah seperti berikut:

- (i) meminda Akta Perikanan dengan mengenakan denda mandatori yang agak tinggi ke atas pukat tunda yang mencerobohi perairan cetek;
- (ii) mengadakan rondaan dan penguatkuasaan ke atas pencerobohan pukat tunda dan kegiatan lanun; dan
- (iii) membenarkan pengusaha pukat tunda beroperasi lebih jauh ke laut dalam iaitu lebih dari 40 batu nautika dari pantai.

Dengan kata-kata demikian saya menjunjung kasih Tuanku dan saya pohon menyokong. Terima kasih.

Puan Nosimah binti Hashim: *[Bangun]*

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Nosimah. Selepas itu Puan Hajah Samsiah.

12.25 tgh.

Puan Nosimah binti Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam membahaskan Usul-usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaan Majlis Parlimen pada 21 hari bulan tempoh hari.

Di sini, sebagaimana yang saya sedia maklum, ramai daripada Ahli-ahli Parlimen telah menyuarakan pelbagai isu. Jadi, di sini saya hanya memetik beberapa isu yang secara ringkas sahaja menyentuh berkenaan dengan budi bahasa dan nilai-nilai murni. Saya tertarik dengan ucapan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa kita ini orang-orang Timur masyhur dengan budi bahasa dan sopan-santun. Budi bahasa dan sopan-santun ini dan nilai-nilai murni merangkumi kepada semua aspek. Aspek-aspek yang kita sekadar bukan sahaja memberi laluan, meminta laluan dan juga kita berbudi bahasa di atas apa sahaja ucapan-ucapan kita dan saya tertarik juga berkenaan dengan kempen-kempen budi bahasa, terutama sekali berkenaan kempen "Tak Nak Merokok" ini.

Perkara ini memang kita tidak boleh hapuskan kerana apabila saya lihat ini adalah terletak pada individu seseorang dan saya juga tidak menyentuh kepada sesiapa. Cuma, saya berharap dan mencadangkan supaya pihak Kementerian Penerangan dapat mengiklankan bagaimana untuk mendidik yang penghisap-penghisap rokok kepada kaum-kaum muda kerana yang kita lihat perokok-perokok, terutamanya yang hisap rokok pada orang dewasa, yang berpelajaran, ahli-ahli Dewan saya tengok.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat lompat daripada budi bahasa kepada rokok cepat sangat. Saya tidak faham kaitannya.

Puan Nosimah binti Hashim: Maknanya yang berbudi bahasa saya sentuh kepada mengenai budi bahasa dan nilai murni yang sebagaimana yang kempen yang ada sekarang ini. Yang saya bawakan berkenaan dengan budi bahasa dan nilai murni ini, banyak aspek. Maknanya aspek daripada segi minta laluan, minta.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta laluan sikit?

Puan Nosimah binti Hashim: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Saya tertarik dengan kempen budi bahasa ini. Tadi saya hendak tanya soalan itulah kepada Yang Berhormat tadi. Kempen budi bahasa... perkara budi bahasa tiap-tiap hari. Adakah mengaibkan orang, fitnah ini salah satu daripada obligasi dalam budi bahasa dan perkataan atau bahasa yang digunakan tiap-tiap hari dengan izin Tuan Yang di-Pertua, perkataan "kamu bodoh, kamu gila, kamu gemuk, kamu bakar rumah, kamu bakar jambatan." Apakah perkataan ini juga sebagai budi bahasa? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab apa Yang Berhormat pilih contoh-contoh itu?
[Ketawa]

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, inilah perkataan tiap-tiap hari yang digunakan oleh orang. Terima kasih.

Puan Nosimah binti Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat. Kalau percakapan-percakapan yang dikeluarkan dengan bahasa-bahasa yang sedemikian, pada pandangan saya ini adalah menunjukkan bahawa seseorang itu tidak mempunyai budi bahasa kerana kalau

mereka berbudi bahasa, kita hendak bercakap kita kena jaga hati seseorang itu, adakah mereka ini boleh terima. Kadangkala untuk menjaga akhlak diri seseorang. Kalau kita bercakap dengan cara yang demikian dan sekiranya ada kawan-kawan, sahabat-sahabat yang di sekeliling, apabila mendengar kata-kata yang kasar, yang bodoh, kerana kita ini orang-orang Timur masyhur dengan budi bahasa. Jadi, bahasa-bahasa yang sedemikian yang dikeluarkan, memang rasa saya tidak manis dan tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat, fasal apa yang budi bahasa orang Malaysia ini lain-lain? Di rumah lain, di pejabat lain sikit. Di atas jalan raya macam tidak ada budi bahasa langsung.

Puan Nosimah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua, itu memang saya setuju. Kadangkala di rumah lain. Itu memang benar. Di rumah ini, kadang-kadang digunakan bahasa pasar, kadang-kadang orang kata bahasa yang ringkas sahaja, bahasa yang biasa yang mengikut loghat masing-masing. Tetapi, kalau di luar dan dalam *office*, dalam pejabat memang mereka gunakan bahasa-bahasa yang lain. Dan kadangkala juga sebagaimana Tuan Yang di-Pertua cakap tadi, dalam berbudi bahasa memang kalau kita lihat a pemandu-pemandu ketika membawa kereta, memang langsung mereka ini tidak ada berbudi bahasa. Maknanya, mereka kalau sudah *start* sahaja pegang stereng, mereka akan pecut tidak kira orang kiri kanan. Jadi, hilang sudah budi bahasa. Jadi yang ini juga saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya, mungkinkah bangsa Malaysia ini baru kenal kereta? Bila masuk dalam kereta, dia jadi gila?

Puan Nosimah binti Hashim: Kalau kenal kereta ini ialah selepas merdeka barulah kita lihat orang-orang kita ini tidaklah sebanyak sekarang.

Sekarang kita tengok oleh kerana sudah maju sangat masyarakat kita dan kadang kita tengok orang-orang muda pun begitu mudah untuk dapat lesen dan membawa kereta juga mudah membeli kereta dengan harga yang murah jadi apabila mereka ini kadang kala hinggakan ingin berlawan antara satu sama lain. Inilah yang merosakkan anak-anak masyarakat kita yang kurang disiplin di jalan raya. Ini yang saya berharap kepada pihak kementerian supaya disiplin di jalan raya juga untuk berbudi bahasa dan nilai-nilai murni ini juga perlu dicari apakah iklan-iklan yang perlu untuk

memberikan mereka ini sebagai satu daripada disiplin kepada semua pemandu-pemandu di negara kita.

Memang perkara macam ini kita tidak lihat seperti di negara-negara luar. Di negara-negara kalau kita lihat pemandu-pemandu kereta ini, memang berdisiplin dan hormat kepada pejalan kaki atau kepada pemandu-pemandu yang hendak memotong tetapi di tempatkan kita sehinggakan kita melihat sudah tidak mengikut undang-undang langsung. Mereka mengikut kehendak dan selera sendiri. Itu memang saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah beralih kepada isu lain.

Puan Nosimah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua, begitu juga yang saya sentuh berkenaan dengan rokok. Kita hendakkan supaya macam tengok iklan di TV bagaimana kita melihat seorang contoh pekerja menyambut panggilan telefon daripada orang luar, bagaimana sekiranya orang mengandungi naik bas ataupun naik kereta api, bagaimana kita perlu memberikan laluan. Pada saya yang saya tertarik pada iklan merokok ini bukan kerana untuk hendak menyentuh sesiapa tetapi saya lihat kerana walaupun kempen ini diadakan sentiasa tetapi memang kekurangan kita dapati.

Walau bagaimanapun, ada juga yang kita dapati masih ada yang merokok dan perkara ini kita tidak boleh nafikan. Kadangkala kita tidak suka merokok tetapi terdapat juga keluarga kita yang merokok. Sebagai contoh, jika tidak suami yang merokok kadang-kadang itu anak pula yang merokok. Jika tidak anak yang merokok mungkin menantu. Mungkin menanti tidak merokok tetapi mungkin sahabat handai.

Kita tidak boleh memaksa seseorang itu daripada berhenti merokok. Cuma saya cadangkan pihak kementerian supaya dapat membuat satu iklan yang boleh pihak-pihak yang sering kita tengok di TV maknanya pihak Kementerian Penerangan menunjukkan iklan yang terbaik bagaimana cara untuk berbudi bahasa dan nilai-nilai murni dan anti menghisap rokok. OK, terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik fasal iklan ini. Saya lihat di dalam iklan di TV, saya bimbang kalau tidak merokok tetapi cara iklan seperti yang ada sekarang inilah menunjukkan iklan-iklan yang tidak munasabah. Saya bimbang nanti dia tengah hisap rokok buang tetapi cara dia itu goyang-goyang sampai ada yang nampak pusat pula. Adakah itu boleh membetulkan maksud iklan tak nak merokok itu sebab kebanyakan kebanyakan iklan itu begitu sekarang ini saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua: Terukkah? Penjelasan yang diminta ialah mengenai rokok, bukan pusat. Jawab mengenai rokok, jangan sentuh pusat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tak ada. Iklan sahaja [*Ketawa*]

Puan Nosimah binti Hashim: Itu sebab saya katakan supaya iklan yang terbaik dengan menunjukkan nilai-nilai yang murni budi bahasa. Kalau iklan merokok sudah menunjukkan penghisap rokok itu membuang rokok sembarangan, itu satu. Memang tidak semua yang merokok ini nampak pusat. Jadi iklan pertama maknanya macam cara kalau menghisap rokok di mana puntung rokok itu kita hendak buang. Itu menunjukkan satu iklan yang baik dan berbudi bahasa supaya kalau perokok hendak menghisap rokok di hadapan orang ramai atau pun kawan-kawan, mintalah izin “bolehkah saya merokok”. Seperti mana kalau kita tengok filem-filem barat ini mereka menggunakan bahasa itu. Itu sebab saya kata perbezaan di antara perokok-perokok yang berpelajaran, perokok-perokok yang berjawatan ataupun yang kita tengok yang sudah di peringkat dewasa

Tuan Yang di-Pertua: Berjawatan seperti Yang Berhormat Ahli Dewan Negaralah. [*Ahli Parlimen ketawa*]

Puan Nosimah binti Hashim: [*Ketawa*] Yang saya tengok kebanyakannya berbudi bahasa. Kalau mereka merokok mereka akan merokok di tempat mana yang sesuai dan berbudi bahasa “bolehkah saya merokok”. Ini memang kita nampak

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat beri peluang kepada Hajah Shamsiah sedikit masa, masa sudah kehabisan.

Puan Nosimah binti Hashim: Terima kasih. Yang pentingnya ialah untuk iklan supaya sikap-sikap ini kalau boleh kita dapat ubah kepada mereka dengan cara-cara yang dapat mengelakkan perokok-perokok ini daripada masyarakat ramai. Di sini juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang sebagai mana kita dapati sekarang ini apabila pemulangan daripada rakyat Indonesia sebagai pendatang asing di sini

Tuan Yang di-Pertua: Saya tertarik dengan cara Yang Berhormat buka nota. Macam itulah, jangan baca setiap noktah dan koma. Rujuk kepada nota dan terus bercakap. Ya, terima kasih.

Puan Nosimah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang sudah banyak sangat yang sama jadi saya kena ambil tajuk-tajuk yang ini. Itu pun kadang-kadang termasuk juga sama seperti kawan-kawan yang lain. Berkenaan dengan pendatang asing ini saya tengok sekarang oleh kerana pendatang asing Indonesia sudah ramai dibawa pulang ke negeri masing-masing dan sekarang kerana kita telah membawa ramai pekerja-pekerja asing daripada Myanmar dan Bangladesh.

Apa yang saya lihat sekarang kebanyakan pendatang-pendatang asing yang dibawa masuk ini semua kaum lelaki. Bagi pekerja-pekerja buruh kasar memang perlu kaum lelaki tetapi dalam restoran-restoran seelok-eloknya pihak agensi ambillah pendatang-pendatang daripada kaum wanita kerana saya lihat sendiri pendatang Myanmar lelaki ini memang lawa-lawa. Saya takut terpengaruh oleh remaja kita. Jadi kita minta supaya jika pihak agensi mahu pekerja untuk di restoran mintalah pendatang dari kaum wanita.

Di negara kita ini peraturan ibu tunggal atau ibu-ibu yang ditinggalkan di negara kita sekarang ini terlalu banyak. Kementerian hendak menurunkan kadar peraturan ini. Kalau kita bawa pekerja lelaki Myanmar ini bekerja di restoran yang tidak tahu berbahasa Malaysia dan bahasa Inggeris lain yang kita minta lain pula yang diberi. Ini akan menimbulkan pertanyaan oleh rakyat kita mengapa di bawa orang-orang yang macam ini. Janganlah bawa masuk ikut sahaja. Jadi akhirnya nanti mereka tidak akan hormat kepada negara kita.

Mereka akan beranggapan masuk ke Malaysia mudah walaupun tidak ada pelajaran. Oleh itu kita minta pihak kerajaan supaya mengkaji tentang kemasukan pendatang haram yang baru dibawa masuk ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila habiskan sekarang.

Puan Nosimah binti Hashim: Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab kita ada 22 minit sahaja lagi.

Puan Nosimah binti Hashim: Ya saya tahu, terima kasih. Satu lagi saya ingin hendak bawa satu perkara mengenai Kementerian Perumahan. Negara kita ini sudah maju dan kemudian kita sibuk dengan Islam Hadhari tetapi yang saya hairan juga terdapat di hotel-hotel di negara kita ini masih lagi tandas yang tidak mempunyai paip air Adakah mereka ini berkehendakkan supaya wanita yang masuk ke dalam bilik air pakai

tisu sahaja pembersihan. Walau pun perkara ini kita nampak kecil tetapi perkara ini adalah yang penting sekali. Masih lagi ada juga hotel-hotel yang besar yang *Five Star* tetapi di tandas awam masih tidak ada paip air. Kita minta supaya pihak kerajaan memantau di mana hotel-hotel sedemikian jangan hanya hendak mencari keuntungan sahaja tetapi mereka tidak mementingkan berkenaan keperluan-keperluan masyarakat.

Saya kena ambil yang pendek-pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi yang saya ingin membawa perkara berkenaan dengan saya tertarik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Nosimah binti Hashim: Ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Setakat ini saya cuba minta kerjasama dari kerelaan tanpa mahu menggunakan peraturan mesyuarat. Bolehkah Yang Berhormat habiskan secepat mungkin?

Puan Nosimah binti Hashim: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Puan Nosimah binti Hashim: Cuma satu perkara sahaja yang saya hendak bawa iaitu saya memang menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Teh tadi berkenaan dengan orang kurang upaya ini. Memanglah orang kurang upaya ini ada banyak peringkat, ada yang pendek, ada yang *sindrom down* dan ada yang cacat anggota. Sebagai mana saya pernah didatangi oleh kaum-kaum yang sedemikian

Tuan Yang di-Pertua: Yang sebenarnya pilih tajuk ini macam pilih suamilah.

Puan Nosimah binti Hashim: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Di antara banyak-banyak laki-laki itu kita pilih satu jadi kita boleh pilih dalam banyak-banyak perkara itu kita pilih yang paling kita minat.

Puan Nosimah binti Hashim: Tetapi Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang suami ini lain tajuknya lain, tajuk untuk bercakap ini jarang yang satu dia selalunya lebih kalau suami ini memang kita kena pilih satu. *[Ketawa]* Itupun sebelum pilih pun kita pilih juga lagi kita timbang, kita tengok, kita lihat. Agak yang sesuai tidak sesuai, pun dipilih juga.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi satu lagi tajuk.

Puan Nosimah binti Hashim: Jadi saya minta pihak kementerian supaya kepada orang-orang kurang upaya ini supaya diberikanlah tempat-tempat latihan kemahiran. Kadang-kadang mereka ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah pun isu ini diketengahkan Yang Berhormat.

Puan Nosimah binti Hashim: Ya, tetapi cuma yang saya hendak bawa ini berkenaan dengan bidang pekerjaan. Kadang-kala mereka ini ada juga yang berkelulusan, lulusan peringkat universiti tetapi apabila diinterview di pejabat-pejabat kerana akhirnya dia rasa kecewa kerana mereka ini ditolak daripada bekerja dan kadang-kala pula, inilah saya katakan kadang-kadang mereka ini pula diberi sindiran-sindiran yang tidak berpatutan pada diri kita dan selain daripada itu juga supaya kita minta pihak kerajaan ini supaya banyakkannya wujudkan berkenaan pusat-pusat dalam komuniti kepada mereka ini.

Sebagaimana kita faham, negara kita ini banyak kraf tangan yang mana kita tengok tidak sebanyak mana yang dieksport ke luar negara, jadi pada mereka yang kurang upaya ini kebolehan mereka dalam bidang ini amatlah banyak dan kalau boleh mereka ini diberilah pekerjaan supaya mereka pun hendak mencari penghidupan mereka, supaya dapat membuat barang-barang begini, supaya dapat membantu kepada mereka semua untuk dihantar barang-barang mereka ini ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua: Maka!

Puan Nosimah binti Hashim: Satu, tambah satu sahaja sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Maka, maka.

Puan Nosimah binti Hashim: Maka, saya tambah satu lagi sedikit Tuan Yang di-Pertua cuma saya kalau kita pergi di.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau saya suruh Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat malu pula.

Puan Nosimah binti Hashim: Sekejap, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan biar bagi saya suruh duduk.

Puan Nosimah binti Hashim: Tambah satu lagi ini penting juga. Saya tengok di highway kalau kita dalam perjalanan daripada Utara-Selatan, saya lihat di surau-sarau, kalau boleh kita minta supaya pihak pengurusan atau pihak kerajaan menyediakan kerusi-kerusi khas untuk orang-orang kurang upaya dan orang-orang yang

tidak boleh duduk kerana sudah tua, yang hendak sembahyang tidak dapat duduk, jadi kita minta supaya pihak berkenaan memantau perkara-perkara yang demikian. Dengan ini saya...

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong?

Puan Nosimah binti Hashim: Turut menyokong, terima kasih. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Samsiah binti Samsudin. Puah Hajah Wan Ramlah saya tidak tahu dapat kesempatan atau tidak tetapi saya berjanji akan memberi keutamaan dalam perbincangan mengenai perbelanjaan tambahan kerana ia merangkumi perkara-perkara yang lebih kurang serupa dan bahan-bahan ucapan Yang Berhormat boleh digunakan pun serupa. Silakan Yang Berhormat.

12.45 tgh.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya bersama-sama membahaskan usul Menjunjung Kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka penggal kedua Parlimen yang kesebelas tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang dipertitahkan, namun saya hanya ingin membahaskan tentang beberapa perkara sahaja yang penting sekali isu pendidikan.

Apabila dikatakan tentang pendidikan kita sering mendengar frasa-frasa yang berbunyi sedemikian. "Pendidikan bermula di rumah", "pendidikan sepanjang hayat". Kita tidak pula pernah mendengar 'pelajaran bermula di rumah', 'pelajaran sepanjang hayat'. Ini menunjukkan didik itu cukup penting yang bermaksud asuh, ajar, bimbing, bantu, tolong manakala ajar maksudnya ajar sahaja iaitu *teach* sedangkan didik *means educate*. Jadi....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat ganggu sebentar, Dr. Raja Ram pun ada minta hendak bercakap kah?

Dr. Raja Ram a/I K. Nadayson: Tidak ada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih, jadi apa perlunya apabila bertukarnya menteri maka bertukar pula nama kementerian, daripada Kementerian

Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran. Ini Tuan Yang di-Pertua orang luar bising Tuan Yang di-Pertua, apakah ini yang dipentingkan, mereka bertanya apa ada pada nama, apa perlu hendak ditukarkan jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi pada pandangan Yang Berhormat apa isu di sini?

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Isunya Kementerian Pendidikan adalah lebih menyeluruh daripada Kementerian Pelajaran, itu Tuan Yang di-Pertua. Apabila dikatakan lagi tentang pendidikan, fokus kita adalah sekolah, timbulnya salah laku anak-anak, masalah sosial, anak-anak tidak menghormati guru, tidak menghormati orang-orang tua, tidak menghormati ibu bapa dan segala-galanya lah maka dikaitkan dengan sekolah. Siapakah yang berada di sekolah? Di sekolah ada guru, guru pun macam-macam masalah, ada guru yang tidak mengajar, ada guru tidak masuk kelas, ada guru yang lambat datang masuk kelas, ada guru cepat keluar kelas, guru mengajar membosankan, guru garang, guru pergi berkursus, guru banyak kerja, guru banyak bagi kerja rumah iaitu *homework* dan ada guru yang tidak bagi apa-apa kerja rumah. Semua yang diperkatakan ini memang berlaku yang menyumbang kepada kegawatan pendidikan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah *profession* Yang Berhormat sebelum dilantik jadi Ahli Dewan Negara?

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Guru besar. [*Ketawa*] Murid-murid pada hari ini akan menjadi ibu bapa 20 tahun yang akan datang, elok pendidikan hari ini eloklah nilai ibu bapa yang akan datang. Elok ibu bapa yang akan datang sudah tentu eloklah generasi kita, eloklah keturunan kita sudah tentu masalah sosial mungkin tidak wujud langsung ketika itu. Sehubungan dengan itu ada beberapa perkara yang harus kita ambil kira pada hari ini. Iaitu faktor sekolah, saya ingin mencadangkan sekolah ini tidak terlalu besar saiznya hingga keramaian murid menjangkau hampir 2000 orang.

Guru-guru 150 orang, guru besar atau pengetua hanya ada seorang, guru-guru kanan hanya ada 3 orang, belum lagi pegawai-pegawai yang lain ataupun kakitangan yang lain. Bilakah masanya guru besar hendak tahu siapakah gurunya? Perangai gurunya dan begitu jugalah murid-muridnya. Jadi kita sarankan supaya saiz sekolah ini hanya sekadar mungkin dalam 1000 orang sahaja untuk memudahkan guru besar ataupun pengetua itu mentadbir. Yang kedua.....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi dalam bidang pendidikan di antara isu terpenting di hadapan negara kita ialah sekolah-sekolah yang terlalu banyak murid. Adakah itu isunya?

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Ya. Boleh dipecahkan dan mungkin kenaikan pangkat juga lebih banyak lagi. Keramaian murid dalam kelas-kelas juga paling ramai hendaklah mencakupi seramai 30 orang sahaja, ini kalau kita pergi ke dalam kelas-kelas yang ada pada hari ini terutama di bandar-bandar sampai 52 orang. Guru tidak terajar, hari itu Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah ada berkata, anak empat orang pun pening kepala inikan pula 52 orang kadang-kadang menjangkau sehingga 54 orang murid-murid di dalam satu kelas. Bila lagi kementerian hendak menurunkan keramaian murid di dalam kelas yang dipanggil *enrolment*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi *point made* dengan izin bolehkah beralih kepada isu yang satu lagi.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Faktor guru, tadi faktor sekolah, faktor guru. Minit guru mengajar dalam satu minggu hendaklah dikurangkan sehingga 750 minit, ini sekarang ada yang sampai seribu lebih, jadi kerana guru juga terpaksa melakukan tugas-tugas perkeranian yang lain. Yang kedua, nisbah guru satu kelas kepada 1.5 orang, ini ada disebut oleh Datuk Azizah dalam soalan lisan dia. Jadi dinaikkanlah, ditingkatkan menjadi satu kelas kepada 2 orang guru. Pemilihan guru hendaklah tepat kerana tugas guru memangnya banyak, guru itu dilihat dari segi P&Pnya, penampilannya, tutur katanya, gaya berjalan, gaya memberi pendapat sedangkan kalau kita pergi ke kedai pun orang tahu Tuan Yang di-Pertua dia kata awak gurukah?

Tetapi hari ini apa dikatakan konsep ataupun peribadi yang semacam ini tidak ada lagi. Mereka sudah tidak nampak itu gurukah tidakkah kerana tutur kata dan juga perilaku.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu saya tanyakan tadi ilmu, kebolehan atau keterampilan (*knowledge, competence or character*).

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya setuju macam mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Ia merangkumi semua kerana guru di dalam kelas dan guru juga adalah di luar kelas. Lambang orang kampung guru itu adalah dihormati.

Jadi faktor untuk perguruan ini hendaklah dilihat semula. Janganlah diambil daripada orang-orang yang kecewa yang tidak dapat kerja lain maka kita masukkan kepada profesion perguruan kerana mereka juga akan menjadi guru-guru yang kecewa. Apabila guru-guru yang kecewa duduk di dalam kelas apa yang berlaku. Faktor guru lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah saya ganggu Yang Berhormat sebentar? Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Puan Hajah Wan Ramlah akan berpuas hati sekadar dua tiga minit seperti melepaskan batuk di tangga atau mahu tunggu sehingga giliran yang kemudiannya?

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tunggu giliran.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat boleh teruskan.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, guru yang pergi berkursus. Kursus sains bahasa Inggeris, kursus matematik bahasa Inggeris, kursus bahasa Inggeris itu sendiri hendaklah dilakukan pada hari Sabtu ataupun pada masa cuti penggal persekolahan kerana hari ini kalau kita tengok di sekolah-sekolah tujuh sehingga sepuluh orang guru tidak ada di sekolah, tidak hadir di sekolah. Apabila kita tanya mereka kata pergi berkursus, pergi mesyuarat dan sebagainya.

Jadi kita cadangkan supaya apa sahaja bentuk kursus dijalankan pada masa cuti sekolah ataupun pada hari Sabtu dan juga kita cadangkan supaya guru-guru yang pergi berkursus pada hari Sabtu dan juga pada masa cuti sekolah ini diberi elaun sebanyak 10% daripada gaji mengikut bilangan hari mereka pergi berkursus.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat mahu habiskan pada pukul 1.00 atau akan berhenti sebelum itu?

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Saya boleh habiskan tentang bidang pendidikan sahaja. Saya tidak sentuh hal lain lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masalah saya kalau Yang Berhormat hendak habiskan ucapan pada waktu 12.59.....

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Saya bawa yang ini sahaja Tuan Yang di-Pertua iaitu dalam masa tiga empat minit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga empat minit. Tuan Hassan bin Haji Shukri belum bercakap ya?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya cakap kemudian.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat boleh terus berucap sehingga pukul 1.00 tengah harilah.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya juga menyokong penuh usaha Kementerian Pelajaran ingin menempatkan guru-guru pemulihan di setiap sekolah di luar bandar kerana penguasaan 3M yang masih tidak mencapai tahap yang sewajarnya.

Usaha ini pernah dilakukan dahulu iaitu pada tahun 1982 dan bertahan sehingga 1990 sahaja. Kononnya semua murid telah mencapai tahap yang dikehendaki. Kita lupa bahawa (pemulihan) Tuan Yang di-Pertua, ini perlu diteruskan sehingga ke pengajian tinggi. Tetapi di pusat pengajian tinggi kita panggil mentor mantai. Jadi kalau di sekolah rendah kita panggil pemulihan sehingga bila-bila masa selagi ada sekolah, selagi ada murid kerana pencapaian murid yang tidak sama.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi saya telah membenarkan Puan Nosimah bercakap selama 18 minit. Kalau Yang Berhormat teruskan sehingga pukul 1.00, Yang Berhormat bercakap 17 minit. Jadi lebih kurang adillah. Sila teruskan.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Okey, sekarang saya juga mengucapkan tahniah kerana mata pelajaran bahasa Cina dan juga bahasa Tamil akan diadakan di sekolah-sekolah tidak lama lagi. Jadi kita menyokonglah supaya bukan sahaja murid Cina ataupun bukan sahaja murid India yang akan mempelajari bahasa ini tetapi eloklah kementerian membawa perkara ini ke pengetahuan guru-guru besar supaya murid-murid Melayu juga dapat mempelajari bahasa ini. Itulah di dalam pendidikan yang saya bawa.

Saya ingin bertukar kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian kerana dapat membantu NGO ataupun persatuan-persatuan bukan kerajaan menjalankan aktiviti-aktiviti sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Ini

memudahkan kami mendidik dan membangunkan masyarakat di tempat-tempat persatuan itu berada.

Memang persatuan ada mencadangkan supaya setelah lima tahun perkahwinan dicadangkan supaya kursus pasca perkahwinan ini diadakan semula bagi membantu pasangan-pasangan yang telah mula merasa bosan dengan kehidupan berkeluarga. Malangnya belum apa-apa lagi sudah ditempelak dan dilihat sebagai remeh. Saya ingin mencadangkan agar kementerian ini meneruskan lagi usaha-usaha dan membentuk peribadi manusia yang unggul melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang di dalam Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga tanpa meninggalkan kebajikan ibu tunggal.

Untuk ibu tunggal, saya ingin mencadangkan agar kementerian dapat memberi tambang setengah harga sama ada bas, kereta api, mahupun kapal terbang untuk kemudahan bagi ibu tunggal ini pergi melawat anak-anak mereka yang menyambung pengajiannya.

Yang kedua, bantuan kepada ibu tunggal ini hendaklah diperluaskan lagi dan juga ditambahlah nilainya. Yang ketiga begitu juga dengan hari ini pasport antarabangsa kita bayarannya adalah sebanyak RM300. jadi untuk ibu-ibu tunggal ini apa salahnya kalau kita juga memberi diskaun kepadanya sehingga kepada 50%. Ibu tunggal yang berkahwin dengan pesara, ini pernah saya bawa pada tahun yang lepas. Saya bawa lagi sehingga ke hari ini apabila suaminya itu meninggal, pesara itu meninggal, isteri ataupun ibu tunggal ini tidak mendapat pencen terbitan. Apa salahnya pencen suami tadi terus diturunkan kepada ibu tunggal ataupun kepada isterinya supaya anak-anak yang ada tadi dapat menikmati kemudahan-kemudahan. Ini untuk ibu tunggal dan juga pencen terbitan.

Pencen terbitan ini mungkin juga kepada suami-suami. Pencen terbitan setelah kita menikmati beberapa tahun pencen ini akan dipotong sebanyak 30% setelah 13 tahun. Jadi saya sangat mengambil kira hal ini supaya tidak dipotong apa-apa peratus pun sebab lagi dah tua lagi banyak kita hendak menggunakan duit untuk pergi klinik ataupun untuk membeli makanan-makanan yang berkhasiat.

Saya pergi pula kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Pertahanan kerana dapat meningkatkan gaji dan elaun-elaun yang tertentu untuk tentera. Saya ingin bertanya bila lagi kenaikan gaji kakitangan

penjara hendak dilaksanakan. Mereka juga patut diberi elaun kritikal kerana tugas mereka juga adalah tugas yang bahaya maklumlah menjaga banduan Tuan Yang di-Pertua, berilah keutamaan kepada pegawai dan juga kakitangan penjara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulunglah sekarang.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Okey. Saya hendak sebut berkenaan penjara juga harus ditambah, *quarters* penjara juga hendaklah diceriakan dengan mengecat dan juga alat-alat dalam penjara juga terlampau usang. Jadi silalah kementerian ini ambil perhatian. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, tahniah kepada kementerian yang dapat menjalankan kempen budi bahasa. Jadi saya tidak dapat sentuh banyak-banyak walaupun ada mungkin saya boleh sentuh di dalam masa yang akan datang begitu juga dengan kempen merokok menghabiskan duit sahaja Tuan Yang di-Pertua tetapi kesannya langsung tidak ada sama sekali. Jadi mungkin saya sokong Yang Berhormat Puan Shima tadi supaya kita gunakan pendekatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, saya tidak tahu nama Yang Berhormat Shima ya.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Nosimah. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup. Pihak kerajaan akan menjawab dan menggulung di sebelah petang apabila Dewan bersidang semula pada 2.30 petang. Bagi diri saya, saya mohon maaf jika terkasar bahasa. Saya harap Yang Berhormat tidak tersinggung kerana saya terpaksa kawal perbincangan dengan ketat pada sesi pagi ini. Sekian, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Sekarang saya minta pihak kerajaan untuk menggulung perbincangan. Silakan, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir Ramanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim yang mana Ahli Yang Berhormat berkenaan telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini dan mereka telah memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam Titah tersebut.

Beberapa isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan telah dibangkitkan dan kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan yang sangat baik, membina dan demi untuk kepentingan rakyat dan negara. Bagi pihak Kementerian Kewangan saya akan menjawab soalan-soalan dan menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan, mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian saya memberi pengakuan bahawa setiap saranan akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayaratnam telah menyuarakan kebimbangan sama ada negara mampu mempertahankan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh jangka sederhana dan panjang, kaitkan beberapa faktor seperti sumber pertumbuhan baru, masalah kekurangan buruh, upah yang meningkat, produktiviti yang rendah serta pemindahan teknologi.

Kerajaan memang sedar cabaran-cabaran yang dibangkitkan dan bagi memastikan kegiatan ekonomi negara dapat terus berkembang dengan cergas beberapa dasar dan strategi telah digubal dan dilaksanakan. Antaranya:

Pertama, menjana sumber pertumbuhan baru melalui kegiatan ekonomi dalam negeri dengan menyediakan iklim atau suasana perniagaan dan pelaburan yang *condusive* ke arah meningkatkan lagi peranan sektor swasta dalam menerajui

pertumbuhan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kemasukan pelaburan langsung asing atau FDI ke Malaysia terus menggalakkan dan semakin meyakinkan sejak tahun lepas.

Di mana jumlahnya telah meningkat hampir sekali ganda daripada RM9.4 bilion pada tahun 2003 kepada RM17.6 bilion pada tahun 2004. Meskipun negara kita bersaing sengit dengan negara lain, khususnya negara China. Jumlah FDI ini pula hampir menyamai kedudukan sebelum krisis kewangan Asia 1997 dan 1998 iaitu pada jumlah purata RM18.1 bilion setahun 1996 dan 1997 yang juga merupakan paras tertinggi FDI dalam tempoh 15 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua di samping meneroka sumber pertumbuhan baru, kita juga berusaha mempercepatkan peralihan struktur ke arah ekonomi berasaskan produktiviti dan nilai ditambah yang tinggi. Ini meliputi usaha mencergaskan semula sektor pertanian serta memperkayakan sektor perkhidmatan, terutamanya di bidang teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT. Sektor pembuatan akan terus diperkembangkan dengan sumbangan aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menjadi lebih berperanan dalam pembangunan negara.

Untuk mempelbagaikan lagi sumber pertumbuhan, kerajaan baru-baru ini telah melancarkan dasar bioteknologi negara yang bakal melonjakkan Malaysia kepada tahap pembangunan yang lebih tinggi ke arah pencapaian matlamat wawasan 2020. Pelaksanaan dasar ini adalah penting memandangkan keadaan ekonomi pasti akan berubah pada masa hadapan dan sebagai persediaan negara perlu menceburi bidang-bidang baru seperti bioteknologi ini untuk dimajukan dan diperolehi manfaatnya.

Ketiga, membangunkan modal insan atau *human capital* yang berproduktiviti tinggi serta inovatif sebagai faktor utama pertumbuhan ekonomi. Sejajar dengan usaha meneroka sumber pertumbuhan baru yang saya sebutkan sebentar tadi. Bagi mencapai pertumbuhan yang terus kukuh dalam jangka sederhana dan panjang, kerajaan akan memastikan persekitaran yang dapat menggalakkan lagi kegiatan perniagaan dan pelaburan termasuk menyediakan infrastruktur, kemudahan pembiayaan, serta pelbagai insentif atau membantu sektor swasta berkembang maju.

Pada masa yang sama sektor swasta mesti meningkatkan ketahanan dan daya saing untuk terus menjadi enjin dan peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Saya yakin

negara kita berkebolehan untuk memperkukuhkannya lebih-lebih lagi dengan sokongan padu dan kerjasama oleh semua pihak, termasuk sektor swasta dan rakyat keseluruhannya dalam menjayakan strategi-strategi dan program-program pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi cadangkan fokus perbelanjaan kerajaan diubah kepada berasaskan keberkesanan kos dan keberkesanan impak bagi mengelakkan pembaziran. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukkan tahunan yang diberikan untuk setiap kementerian adalah berdasarkan program dan aktiviti yang telah dirancang. Cadangan peruntukkan bagi sesuatu program atau aktiviti telah disemak oleh Kementerian Kewangan dan telah diluluskan Jemaah Menteri.

Prinsipnya sebarang cadangan pelaksanaan program baru perlu mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Penyediaan bajet mengurus tahunan pada masa ini adalah berdasarkan sistem belanjawan diubahsuai (MBS) yang sememangnya menitikberatkan aspek keberkesanan kos dan impak setiap perbelanjaan yang dibuat. Kementerian Kewangan meneliti perkara ini dalam proses pemeriksaan bajet tahunan bagi memastikan setiap program yang dipohon benar-benar berkesan dari segi kos dan impak.

Mengenai dakwaan bahawa objektif kementerian adalah untuk menghabiskan peruntukkan semata-mata, ianya tidaklah begitu tepat. Sebenarnya prestasi perbelanjaan setiap kementerian sentiasa dipantau secara bulanan oleh Kementerian Kewangan. Ini untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah seperti yang dirancang. Bagi badan-badan berkanun persekutuan penyaluran peruntukan adalah dibuat secara suku tahunan dan jumlah peruntukan adalah berdasarkan keperluan sebenar badan berkanun tersebut setelah mengambil kira kedudukan rizab tunainya. Perkara-perkara ini dibuat bagi memastikan perbelanjaan dibuat dengan lebih cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah yang telah diambil untuk memudahkan peraturan dan prosedur kewangan sebanyak 20 set *statute* dan peraturan telah dikenal pasti untuk dipinda sementara 104 sistem dan proses kerja di 16 kementerian di kemas kini.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam lagi menyarankan kepada kementerian agar mengkaji semula kadar tambatan ringgit bagi merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai rantau perbankan Islam dan perbankan konvensional. Sejak diperkenalkan pada 2 September 1998, tambatan ringgit telah dan terus memberi manfaat kepada negara dari segi menyediakan persekitaran yang lebih pasti dengan izin, *predictable* dan stabil untuk menyokong kegiatan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan memandang kepada perspektif yang menyeluruh berhubung dasar tambatan ringgit ini iaitu manfaat kepada ekonomi negara secara keseluruhan.

Oleh yang demikian dasar tambatan ringgit tidak menjejaskan hasrat kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan kewangan Islam di rantau ini. Pada masa sekarang rejim tambatan ringgit adalah mapan, parasnya adalah sesuai dan disokong oleh asas ekonomi yang kukuh serta ianya terus memberi manfaat kepada ekonomi negara. Bagaimana pun kerajaan akan terus mengawasi perkembangan ekonomi antarabangsa dan implikasinya ke atas ekonomi dan dasar negara termasuk dasar pertukaran mata wang.

Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Karim Abdul Ghani ingin mengetahui, adakah pemantauan dibuat terhadap pembayaran kerajaan kepada kontraktor kerana terdapat kes kontraktor yang menerima pembayaran lebih daripada tiga bulan yang ditetapkan setelah kerja diselesaikan.

Di sepanjang pengetahuan Kementerian Kewangan, kerajaan telah menjelaskan kebanyakan bayaran kepada kontraktor-kontraktor utama dan pembekal-pembekal yang telah menyiapkan projek-projek kerajaan dan kebanyakan kes bayaran lewat adalah di antara kontraktor utama dan subkontraktor. Bagi kontraktor yang menghadapi masalah bayaran lewat adalah didapati ianya disebabkan faktor-faktor tertentu antaranya seperti berikut:

- i) pertikaian mengenai arahan perubahan kerja (DO);
- ii) perolehan yang dibuat telah tidak mematuhi tatacara perolehan yang telah ditetapkan;
- iii) LAD yang perlu dibayar oleh kontraktor di atas kelewatan menyiapkan projek;
- iv) kontrak masih dalam tempoh kecacatan; dan

- v) kontraktor utama tidak menjelaskan bayaran kepada subkontraktor setelah mendapat bayaran daripada kerajaan

Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Kewangan telah menubuhkan Unit Aduan Bayaran Lewat yang bertanggungjawab membantu kontraktor ataupun pembekal yang masih belum mendapat bayaran daripada agensi kerajaan, badan berkanun, syarikat kerajaan dan swasta. Bagi kontraktor dan pembekal yang menghadapi masalah bayaran boleh mengemukakan aduan kepada unit ini untuk tindakan selanjutnya.

Di samping itu kementerian juga telah menubuhkan pasukan *flying squad* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang bertanggungjawab menyiasat kes-kes aduan mengenai kelewatan bayaran ke atas semua kerja atau perolehan kerajaan. Selain daripada itu juga, peraturan kewangan yang sedia ada di dalam Arahan Perbendaharaan 103 (a), dikehendaki bayaran yang perlu dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh bil diterima dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1/1999 pula membenarkan bayaran sebanyak 50% dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan diterima tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah bangun, Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan yang tentang *flying squad* yang ditubuhkan oleh kerajaan, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Boleh atau tidak Yang Berhormat jelaskan *flying squad* ini, apakah tanggungjawab mereka dan setakat manakah *empowerment* yang telah diberikan kepada *flying squad* ini untuk menentukan sama ada mereka boleh menyelesaikan masalah yang ditimbulkan tadi seperti VO, perolehan, LAD, tempoh kecacatan dan sebagainya. Sebab itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat tentang kedudukan *flying squad* ini. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya skuad ini telah menerima banyak laporan-laporan dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat *flying squad* ini di bawah unit yang seperti yang dikatakan tadi Unit Aduan Bayaran Lewat yang boleh juga aduannya dibuat secara *online* dan bila

aduan-aduan diterima dan dikaji dan sebagaimana yang dikenal pasti sebentar tadi lima perkara - kebanyakan perkara-perkara yang berbangkit kadang-kadang bukanlah terlibat dengan secara langsung dengan kementerian soal peruntukan. Kadang-kadang ia melibatkan soal jabatan teknikal ataupun agensi berkenaan dan kadang-kadang ia melibatkan antara *main contractor* dengan *sub-contractor*.

Jadi bagi pihak kerajaan untuk memastikan setiap aduan yang dibuat dan tidak berlaku penganiayaan kepada kontraktor khususnya, pastikan sesuatu projek itu berjaya, unit ini yang bertugas secara langsung untuk turun ke padang menyemak dan memastikan perkara-perkara yang saya sebutkan ini tidak berlaku. Soal kewibawaan unit ini, saya rasa, sebagaimana surat pekeliling yang dibacakan tadi dan juga janji Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk memastikan tidak berlaku ketidakadilan, memang diberi jaminan. Sekiranya berlaku kita minta diselesaikan dengan segera dan saya nampak setakat ini Yang Berhormat, unit ini sangat berkesan dan boleh dijadikan sebagai tunjang kepada untuk memastikan industri berkenaan ini tidak berlaku masalah-masalah pengabaian dan sebagainya.

Kita sedar, Insya-Allah, tentu sekali kita perlukan sokongan. Yang pertamanya, agensi kerajaan dan juga pihak kontraktor yang terlibat kadang-kadang masalah disebut dan senang diberitahu, ini *Treasury*, ini perbendaharaan punya masalah. Apabila kita semak masalah sebenarnya bukan di kementerian tetapi di peringkat-peringkat yang lebih bawah yang boleh diselesaikan dengan peringkat berkenaan. Jadi Insya-Allah, saya percaya unit ini boleh lebih berkesan lagi apabila mendapat aduan-aduan yang terperinci daripada pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melalui Surat Pekeliling Bilangan 4 tahun 2003, bertujuan untuk memberi kebenaran kepada agensi kerajaan untuk membuat bayaran secara terus kepada subkontraktor tertaluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di samping itu Kementerian Kewangan telah memberi peruntukkan tambahan kepada kementerian ataupun jabatan bagi menjelaskan bil-bil yang tertunggak.

Kesemua langkah ini adalah sebagai usaha kerajaan bagi membantu pembekal dan juga kontraktor mendapat bayaran mereka pada masa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan Awang Chik mencadangkan supaya penggunaan PMC dipertimbangkan semula bagi memastikan profesional bumiputera yang terlibat dapat dikekalkan. Beliau juga ingin penjelasan mengenai kaedah terbaik dan adil dalam pengagihan kontrak dan kenapa masih terdapat tawaran kontrak secara rundingan terus. Pihak kerajaan telah memutuskan pada bulan Mac 2004 supaya semua projek baru kerajaan hendaklah diselia oleh agensi teknikal kerajaan.

Sehubungan itu projek-projek baru kerajaan tidak lagi akan diseliakan oleh PMC. Walau bagaimanapun profesional bumiputera ini masih boleh terlibat dalam melaksanakan projek-projek kerajaan dengan berdaftar dan dalam bidang perunding yang lain seperti bidang arkitek, juru gubahan dan sebagainya. Kerajaan sentiasa mencari kaedah terbaik bagi melaksanakan urusan perolehan kerajaan termasuk dari segi pembahagian kontrak dengan mengemaskinikan peraturan-peraturan sedia ada selaras dengan kaedah semasa. Adalah juga ditegaskan di sini kaedah pemberian kontrak terbaik setakat ini adalah secara tender terbuka kerana kaedah ini dapat menjamin ketelusan, persaingan antara kontraktor dan nilai faedah terbaik yang diperolehi kerajaan.

Oleh itu kerajaan telah menetapkan bahawa bagi perolehan yang melebihi RM200 ribu hendaklah di tender. Selain itu agensi turut dibenarkan mempelawa tender terhad bagi tender kerja bernilai sehingga RM5 juta di kalangan sekurang-kurangnya 10 kontraktor bumiputera. Perolehan secara rundingan terus adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, ada kala kerajaan terpaksa menguruskan sesuatu perolehan secara rundingan terus disebabkan keperluan yang amat mendesak, bagi maksud penyeragaman, terdapat hanya satu punca bekalan atau perkhidmatan atau pembuat tunggal ataupun terhad dan melibatkan keselamatan serta strategi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim ingin menjelaskan mengenai kelewatan mengeluarkan pengeluaran 'Letter of Acceptance' (LOA) dan kelewatan mengeluarkan LOA berlaku antaranya disebabkan oleh rundingan mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap dan masalah-masalah lain di antara agensi dan kontraktor yang mengambil masa untuk dimuktamadkan. Agensi kerajaan perlu mengeluarkan LOA dalam tempoh sah laku tawaran dan jika tidak

berbuat demikian tawaran boleh dianggap luput dan lanjutan tempoh sah laku perlu dipohon atau ditender secara semula, tender baru perlu dipelawakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Hamzah Zainudin menyarankan kepada kerajaan supaya KWSP membantu syarikat-syarikat pembinaan tempatan menembusi pasaran luar negara. Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Puad Zarkashi meminta pelaburan KWSP keluar negara dilakukan secara berhati-hati kerana melibatkan wang rakyat.

Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, bagi sebarang pelaburan di luar negara, KWSP perlu memilih *instrument-instrument* pelaburan yang baik dan bukan sahaja dapat memberi pulangan yang munasabah malah mempunyai risiko yang paling minimum. Langkah ini adalah untuk memastikan pelaburan tersebut membawa manfaat kepada ahli dan pencarum kerana KWSP ialah menjana keuntungan ke atas dana pencarumnya.

Oleh itu ia tidak boleh memainkan peranan sebagai penggerak atau membantu syarikat pembinaan tempatan menembusi pasaran luar. Peranan ini telah dipertanggungjawabkan kepada *Professional Services Development Centre (PSDC)* dan *Construction Industry Development Board (CIDB)*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan Awang Chik lagi ingin menyarankan supaya rancangan khusus diadakan untuk industri pembinaan yang mengalami pertumbuhan negatif bagi membantu kontraktor yang terlibat dalam industri ini. Kerajaan memang prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh kontraktor berikutan pertumbuhan industri pembinaan yang tidak menggalakkan. Sehubungan dengan itu, baru-baru ini kerajaan telah mengambil keputusan untuk mempercepatkan pelaksanaan 26 projek pembinaan yang bernilai sejumlah RM2.4 bilion yang dicadangkan sepatutnya berada di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi dibawa ke tahun untuk pelaksanaannya. Dan kita jangka akan dapat memberi faedah kepada kontraktor kecil serta pertumbuhan ekonomi negara.

Adalah bertujuan untuk mencergaskan semula sektor pembinaan tempatan yang mencatat pertumbuhan negatif 1.9% pada tahun lalu dan membantu sektor ini berkembang pada tahun 2005. Dalam Bajet 2005 juga, kerajaan telah memperkenalkan RM500 juta kontrak-kontrak kecil kepada kontraktor kelas 'F' seluruh negara bagi

diagihkan kerja-kerja penyelenggaraan dan infrastruktur kerajaan untuk faedah menggerak ekonomi dan kontraktor kecil.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini RM250 juta telah pun dibelanjakan dan kita akan pastikan jumlah bakinya RM250 juta lagi akan dibelanjakan pada peringkat kedua pada tahun ini dan kaedah ini lebih kurang 8,000 kontraktor seluruh negara telah pun mendapat faedah daripada program ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan mengenai kelemahan sistem penyampaian Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terutamanya prosedur penyerahan borang cukai pendapatan di bawah Sistem Taksiran Sendiri (STS). Sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam melaksanakan STS ini Cawangan Penaksiran Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak lagi menjalankan tugas mentaksir cukai tetapi sebaliknya taksiran dibuat oleh pembayar cukai sendiri.

Cawangan Penaksiran LHDN perlu menumpukan kepada tugas baru iaitu mengaudit dan menyediakan perkhidmatan kepada pembayar cukai supaya mereka betul-betul memahami tanggungjawab di bawah STS ini. Dalam melaksanakan program pendidikan kepada pembayar cukai pula pada awalnya pembayar cukai telah diingatkan supaya menghantar borang cukai pendapatan terus kepada Pusat Pemprosesan di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pada tempoh 2 minggu sebelum berakhir tarikh penyerahan borang berkenaan pada 30 April 2005, kaunter perkhidmatan membayar cukai di seluruh negara telah diberi kebenaran untuk menerima borang cukai pendapatan bagi individu yang telah mendapat khidmat nasihat di kaunter berkenaan.

Langkah ini diambil untuk memberi kelegaan kepada pembayar cukai berkenaan dan LHDN bersedia mengambil tanggungjawab untuk menyampaikan borang tersebut ke Pusat Pemprosesan Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sistem STS ini merupakan tahun pertama pada tahun ini kita laksanakan. Tentu sekali banyak perkara-perkara baru yang perlu dipelajari oleh pembayar cukai dan perkara ini telah kita lakukan untuk membantu pembayar cukai.

Berhubung dengan isu ketetapan umum dipatuhi yang berada dalam Borang BE, borang membayar cukai yang berada dalam petak kewangan A9, ia merupakan pendirian LHDN mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan isu tertentu

contohnya Ketetapan Umum mengenai penyimpanan rekod. Ketetapan Umum ini bertujuan memaklumkan taksiran undang-undang yang betul untuk dijadikan panduan oleh pembayar cukai dalam mentafsirkan dan membayar cukai pendapatan. Panduan ini sewajarnya diikuti sepenuhnya jika pembayar cukai gagal mematuhi Ketetapan Umum, LHDN berhak meminda taksiran pembayaran cukai dengan mengambil kira maksud Ketetapan Umum.

Walaupun begitu pembayar cukai masih berpeluang untuk membuat rayuan mengikut saluran yang disediakan. Pendekatan menyediakan ketetapan umum adalah perlu supaya tafsiran undang-undang adalah tepat dan setiap pembayar cukai membayar jumlah yang sepatutnya mengikut undang-undang. Dakwaan bahawa tiada penjelasan mengenai ketetapan umum adalah tidak begitu tepat. Ini adalah kerana buku panduan yang telah menyenaraikan ketetapan umum ini dan setiap ketetapan umum juga boleh dilayari di laman *web* LHDN atau pembayar cukai boleh membuat semakan serta mendapatkan penjelasan dan setiap perkara itu diberi satu salinan percuma di cawangan LHDN yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam lagi menyatakan bahawa pada masa ini tidak ada insentif diberikan kepada pengilang-pengilang tempatan untuk melabur dalam sistem penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan industri berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pengilang tempatan adalah layak menuntut insentif untuk melabur dalam sektor R&D dan industri berteknologi tinggi.

Bagi sektor R&D, insentif pengecualian cukai pendapatan atau elaun cukai pelaburan diberikan kepada syarikat tersebut, syarikat R&D, kontrak, kegiatan R&D dalaman serta syarikat yang mengkomersialkan hasil R&D institusi awam. Insentif untuk syarikat industri berteknologi tinggi adalah pengecualian cukai pendapatan ataupun elaun cukai pelaburan. Namun demikian, syarikat tempatan dalam dua sektor ini hendaklah meningkatkan produktiviti supaya ia menjadi lebih kompetitif.

Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin mencadangkan supaya insentif juga diberikan kepada individu yang ingin melabur dalam bidang bioteknologi. Untuk makluman Yang Berhormat, individu yang melabur dalam syarikat bioteknologi yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai syarikat teroka (*venture capital firm*)

adalah layak mendapatkan potongan cukai pendapatan bersamaan dengan nilai pelaburan yang dibuat oleh individu tersebut dalam syarikat teroka berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayaratnam lagi ingin mengetahui sama ada dasar kerajaan mengurangkan duti import terhadap kereta dari negara ASEAN tetapi mengenakan cukai eksais dan memberi rebet sebanyak 50% kepada pengilang tempatan bercanggah dengan semangat ASEAN dan AFTA ataupun SAP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insentif pengecualian cukai yang kini dinikmati oleh pengilang-pengilang tempatan sedang dikaji semula oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin mencadangkan supaya kerajaan meneruskan pemberian dan pengecualian duti hiburan pada penganjur dan badan-badan yang menganjurkan kegiatan dan aktiviti berbentuk hiburan bagi membolehkan mereka mengadakan persembahan di seluruh negara untuk dinikmati oleh semua rakyat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun Akta Duti Hiburan 1953 merupakan Undang-undang Persekutuan, hasil kutipan duti ke atas hiburan yang diadakan di sesebuah negeri adalah diserahkan kepada negeri yang berkenaan.

Sebagai langkah untuk menggalakkan lebih ramai golongan masyarakat dapat menikmati hiburan termasuk kerajaan negeri telah pun mengecualikan duti hiburan ke atas pementasan secara selektif. Antara pementasan yang boleh dipertimbangkan pengecualian duti hiburan ialah pementasan di Wilayah Persekutuan yang diusahakan oleh kumpulan teater tempatan, pementasan antarabangsa yang disahkan oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan dan pementasan oleh artis tempatan di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mendakwa penggabungan bank-bank tidak menguntungkan kakitangan bank dan terdapat kakitangan diberhentikan kerja tanpa pampasan. Usaha penggabungan bank-bank telah dilaksanakan dengan tujuan memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan institusi perbankan negara dan meningkatkan tahap kecekapan agar setanding dengan institusi perbankan asing.

Dalam usaha ini kakitangan-kakitangan institusi perbankan tidak diberhentikan secara paksaan dan tanpa sebarang pampasan. Sebarang penamatan perkhidmatan

pekerja dilaksanakan melalui Skim Pemisahan Sukarela ataupun VSS dan pampasan yang berpatutan telah diberikan berdasarkan tempoh perkhidmatan mereka.

Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin lagi mendakwa syarikat-syarikat milikan kerajaan (GLC) lebih mementingkan keuntungan daripada melaksanakan tanggungjawab sosial membantu membangunkan vendor-vendor bumiputera. Aktiviti GLC adalah begitu meluas, berbeza dan pelbagai. Terdapat GLC yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pegangan pelaburan, penyediaan perkhidmatan kepada rakyat, pertanian, pembuatan, perkilangan dan lain-lain.

Di samping itu sebahagian daripada mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial terhadap rakyat dan negara. Oleh itu tidak semua GLC boleh menyediakan program vendor. Walau bagaimanapun, bagi GLC yang menjalankan aktiviti yang sesuai yang membolehkannya mempunyai program vendor, maka pada masa ini GLC terbabit telah pun menyediakan program tersebut bagi membantu membangunkan vendor-vendor bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tempoh 10 tahun yang lepas, dua GLC besar kerajaan iaitu Telekom dan TNB telah membelanjakan hampir RM11.25 bilion untuk menjana vendor-vendor bumiputera di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hamzah juga ingin mencadangkan supaya modal Eximbank diperbesarkan lagi bagi bukan hanya RM1 bilion tetapi sehingga RM2 bilion atau RM3 bilion supaya ia mampu memberi sokongan kepada syarikat-syarikat pembinaan yang mahu keluar untuk bertanding dan bersaing dengan syarikat-syarikat di luar negara.

Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan ini sangat bertepatan dan pihak kerajaan mengambil maklum mengenai keperluan untuk memperkasakan Eximbank dan sebagai langkah penyelesaian kerajaan kini sedang menstrukturkan pula Eximbank bagi membantu mempromosikan pengeksport-pengeksport di peringkat antarabangsa. Buat masa ini Eximbank diberi mandat untuk menguruskan ECR bernilai RM2 bilion.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir kurang yakin dengan penubuhan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2005 pada 10 September yang lepas dapat membantu menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh usahawan bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bank PKS dicadang ditubuhkan kerana sistem yang sedia ada tidak dapat menjadi penggerak kepada PKS. Dengan itu bank PKS ini akan mengambil kira kelemahan-kelemahan yang ada sekarang dan membaikinya supaya matlamat penubuhan ini dapat dicapai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan sedia ada akan dijadikan asas untuk mempertimbangkan sesuatu permohonan pembiayaan, contohnya latar belakang pemohon termasuk maklumat berhubung tanggungan sedia ada pemohon dengan lain-lain institusi kewangan, perihal projek termasuk maklumat berhubung aspek teknikal, aspek pasaran, pengurusan dan kewangan serta keperluan menyediakan cagaran. Walau bagaimanapun, penilaian ke atas kriteria pemohon adalah berbeza dari yang dilaksanakan oleh bank-bank komersial, manakala syarat-syarat pinjaman yang dikenakan adalah lebih mudah serta menggunakan kaedah *factoring* sebagai ganti kepada *collateral* yang diperlukan.

Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi membangkitkan langkah Khazanah Nasional mengurangkan bilangan ahli lembaga pengarahnya dari tokoh-tokoh sektor perkhidmatan awam yang lebih berpengalaman dan terbukti integritinya dan ingin mengetahui tentang penjualan saham syarikat GSC yang strategik kepada Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhannya komposisi Ahli Lembaga Pengarah Khazanah tidak pernah berubah iaitu terdiri daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pengerusi, tiga orang dari sektor awam dan tiga orang dari sektor swasta. Hanya keanggotaannya sahaja berubah mengikut keadaan semasa. Wakil-wakil dari sektor awam yang dilantik adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan berwibawa. Syarikat Telekom Malaysia dan Proton adalah dua syarikat yang berkepentingan strategik, yang saya maksudkan pada soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat . Syarikat milik Kerajaan Singapura yang membeli saham Telekom Malaysia dan Proton ialah Temasek Holding dan Government of Singapore Investment Corporation (GIC) dan mereka hanya memiliki lima peratus saham syarikat-syarikat tersebut. Pembelian saham-saham ini oleh pihak Kerajaan Singapura adalah merupakan transaksi komersial. Walau bagaimanapun, kerajaan akan tetap pastikan

bahawa apa-apa transaksi jual beli saham tidak akan menjejaskan penguasaan ataupun kontrol ke atas syarikat-syarikat strategik negara dan mempunyai kepentingan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta cadangan untuk perhatian Kementerian Kewangan. Terima kasih, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya pergi kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

3.12 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkisar kepada empat isu yang berkaitan dengan dadah, hal ehwal polis, hal ehwal penjara dan juga bahan-bahan lucah. Bagi isu-isu yang disentuh ini saya ingin cuba memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin meminta kementerian menyatakan punca-punca gejala dadah yang berleluasa sehingga menyebabkan pegawai kerajaan turut terlibat sebagai penagih dadah. Kementerian tidak menolak dakwaan bahawa penagihan dadah ini turut melibatkan pegawai kerajaan. Mengikut statistik-statistik yang kita ada, pada tahun 2004, pegawai awam ialah seramai 107 orang, pegawai polis atau anggota polis seramai 28, anggota tentera ialah 234 orang. Jumlah bagi tahun 2004 ialah 369 dan bagi tempoh tahun 2000 sehingga Mac tahun ini, jumlah keseluruhannya ialah 1,400 anggota pegawai kerajaan yang terlibat, di mana pegawai am ialah 559, anggota polis ialah 170 dan anggota tentera ialah 671.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, kementerian mendapati beberapa faktor utama yang mengakibatkan perluasan iaitu anggota yang bekerja menggunakan tenaga fizikal seperti;

- (a) buruh am, nelayan, pemandu kenderaan berat yang berjalan jauh mengangap dadah tertentu seperti Ice, Syabu dan pil kuda boleh

- memberikan kekuatan tambahan dan menahankan rasa mengantuk;
- (b) golongan remaja dan eksekutif menganggap dadah APS seperti *ecstasy* sebagai satu trend untuk berhibur, dengan izin, *partying drugs* di tempat-tempat hiburan malam;
 - (c) golongan pelajar menganggap dadah seperti Ice dan Syabu boleh membantu mereka menahan rasa letih atau mengantuk untuk mengulangi pelajarannya;
 - (d) golongan wanita menganggap bahawa dadah seperti Ice dan Syabu boleh membantu menguruskan badan-badan menjadi langsing; dan
 - (e) kemasukan dadah ke negara belum dapat disekat sepenuhnya kerana pengedar-pengedar sindiket antarabangsa menggunakan pelbagai cara modus operandi yang canggih bagi mengelakkan daripada ditangkap oleh pihak berkuasa.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuan Hassan bangun.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Baik, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, saya melihat bahawa sesungguhnya dadah ini memanglah kita sudah sepakat ia menjadi satu ancaman kepada negara. Saya telah menimbulkan sewaktu mencelah jawapan-jawapan menteri tempoh hari iaitu tentang bahan-bahan dadah yang telah dilupuskan ia sebagai barang bukti seperti yang berlaku baru-baru ini disimpan di balai-balai polis kemudiannya hilang. Saya hendak tahu, bagaimanakah dadah-dadah yang tidak lagi dijadikan barang bukti ini dihapuskan, dibinasakan.

Misalnya, sama ada ia dibakar tetapi kalau dibakar, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju supaya ketika upacara membinasakan atau menghapuskan dadah ini, selain daripada saya difahamkan polis dan hakim tetapi pada masa yang akan datang, setujukah Yang Berhormat supaya diturut sertakan wakil-wakil daripada Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat supaya menyaksikan upacara pembakaran itu ataupun pembinasaan. Kemudiannya ia mesti disiarkan dalam televisyen supaya rakyat tidak

lagi menaruh syak wasangka bahawa sesungguhnya mereka sangat bimbang bahan-bahan ini disimpan, kemudian tidak dihapuskan, dijual balik oleh golongan-golongan tertentu. Saya tidak menuduh sesiapa kerana ia boleh dijual balik, boleh diedar semula. Bagaimana pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang ditanya dan akan dijawab dengan lebih teliti dalam pertengahan ucapan saya dan caranya adalah ketat dan sewenang-wenangnya tidak dijalankan. Jadi, kalau ingin mengambil bahagian dalam kebakaran ini, tetapi jangan terlalu dekat nanti Yang Berhormat pun jadi *high [Ketawa]* kalau hidu semasa dadah itu dibakar.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta laluan. Bukan saya yang hendak pergi, saya minta supaya wakil daripada Dewan Rakyat dua orang, wakil daripada Dewan Negara dua orang. Soal dia hendak dekat, itu soal lain, kalaulah dia rasa hendak bakar dirinya sendiri, dia boleh dekat.

Tuan Chia Kwang Chye: *[Ketawa]* Bukan, saya tidak begitu serius tetapi nampak orang mengantuk jadi saya bangkitkan *[Ketawa]* tetapi mungkin tiada orang yang sukarela hendak menyaksikan. Saya akan jawab secara lebih serius selepas ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam dekad ini muncul pula dadah jenis sintetik yang diperbuat daripada bahan-bahan kimia. Dadah sintetik didapati mudah diproses di tempat yang kecil seperti di belakang rumah dan mudah diedar dan diseludup kepada pengguna. Dadah ini juga mendapat permintaan yang tinggi kerana dianggap sebagai *designer drug*, dengan izin, yang sesuai digunakan di tempat-tempat seperti kelab-kelab hiburan. Kerajaan sentiasa mencari jalan yang terbaik dan berkesan untuk membanteras gejala penyalahgunaan dadah yang masih berlaku di negara kita. Kerajaan amat serius dan komited dalam usaha mengatasi masalah penyalahgunaan dadah. Untuk maksud tersebut, saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet bagi membanteras gejala dadah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Selain daripada memperkukuhkan institusi *building* seperti di atas, kerajaan juga mengambil langkah-langkah memperkukuhkan kapasiti *building* iaitu berusaha meningkatkan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan, badan sukarela dan mana-mana pihak yang bersedia memberi sumbangan kepada kempen-kempen

pencegahan seperti jawatankuasa masjid, surau, badan agama bukan Islam, golongan artis karyawan dan lain-lain juga. Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani mencadangkan supaya tumpuan penangkapan dibuat ke atas pengedar dadah kerana impak pengedar ini merupakan punca pertumbuhan penagih dadah. Selain daripada tindakan penguatkuasaan terhadap penagih-penagih dadah, agensi-agensi penguatkuasaan seperti polis, kastam dan unit pencegah penyeludupan juga mengambil tindakan terhadap pengedar-pengedar dadah yang besar dengan izin *King Pin* melalui pelbagai cara seperti:

- (i) mencegah kemasukan dadah ke negara sama ada melalui darat. Laut atau udara. Jabatan kastam misalnya penggunaan peralatan seperti *scanner*, di pelabuhan dan pintu-pintu masuk lain untuk mengesan dan mencegah dadah yang di sembunyi dalam kontena kenderaan dan barang seperti cakera padat, buku dan sebagainya. Agensi penguat kuasa menuruskan operasi-operasi untuk mengurangkan bekalan dalam pasaran melalui operasi-operasi secara berterusan. Operasi-operasi rampasan ini termasuklah usaha mengesan dan menumpaskan makmal-makmal dadah haram seperti yang telah ditumpaskan di Semenyih pada bulan April 2004, hasil kerjasama dengan pihak penguat kuasa negara China;
- (ii) kedudukan terperinci terbesar, pengedar dadah (*traffickers*) dan pengedar kecil (*pushers*) yang ditangkap pada tahun 2000 sehingga 2004 adalah seperti berikut:
 - Seksyen 39 (B) - 8244 orang
 - Seksyen 39 (A)1 - 6,920 orang
 - Seksyen 39 (A)2 - 10,949.orang

Kerajaan juga mengambil tindakan terhadap pengedar-pengedar besar melalui kedua-dua akta itu, iaitu Akta Dadah Berbahaya - Langkah-langkah Pencegahan Khas 1998 dan juga Akta Dadah Berbahaya Perlucutan Harta 1988.

Akta-akta ini digunakan untuk tahanan pencegahan pengedar dadah bagi penyitaan dan perlucutan harta yang diperolehi daripada kegiatan pengedaran dadah.

Masalah pengedaran dadah ini mempunyai dimensi antarabangsa dan pengedaran dadah merupakan satu jenis jenayah dalam merentasi sempadan atau tanpa sempadan. Dengan itu pihak Polis Diraja Malaysia sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan di luar negara seperti *Central Narcotics Bureau Singapore, Australian Federal Police, Enforcement Agency Amerika Syarikat dan Narcotics Control Commission* Negeri China.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga turut mencadangkan supaya kementerian memberi tumpuan kepada *informer* atau mereka yang memberi maklumat mengenai pengedar dadah seperti yang diberikan kepada *informer* pendatang tanpa izin dan sebagainya.

Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Kastam telah diberi kuasa di bawah Seksyen 42(A) Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk menawarkan imbuhan kepada mana-mana pihak yang memberi maklumat berkaitan dengan pengedaran dadah. Pihak Polis sememangnya menawarkan imbuhan atau ganjaran kepada mana-mana orang yang memberi maklumat berkaitan sesuatu aktiviti dadah sehingga berjaya dengan tangkapan dan rampasan. Nilai jumlah ganjaran yang ditawarkan akan ditentukan berdasarkan merit dengan izin setiap kes.

Yang Berhormat Dato Seri Empiang Jabu telah membangkitkan isu berkenaan dengan jenayah penggunaan senjata api yang dikatakan muncul mula meningkat di Sarawak dan meminta supaya pihak polis mengambil tindakan ke atas jenayah kekerasan supaya tidak menular di Sarawak seperti menetapkan hukuman lebih keras ke atas jenayah itu.

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan dan mengenakan hukuman yang keras ke atas penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam jenayah pembunuhan. Antara tindakan yang diambil bagi memastikan jenayah kekerasan tidak menular di Sarawak adalah seperti berikut: .

- (a) Mengadakan tindakan pencegahan secara berterusan dengan bantuan masyarakat serta tindakan penyiasatan yang teliti dan berkesan sehingga penjenayah di bawah ke muka pengadilan.

- (b) Memberi tindakan khidmat kaunseling terhadap mereka yang menghadapi masalah supaya pencegahan awal dapat dijalankan.
- (c) Mengambil tindakan berterusan terhadap ahli-ahli kongsi gelap dan kumpulan samseng yang bertindak ganas.
- (d) Mencegah dan menangkap pendatang-pendatang asing tanpa izin yang berada di negara ini untuk dihantar balik.
- (e) Melaksanakan rondaan cegahan jenayah yang berterusan di kawasan yang berisiko tinggi.
- (f) Mengadakan operasi-operasi seperti Ops Mamba iaitu operasi dan siasatan jenayah yang melibatkan pendatang asing, Ops *Red Serpent* ialah operasi terhadap kegiatan penyeludupan senjata api dan Ops *Copper Head* atau operasi dan siasatan terhadap kongsi gelap.

Untuk memastikan penjenayah-penjenayah yang terlibat dengan kes-kes pembunuhan dikenakan hukuman yang keras, kerajaan sentiasa memastikan undang-undang yang sedia ada dikaji. Ini adalah untuk menyedarkan dan mendidik masyarakat agar tidak melibatkan diri dengan aktiviti jenayah. Antara tindakan dan hukuman yang dikenakan adalah tindakan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman mati, dan lain-lain seksyen di bawah Kanun Keseksaan ialah seperti Seksyen 304, Seksyen 307, dan Seksyen 308 yang mempunyai beberapa hukuman penjara dan sebagainya. Tindakan di bawah undang-undang pencegahan di bawah Seksyen 41 Ordinan Darurat Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1999 di mana orang yang terlibat boleh ditahan di pusat pemulihan Akhlak Simpang Renggam Johor.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad ingin mengetahui jumlah dadah yang dirampas sepanjang tahun 2004 dan 2005 dan apakah yang terjadi kepada bahan-bahan dadah yang dijadikan bukti atau evidence di mahkamah dan sama ada ia dimusnahkan atau sebaliknya dan ini boleh menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

Jumlah dadah yang dirampas bagi tahun 2004 hingga tahun 2005 setakat Februari tahun ini dalam bentuk kilogram adalah seperti berikut:

Ganja	-	1329 kilogram
Mitragynine atau ketum	-	1087 kilogram
Ephedrine	-	616 kilogram
Heroin	-	236 kilogram
Candu	-	100 kilogram
Ectasy	-	94 kilogram
Syabu	-	66 kilogram
Amphetamine	-	15 kilogram
Kokain	-	2 kilogram.

Rampasan dalam bentuk biji pula:

Pil <i>Eramine 5</i>	-	306,573 biji
Pil <i>Ecstasy</i>	-	175,994 biji
Pil <i>Cytroptic</i>	-	151,860 biji
Pil <i>Yaba</i>	-	119 biji.

Rampasan dalam bentuk liter pula kepada *codin* sebanyak 29,067 liter dan meritinin ialah ketum sebanyak 401 liter. Rampasan dalam bentuk pokok pula bagi jenis dadah seperti ganja ialah sebanyak 76 pokok. Bagi semua bahan-bahan *exhibit* dadah yang telah dijadikan bukti di mahkamah mesti dimusnahkan dengan cara pembakaran. Pihak mahkamah akan mengeluarkan perintah mengikut Seksyen 406(a) Kanun Prosedur Jenayah tentang pihak yang sepatutnya memusnahkan *exhibit* itu iaitu sama ada pihak polis atau mahkamah sendiri.

Jika *exhibit* diserahkan kepada pihak polis untuk dimusnahkan, ia akan dimusnahkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di bawah hukuman tetap Ketua Polis Negara Bab (D) 207. Jika *exhibit* diserahkan kepada pihak polis untuk dimusnahkan, ia akan dimusnahkan mengikut prosedur yang tersebut itu. Kelulusan Ketua Polis Negara diperolehi sebelum sesuatu pemusnahan dilakukan dan setiap barangan kes yang dimusnahkan itu dikeluarkan sijil musnah secara berasingan yang

ditandatangani oleh seorang pegawai polis berpangkat Superintenden ke atas dengan dua orang pegawai kanan polis sebagai saksi.

Setiap Ketua Polis Daerah di mana tangkapan dan rampasan dadah itu berlaku adalah dipertanggungjawabkan tentang penjagaan dan kawalan semua *exhibit* dadah sehingga ianya dimusnahkan. *Exhibit* ini biasanya dikumpulkan daripada beberapa daerah dan dimusnahkan dengan mengadakan hebahan melalui media massa, terutama melalui surat khabar. Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff membangkitkan isu pihak yang bertanggungjawab menjaga keselamatan negara di sempadan Malaysia dan di Thailand.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tidak dijawab. Saya mohon walaupun ada peraturan-peraturan, saya kata bolehkah kementerian bersetuju supaya pada masa-masa yang akan datang, dalam upacara hendak memusnahkan bahan-bahan dadah ini, diturut sertakan sebagai saksi wakil-wakil daripada Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara kerana rakyat bertanya, apabila berlaku baru-baru ini tentang kehilangan barang bukti daripada dadah ini.

Jadi, rakyat banyak bertanya kepada kami, dia kata bagaimana upacara penghapusan dadah itu. Saya bersetujulah iaitu dari segi akta, dari segi undang-undang. Tetapi, supaya rakyat tidak sangsi kalau upacara pembinaasaan bahan-bahan dadah ini. Tidakkah boleh saya hendak tanya itu. Pandangan menteri bagaimana, wakil-wakil daripada Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat itu. Tidak ada jawapan diberikan oleh Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebagai tambahan kepada pegawai-pegawai yang sedia ada?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Yang sedia ada.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan bahawa sebaran am telah digunakan melalui surat khabar dan sebagainya untuk mengumumkan pemusnahan bahan-bahan itu. Nampaknya Yang Berhormat memang berminat untuk menyaksikan tetapi saya perlu mengkaji berkenaan dengan prosedur dan sebagainya dan menyemak sama ada pihak seperti Yang Berhormat cadangkan

boleh dijemput dan sebagainya. Ini, saya perlu mengkaji prosedur yang tertentu sebelum saya dapat menyampaikan jemputan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menyatakan berkenaan dengan sempadan Malaysia dan Thailand.....

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan. Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri tadi. Saya ingin tahu, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian, terutamanya tindakan yang sedang, telah ataupun sedang diambil kementerian kepada mana-mana yang bertanggungjawab sehingga menyebabkan dadah tersebut telah hilang. Maknanya, bahan bukti itu hilang. Macam mana boleh jadi begini?

Kalau kita kata dadah masuk daripada laut, darat ataupun udara, susah hendak dikesan kerana bermacam-macam-macam taktik dan teknik yang dibuat oleh penyeludup, tetapi siapakah penyeludup internasional atau penyeludup yang lebih canggih. Maknanya orang dalaman sendiri. Dia yang buat kerja, seolah-olah penyeludup yang datang daripada darat dan laut ini sebenarnya datang daripada orang yang sama, seolah-olah. Itu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak silap saya, mungkin Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan isu di mana 60,000 pil ecstasy sebagai *exhibit* mahkamah yang telah hilang baru-baru ini dan siasatan memang telah dijalankan oleh pihak CID dari Bukit Aman dan nampaknya ada kesan kepada siasatan ini dan keputusan akan diambil dan melalui pihak *AG Chambers* ataupun DPP sama ada bagaimana caj akan disampaikan dan sebagainya. Tindakan dan siasatan pun telah diambil dan tidak lama lagi kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Urus setia bagi menyelesaikan keselamatan sempadan adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri di mana agensi penguat kuasa yang terlibat adalah seperti ATM, PDRM, UPP, Kastam, Imigresen dan beberapa agensi yang berkenaan.

Di antara langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar pembolosan dadah adalah dengan cara-cara seperti berikut.

- (i) mempertingkatkan rondaan secara berterusan di kawasan sempadan,
- (ii) memperkemaskan pos-pos kawalan di sempadan Malaysia dan Thailand,
- (iii) pembinaan tembok di sepanjang sempadan Malaysia Thailand, dan
- (iv) meneruskan serta mempertingkatkan kerjasama dua hala antara Malaysia Thailand.

Bagi tahun 2004, jumlah rampasan dadah di kawasan sempadan negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Perak adalah seperti berikut:

- (i) candu sebanyak 15 kilogram,
- (ii) pil 'yaba' sebanyak 1,972 biji dan
- (iii) pil ecstasy sebanyak 811 biji.

Bagi tahun 2005 belum ada rampasan dadah di kawasan berkenaan untuk tahun ini.

Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee meminta kementerian menjelaskan beberapa isu berkaitan dengan Jabatan Penjara Malaysia. Saya ingin cuba menjelaskan setiap isu yang berkenaan.

Yang Berhormat mengatakan bahawa Jabatan Penjara Malaysia pada ketika ini mengalami masalah kesesakan banduan dan ingin mengetahui apakah perancangan yang dibuat untuk menangani masalah kesesakan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik pada akhir April 2005, muatan banduan bagi 29 penjara adalah 32,464 banduan berbanding dengan kapasitinya hanya untuk 2,150 banduan. Berhadapan dengan situasi lebihan muatan sedemikian dan juga mengambil kira berlakunya peningkatan setiap tahun, Jabatan Penjara mengambil langkah-langkah bagi menangani masalah berkenaan. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

Pertama, pembinaan 10 lagi penjara baru bagi meningkatkan kapasiti muatan daripada 25,000 banduan kepada kira-kira 40,000 banduan;

Kedua, peningkatan program pemulihan melalui Pelan Pembangunan Insan terutama bagi mengelakkan berlakunya kemasukan semula atau berulang atau dengan izin, *recidivism*.

Ketiga, mencadangkan alternatif pemenjaraan seperti Sistem *Parole* dan Perintah Khidmat Masyarakat dan tujuan utamanya ialah meningkatkan pemulihan banduan tetapi pada masa yang sama ia menyumbang ke arah mengurangkan jumlah banduan yang perlu menjalani hukuman di penjara.

Keempat, meningkatkan keselamatan penjara dengan menggunakan sistem keselamatan elektronik bersepadu.

Kelima, menambah baik sistem perkhidmatan penjara bagi mengelakkan kehilangan kakitangan seperti yang berlaku sekarang iaitu kira-kira 611 dalam tempoh dua tahun iaitu pada tahun 2003 hingga tahun 2004 kerana menerima tawaran gaji yang lebih baik daripada sektor swasta dan kerajaan yang lain.

Keenam, jumlah kakitangan yang lebih sesuai dengan bilangan penghuni adalah diperlukan untuk menampung kawalan dan pemulihan akibat dari penambahan populasi penghuni setiap tahun. Jabatan Penjara telah mengemukakan permohonan untuk menambah jumlah kakitangan.

Ketujuh, pemindahan banduan dari penjara yang terlalu sesak ke penjara yang kurang atau tidak sesak.

Kelapan, mengkategorikan semula penjara berasaskan latar belakang banduan dan kesalahan bagi meningkatkan keberkesanan program-program pemulihan khas yang melibatkan modul penagih dadah, modul *juvana*, modul *sexual*, modul tahanan dan reman dan lain-lain lagi.

Kesembilan, pengubahsuaian institusi penjara lama bagi meningkatkan lagi kapasiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga bertanya bilakah penjara Malaysia akan mewujudkan sistem seperti yang diamalkan oleh negara maju seperti *community service* dan sistem *parole*. Jabatan Penjara pada dasarnya telah mengkaji dan mencadangkan beberapa hukuman yang berbentuk pemenjaraan tanpa tembok bagi menyumbangkan ke arah peningkatan pemulihan serta secara tidak langsung mengurangkan jumlah banduan yang menjalani hukuman penjara seperti sistem *parole*

di mana semua pindaan yang melibatkan peraturan dan mekanisme pelaksanaan sistem ini telah disiapkan.

Kertas kabinet juga telah disiapkan dan jika diluluskan ia akan melibatkan sejumlah kira-kira 2,100 banduan yang layak dipertimbangkan untuk dibebaskan secara *parole* dan di bawah Perintah Khidmat Masyarakat kertas cadangan sedang disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Cadangan melibatkan pesalah-pesalah yang melakukan kes ringan di bawah Akta Pengangkutan Jalan, Akta Kesalahan Kecil, Akta Pendaftaran Negara, Akta Perniagaan Singkat 1983 dan Kanun Keseksaan.

Berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia pada akhir April 2005 terdapat kira-kira 2,000 pesalah yang dihukum penjara kerana kesalahan kecil seperti yang saya nyatakan di atas. Di samping itu, Jabatan Penjara juga telah mengenal pasti beberapa alternatif pemenjaraan yang lain untuk dicadangkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan. Alternatif tersebut perlu dikaji dengan lebih teliti kerana ia mempunyai kesan terhadap sistem perundangan yang sama.

Berkenaan dengan isu prabebas dan bekas banduan dan berasaskan akta dan Peraturan Penjara Banduan, bagi kepentingan tertentu termasuk pemulihan diri dan seperti yang telah dilaksanakan sekarang prabebas dibenarkan bekerja dalam sektor tertentu yang tidak menjejaskan keselamatan diri banduan dan orang ramai dan jika cadangan dipertimbangkan, kelulusan syarat-syarat yang tertentu termasuk latihan khas perlu diberikan sebelum banduan prabebas dibenarkan. Kementerian dan Jabatan Penjara menyedari

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dato'.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya berharap kalau boleh Yang Berhormat dapat memberikan saya seramai yang 32,000 banduan berada di kesemua penjara itu adakah Yang Berhormat statistik sama ada rakyat tempatan ataupun pendatang yang lebih ramai yang membuat bersalah yang menghuni penjara-penjara di seluruh Malaysia? Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada statistik?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mac tahun ini terdapat lebih kurang 5,146 banduan warga asing di dalam penjara kita dan kebanyakan

adalah nampaknya dari pelbagai negara termasuk negara Indonesia, Cina, Myanamar, Bangladesh dan sebagainya. Dan memang jumlah banduan warga asing merupakan lebih kurang 15% daripada jumlah populasi banduan dan ini adalah salah satu faktor yang mengakibatkan kesesakan di penjara kita.

Yang Berhormat Dato' Hamzah bin 'Junaidin' telah membangkitkan isu-isu gambar yang tidak bermoral yang banyak disiarkan di dalam majalah

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta laluan untuk membetulkan sedikit tentang nama saya. Nama saya Hamzah bin Zainudin, bukan Hamzah bin 'Junaidi', terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Minta maaf Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Nama ayah Yang Berhormat itu seakan-akan sama dengan wakil dari Santubong, Sarawak. Sila Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin.

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Bapa saya tidak marah.

Tuan Chia Kwang Chye:] *[Ketawa]* Okey, kalau marah saya minta maaf juga. Yang Berhormat telah membangkitkan berkenaan dengan gambar-gambar yang tidak bermoral yang banyak disiarkan di dalam majalah serta akhbar-akhbar di negara ini. Beliau meminta supaya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri membanteras masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sentiasa membuat pemantauan dan penguatkuasaan di atas penerbitan bahan-bahan yang tidak diingini dan tidak bermoral terutamanya bahan-bahan yang berunsur lucah di premis penerbitan. Semua penerbitan yang diluluskan permit-permit penerbitan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri adalah tertakluk kepada garis panduan penerbitan Kementerian dan syarat-syarat permit yang digariskan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Berdasarkan kajian dan pemantauan ini isu kandungan majalah dan akhbar ini kementerian mengambil tindakan memberi nasihat, teguran dan amaran kepada penerbit jika berlaku kesalahan khususnya yang memuatkan gambar-gambar yang tidak bermoral serta memudaratkan ketenteraman awam. Jika kesalahan tersebut masih

berulang kementerian akan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan disusuli dengan tindakan yang boleh menggantung atau membatalkan permit permintaan.

Sepanjang tahun 2004 kementerian telah mengambil tindakan mengeluarkan sebanyak 18 surat nasihat, 60 surat teguran dan 38 surat amaran kepada penerbit majalah pelbagai bangsa kerana menyiarkan bahan-bahan negatif dan tidak bermoral.

Di samping itu juga kementerian telah mengeluarkan sejumlah 13 surat tunjuk sebab dan menggantungkan sesuatu permit penerbitan kerana kesalahan yang sama. Kementerian turut mengeluarkan sejumlah 7 surat teguran dan 5 surat amaran kepada penerbit akhbar pelbagai bahasa kerana kesalahan seumpamanya itu pada tahun yang sama. Manakala pada bulan Januari hingga bulan April tahun ini kementerian telah mengeluarkan sebanyak 35 surat nasihat, 40 surat teguran dan 10 surat amaran kepada penerbit majalah.

Kementerian turut mengeluarkan sejumlah 2 surat tunjuk sebab kerana kesalahan yang sama. Dalam tempoh itu juga sejumlah 5 surat teguran dan 5 surat amaran telah dikemukakan kepada penerbit akhbar. Kementerian turut mengeluarkan 2 surat tunjuk sebab kepada akhbar kerana masih mengulangi kesalahan yang samanya. Untuk makluman Yang Berhormat juga majalah dan akhbar yang dianggap bermasalah akan dikenakan beberapa tindakan termasuk tindakan tunjuk sebab di mana penerbit jika didapati meneruskan penerbitan berunsur lucah tindakan drastik seperti penarikan permit dan tindakan mahkamah boleh diambil.

Jadi Tuan Yang di-Pertua itulah sahaja penjelasan saya dan sekiranya masih terdapat perkara-perkara lain tidak disentuh pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Assalamualaikum w.b.t. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja yang

menyentuh bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat Datuk Azizah Abd Samad, penguatkuasaan pembuangan sampah sarap di kawasan PBT adalah terletak di bawah Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 dan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah. Kesalahan di bawah akta boleh menyebabkan denda maksimum RM1000 ataupun 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali dan selanjutnya denda RM100 sehari bagi kesalahan berterusan selepas disabitkan manakala kompaun yang dikenakan di bawah undang-undang kecil adalah RM500.

Contohnya untuk Majlis Perbandaran Selayang di antara RM250 hinggalah RM500. Tindakan penguatkuasaan diambil oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan PBT yang membuat lawatan ke premis-premis dan juga berdasarkan aduan orang ramai. Bagi Majlis Perbandaran Selayang sebagai contoh dalam tempoh 4 bulan pertama tahun 2005 sejumlah 12 kes telah dikenakan kompaun di bawah undang-undang kecil pemungutan, pembuangan dan pelupusan sampah di atas kesalahan-kesalahan seperti pelupusan tanpa izin *illegal dumping* dengan izin dan pembuangan sampah secara tidak teratur dan menyebabkan kekotoran di sekitar premis.

Bagi mengelakkan pembuangan sampah sarap dibuang merata-rata PBT telah mensyaratkan supaya setiap premis menyediakan tong sampah manakala bagi kawasan kampung ataupun setinggan kemudahan tong *communal* disediakan oleh PBT sebagai tanggungjawab sosial.

Di samping itu pelbagai kempen seperti kempen kebersihan dan keindahan sentiasa diadakan di peringkat tempatan sebagai usaha untuk mendidik masyarakat mengenai kebersihan persekitaran. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga ada menganjurkan beberapa pertandingan seperti bersih dan indah dan pertandingan landskap demi menggalakkan kebersihan di PBT.

Di samping itu PBT juga adalah dimaklumkan dari masa ke semasa mengenai keperluan menjaga kebersihan di kawasan PBT. Berkenaan dengan isu pengeluaran lesen penjaja, Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah telah menyentuh mengenai pengeluaran lesen penjaja oleh PBT. Mengenai perkara ini PBT sememangnya sentiasa meningkatkan pengeluaran lesen bagi aktiviti pasar harian, pasar tani dan juga

penjaja bagi menggalakkan perkembangan ekonomi bandar dan membantu golongan peniaga-peniaga kecil. Bagi tindakan jangka pendek PBT akan menyediakan tapak-tapak sementara yang bersesuaian. Bayaran lesen harian akan dikenakan dan para peniaga dibenarkan berniaga mengikut had masa yang ditetapkan.

Lazimnya tapak-tapak sementara ini melibatkan aktiviti perniagaan pasar malam atau pasar tani di lokasi-lokasi yang ditetapkan dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat. Ada juga tapak-tapak perniagaan yang berbentuk ekspo disediakan dalam musim-musim ataupun temasya tertentu. Bagi tindakan jangka panjang pula PBT akan menyediakan tapak-tapak tetap yang terdiri daripada tapak-tapak perniagaan berbumbung yang lazimnya melibatkan pasar basah dan pasar borong. Konsep ruang niaga yang lebih tersusun dan disokong dengan kemudahan yang berkaitan turut diambil kira dalam perancangan PBT khususnya dalam merangka pelan pembangunan bagi kawasan perniagaan dan aktiviti penjaja.

Bagi maksud tersebut pihak kementerian ada menyediakan peruntukan kepada PBT untuk membina tapak-tapak perniagaan tetap seperti medan selera dan pusat penjaja. Tuan Yang di-Pertua bagi memastikan aktiviti-aktiviti ini dapat dijalankan dengan teratur undang-undang kecil penjaja PBT dikuat kuasa bagi tujuan kawalan dari aspek perlesenan, kebersihan dan keselamatan.

Mengenai isu waktu operasi bagi pusat-pusat hiburan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff, kerajaan sedar akan isu masalah sosial yang ditimbulkan oleh aktiviti pusat hiburan. Oleh itu kerajaan telah mengambil pelbagai langkah kawalan dari aspek perundangan dan penguatkuasaan. Sebarang.....

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Hajah Sharifah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengulang kembali apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi. Maknanya cadangan yang saya buat supaya pihak PBT merancangkan satu kawasan lapang tetapi dibuat medan penjaja secara bertutup bukan seperti tapak-tapak yang dibuat gerai-gerai.

Maknanya ia *permanent* tetapi macam berkemah, bersesuaiannya boleh dibuat *day market* maknanya lesen itu dikeluarkan hari-hari bukan tetap untuk setiap bulan, dia datang meniaga dikenakan lesen penjaja. Kemudian di masa yang sama seandainya hari itu diberikan percutian kepada semua penjaja tidak perlu meniaga, boleh dibuat medan untuk main futsal dan sebagainya. Itu cadangan yang saya buat, terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd Dun: Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya itu terpulanglah kepada pihak PBT untuk membincang dan memikirkan apakah jenis tapak-tapak untuk mereka mengadakan pusat penjajaan, perkara ini mungkin Yang Berhormat sendiri pun boleh mencadangkan kepada PBT dan jika mereka bersetuju mungkin mereka boleh mengemukakan cadangan tersebut kepada kementerian untuk meminta bantuan daripada segi peruntukan. Tetapi dari segi jenis apakah itu terpulang kepada PBT untuk menentukan, terima kasih. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana itu oleh itu kerajaan telah mengambil berbagai langkah kawalan dari aspek perundangan dan penguatkuasaan. Sebarang aktiviti hiburan perlulah terlebih dahulu mendapatkan lesen membuka tempat hiburan di bawah undang-undang kecil, *trade* perniagaan dan lesen, mengadakan aktiviti hiburan di bawah akta ataupun enakmen hiburan yang diguna pakai oleh PBT yang berkenaan. Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada kerajaan negeri dan PBT agar mengambil tindakan yang lebih tegas kepada pengusaha-pengusaha pusat hiburan serta mengetatkan lagi syarat-syarat pengeluaran lesen hiburan termasuk mengehendkan waktu perniagaan atau waktu operasi.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, secara umumnya waktu biasa operasi bagi pusat-pusat hiburan ialah antara jam 8.00 malam hingga 12.00 tengah malam. Walau bagaimanapun, PBT seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh melanjutkan tempoh operasi pusat hiburan berdasarkan permohonan dengan mengambil kira kesesuaian tempat dan jenis aktiviti hiburan.

Dari segi penguatkuasaan, PBT melalui penguatkuasaan Akta Hiburan atau Enakmen Hiburan Negeri boleh mengenakan kompaun terhadap.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan, tidak adakah satu peraturan yang tegas supaya waktu penutupan pusat-pusat hiburan ditetapkan. Kalau pukul 12.00 malam, pukul 12.00 malam sebab kita lihat kesan daripada kelonggaran syarat ini menyebabkan banyak perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Adakah kementerian memantau perkara ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Yang Berhormat, sebenarnya kalau masa ini, bila-bila pun orang boleh buat.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun:perlakuan yang kurang baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf saya ganggu sekejap. Yang Berhormat boleh sambung semula jawapan selepas ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng untuk mempengerusikan seterusnya majlis Mesyuarat Dewan Negara kita pada hari ini.

[Dato' Dr. Chin Fook Weng *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Yang Berhormat, sila.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih. Saya sebut kembalilah apa yang saya katakan tadi iaitu masa ini sebenarnya Yang Berhormat siang pun orang buat benda yang kurang baik apatah lagi malam.

Tetapi sebenarnya memanglah di PBT semua sudah ada masa yang tertentu iaitu ada yang sampai jam 12.00 tengah malam, ada yang jam 1.00 pagi, ia mengikut negeri masing-masing. Jadi, kita di kementerian cuma buat garis panduan sahaja, terpulang kepada negeri masing-masing dan PBT masing-masing untuk menentukan masa mereka mengikut *by laws* mereka sendiri.

Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, minta laluan. Maksud Yang Berhormat Menteri tadi maknanya suka hati pengusaha itulah hendak buka sampai jam berapa. Di manakah penguatkuasaan PBT dalam hal ini dan hari ini kita lihat bahawa kadang-kadang pusat hiburan ini bukan buka sampai pukul 1.00

pagi tetapi ada yang sampai pukul 6.00 pagi. Di manakah penguatkuasaan PBT hari ini? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Yang Berhormat, saya tidak kata macam itu. Mana boleh pusat-pusat hiburan sesuka hati buka sampai bila-bila. Masa sudah ditentukan iaitu ada yang sampai jam 12.00 malam, ada yang sampai jam 1.00 pagi. Terpulung kepada PBT masing-masing mengikut *by laws* mereka. Tetapi seperti Dewan Bandar raya Kuala Lumpur, misalnya pada hujung minggu mereka dibenarkan untuk membuka sampai jam 2.00 pagi, ini sebenarnya adalah daripada kelulusan PBT bukan pusat hiburan itu sendiri yang buat.

Jika mereka tidak mengikut apa yang sudah ditentukan oleh PBT, maka PBT boleh mengambil tindakan terhadap mereka. Ertinya mereka tidak mengikut peraturan yang sudah ditetapkan oleh PBT. Jadi, dia bukan suka-suka sahaja. Kalau dia suka-suka itu, kalau mana-mana Yang Berhormat tahu ada yang suka-suka hati ini, boleh buat laporan kepada pihak PBT yang berkenaan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Yang Berhormat. Daripada apa Yang Berhormat berikan jawapan kepada kita dalam Dewan ini, Yang Berhormat kata terpulung dan mengikut *by laws* PBT masing-masing. Tidakkah Kerajaan Persekutuan boleh memikirkan satu dasar supaya *by laws* yang ada diselaraskan di seluruh negara dan kita kata tiap-tiap hari pukul 12.00 malam, *weekend* mungkin sampai pukul 1.00 pagi dan kita selaraskan.

Itulah saya ingat apa yang diminta oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini dan kalau boleh dasar ini dibuat, mengapa tidak kita mulakan daripada sekarang. Itu yang kita kata. Yang Berhormat kata tadi masalah sosial ini siang pun ada betul-tetapi yang jadi masalah kita ini, masalah sosial di tengah malam yang mungkin lebih teruk daripada sosial sebelah siang. Siang ini ramai yang dengan tugas masing-masing sebab itu kami dalam Dewan ini memikirkan tanggungjawab untuk mengurangkan masalah kerana pembinaan insan yang Kerajaan Persekutuan minta itu adalah supaya melahirkan rakyat yang sihat, yang pada waktu malamnya tidak ada aktiviti-aktiviti luaran

tetapi tidur supaya esok ada tugas yang lebih baik. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Hamzah ini dia amat prihatin tentang masalah sosial yang berlaku pada malam hari. *[Ketawa]* Kita ucapkan terima kasih kepada sahabat kita ini. Yang Berhormat kita ucapkan terima kasih di atas cadangan yang telah dikemukakan supaya kita dapat meneliti ataupun mengkaji semula supaya dapat kita selaraskan undang-undang kecil ataupun *by laws* di PBT ini.

Sebenarnya KPKT ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang ini sedang dalam usaha untuk mengkaji semua undang-undang ataupun *by laws* di semua PBT dalam negara kita ini dan Insya-Allah pandangan dan saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan kita ambil kira dalam proses kita mengkaji semula semua undang-undang ataupun *by laws* di dalam negara kita, khususnya di bawah kawasan PBT. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Mengenai cadangan pembinaan terminal bas baru di Butterworth yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, *[Ketawa]* sukacita dimaklumkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Seberang Prai telah melantik juru perunding bagi menjalankan kajian untuk menentukan lokasi yang sesuai bagi membina terminal bas baru dan peruntukan juga telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi tujuan pelaksanaan projek tersebut kerja-kerja pelaksanaan projek akan dibuat setelah pihak majlis bersetuju dengan lokasi yang akan dipilih kelak. Jadi, saya harap Yang Berhormat Dato' berpuas hati dengan jawapan ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Mengenai pemberian lesen perniagaan kepada ibu tunggal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan melalui beberapa agensi turut memberikan perhatian untuk membantu ibu-ibu tunggal melalui program-program yang dilaksanakan.

Pihak kementerian di bawah bahagian kesejahteraan bandar turut menyediakan kemudahan dan bantuan kepada ibu-ibu tunggal melalui program pembasmian kemiskinan bandar. Selaras dengan itu juga pihak PBT telah diminta untuk memudahkan pengeluaran lesen perniagaan dan penjaja kepada peniaga-peniaga kecil termasuklah kepada ibu-ibu tunggal. Walau bagaimanapun, peniaga yang diberi lesen perlulah mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan dari segi tempat, jenis perniagaan, aspek kebersihan dan kacau ganggu.

Untuk menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun, untuk makluman Puan Siw Chun, kerajaan amat menggalakkan pembinaan *crematorium* berbanding sistem pembakaran terbuka di tempat-tempat tertentu.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Nama saya Siw Chun bukan Chuan Sun. Siw Chun.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Yang Berhormat Siw Chun ya, minta maaf. Yang Berhormat Siw Chun.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Kerajaan amat menggalakkan pembinaan *crematorium* berbanding sistem pembakaran terbuka di tempat-tempat tertentu seperti mana yang ada sekarang. Sekiranya ada keperluan, PBT boleh memohon melalui pihak kerajaan negeri untuk pertimbangan kementerian kita. Pada masa ini walaupun terdapat garis panduan ringkas bagi *crematorium* kementerian sedang menyediakan garis panduan yang lebih lengkap lagi untuk kegunaan semua kaum.

Mengenai isu pembinaan rumah ibadat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun juga ingin dimaklumkan bahawa pelan tataatur taman perumahan yang disediakan kini telah pun mengambil kira permasalahan ini di mana ketetapan jenis rumah ibadat yang akan dibangunkan tertakluk kepada majoriti kaum dan agama yang akan menetap di situ. Permasalahan yang ditimbulkan ini mungkin timbul di kawasan taman perumahan yang lama atau hak milik rumah yang asal, yang telah bertukar tangan. Garis panduan perancangan dan pembangunan sejagat edisi kedua yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa di bawah kementerian telah pun mengambil kira rumah ibadat untuk semua kaum.

Mengenai isu berkaitan dengan Bukit Cahaya yang ditimbulkan oleh Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed, mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang cuai dari segi penguatkuasaan dan pemantauan berkaitan pembangunan di sekitar kawasan Bukit Cahaya, Shah Alam ianya terserahlah kepada pihak kerajaan negeri dan PBT untuk menjalankan siasatan. Jika didapati berlaku kecuai pegawai pihak kerajaan negeri dan PBT boleh mengambil tindakan di bawah peraturan tatatertib yang diguna pakai oleh PBT pada masa ini.

Berkenaan dengan prasarana bagi orang-orang kurang upaya, untuk maklumat Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim pihak kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan mengenai penyediaan kemudahan bagi orang kurang upaya di dalam dan di luar sesuatu bangunan. Penyediaan kemudahan tersebut telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan dan dijadikan syarat bagi kelulusan rancangan pembangunan. Pihak kementerian mengambil perhatian akan cadangan Yang Berhormat supaya dibina lebih banyak lagi kemudahan untuk orang kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagilah saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kementerian dan segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian dan terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekarang saya menjemput Kementerian Kerja Raya untuk menggulung.

4.11 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan usul menjunjung kasih ke atas Titah Diraja bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negara Yang Ke-11. Saya akan menjawab dan memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik mencadangkan supaya konsesi penswastaaan penyelenggaraan Jalan Persekutuan dikaji semula untuk mengatasi rungutan kontraktor-kontraktor kecil yang mengatakan syarikat konsesi tidak berlaku adil dan mengenakan potongan harga dengan sewenang-wenangnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai dakwaan bahawa syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan tidak berlaku adil terhadap subkontraktor yang dilantik, kementerian ini akan mengadakan siasatan agar perkara ini dapat dikaji dengan lebih teliti.

Isu ketidakadilan kerana pemotongan harga terhadap subkontraktor dan juga pertukaran subkontraktor kepada subkontraktor lain seperti yang dibangkitkan akan disiasat dengan lebih mendalam bagi mendapatkan keadaan yang sebenar. Sekiranya dakwaan itu benar dan berlaku penganiayaan terhadap subkontraktor kementerian ini akan mengambil tindakan lanjut agar perkara ini tidak akan berulang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik juga ingin tahu sama ada kerajaan telah membuat penelitian yang mendalam sebelum mengambil keputusan untuk beralih kepada konsep pembinaan, dengan izin, *Industrial Building System* ataupun lebih dikenali dengan IBS. Beliau bimbang industri pembinaan akan menjadi terlalu bergantung kepada pembuat dan pengilang IBS dan mengurangkan margin keuntungan yang diperolehi kontraktor. Beliau juga mahu agar kesan penggunaan IBS terhadap kontraktor-kontraktor kecil khususnya kontraktor kelas F dikaji memandangkan golongan ini banyak melaksanakan projek berbentuk. dengan izin, *one off*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam sektor pembinaan kerajaan berhasrat untuk mengurangkan penggantungan kepada tenaga kerja tidak mahir dan seterusnya mengurangkan bilangan pekerja asing di dalam negara. Dengan cara ini adalah dijangka IBS akan dapat meningkatkan lagi kualiti produktiviti keselamatan dan juga daya saing khususnya dengan penggunaan teknologi moden dalam bidang-bidang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah membuat kajian di kalangan semua pihak yang terlibat di dalam industri pembinaan dalam merangka Program IBS. Berdasarkan maklum balas tersebutlah kerajaan telah

meluluskan, dengan izin, *IBS Road Map* sebagai salah satu usaha mengindustrikan sektor pembinaan. Oleh yang demikian kebimbangan tidak harus timbul terhadap keputusan kerajaan untuk beralih kepada penggunaan IBS di dalam sektor pembinaan.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat supaya mengkaji kesan terhadap kontraktor-kontraktor kecil khususnya kontraktor kelas F, ingin dimaklumkan bahawa kerajaan telah mengambil kira kepentingan semua pihak dalam merangka strategi pelaksanaan IBS bagi memastikan kontraktor-kontraktor kecil mendapat manfaat. Beberapa pendekatan telah dirancang adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan program latihan dan pensijilan kepada pekerja dan kontraktor bagi pemasangan sistem IBS;
- (ii) menyediakan program bersama pengeluar untuk memberi pendedahan dalam kepakaran industri; dan
- (iii) menyediakan skim latihan bantuan dan intensif kewangan untuk pengeluar kecil dan kontraktor bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik turut meminta supaya urusan penutupan akaun akhir bagi projek-projek kerajaan disegerakan. Beliau mencadangkan agar Pegawai Penguasa Projek (SO) daripada JKR tidak terlalu kerap ditukar bagi memudahkan urusan mengesan sejarah sesuatu projek, dengan izin, *project history*, sewaktu proses penutupan akaun dilaksanakan. Beliau turut meminta agar kerajaan mempercepatkan bayaran *retention sum* sebaik tempoh kecacatan projek tamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan JKR pada masa ini adalah penutupan akaun akhir dilaksanakan dalam tempoh enam bulan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja atau, dengan izin, *Certificate of Practical Completion (CPC)* dikeluarkan. Amalan ini telah pun dilaksanakan mulai 20 September 2000.

Mengenai isu pertukaran Pegawai Penguasa Projek iaitu SO, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memandangkan JKR mengguna pakai sistem pengurusan dan pemantauan projek skala secara *online* masalah pertukaran pegawai tidak akan menjejaskan pengurusan penutupan akaun akhir projek kerana sistem ini mengandungi maklumat terperinci bagi setiap urusan sesuatu projek.

Mengenai bayaran *retention sum* telah melaksanakan pekeliling perbandaran bil. 11 tahun 1999 bertarikh 30 Oktober 1999 di mana 50% *retention sum* dikembalikan kepada kontraktor selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan dengan syarat pihak kontraktor mengemukakan jaminan baru bernilai 2.5% daripada harga kontrak. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan lazimnya berpunca daripada kontraktor yang lambat menyerahkan dokumen-dokumen yang diperlukan serta kelewatan menyelesaikan kerja-kerja pembaikan dalam tempoh kecacatan, dengan izin, *defect liability period*.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir meminta supaya projek jambatan kedua Pulau Pinang tidak ditangguhkan memandangkan keadaan kesesakan di Jambatan Pulau Pinang sedia ada adalah sangat kritikal pada ketika ini. Beliau juga tidak bersetuju dengan pembinaan pembahagi jalan di atas jambatan tersebut yang menurutnya telah mencacatkan pandangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedia maklum mengenai masalah kesesakan di atas Jambatan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun mengenai cadangan untuk membina jambatan kedua Pulau Pinang, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menangguhkan pelaksanaannya. Oleh itu bagi mengatasi masalah kesesakan yang berlaku kerajaan sedang mengambil tindakan untuk melebarkan jambatan sedia ada dari empat lorong kepada enam lorong.

Kerajaan juga akan menaik taraf jalan-jalan susur di persimpangan bertingkat keluar masuk ke Jambatan Pulau Pinang supaya dapat mengurangkan kesesakan yang berlaku. Pada masa ini kerja-kerja penyediaan lukisan reka bentuk terperinci sedang giat dijalankan oleh pihak konsesi dan kerja-kerja pelebaran akan dimulakan tidak lama lagi.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Sebenarnya Yang Berhormat jambatan Pulau Pinang yang kedua ini diperlukan. Kalau Yang Berhormat kata daripada lorong yang keempat sudah jadi enam, iaitu untuk melebarkan lorong-lorong tersebut. Tetapi sudahkah kementerian membuat kajian, kalaulah lorong ini daripada empat hendak dilebarkan kepada enam, sudah tentulah

lorong yang di sebelah kanan dan di sebelah kiri akan ditutup, dan kalaulah semasa projek-projek ini dijalankan, jika lorong di sebelah kanan ditutup untuk menjalankan kerja-kerja kontrak, sudah tentulah lebih teruk lagi kesesakan akan berlaku. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dan apa kajian yang telah dibuat oleh kementerian? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih. Bagi penjelasan lanjut kepada soalan tambahan yang Yang Berhormat kemukakan, bahawa jikalau semasa pembinaan dijalankan untuk menambah daripada empat lorong kepada enam lorong, mungkin ia akan lebih menimbulkan kesesakan dan memudaratkan perjalanan lalu lintas di atas jambatan. Tetapi pihak kementerian telah pun mendapat satu strategi kerja di tapak bina daripada pihak konsesi dan juga pihak kontraktor yang akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini, untuk menentukan supaya kesesakan yang berlaku apabila dalam pembinaan itu di peringkat yang paling minimum, pelbagai kaedah dan pendekatan telah pun dibuat, mungkin satu pendekatan untuk mengadakan *tidal flow*, dengan izin supaya perjalanan trafik akan berjalan lancar, dan untuk melebarkan jambatan itu bagi memudahkan penyaluran trafik di atas jambatan, maka peningkatan dan penaikan taraf jalan susur akan dapat dibuat untuk menentukan gangguan terhadap pengguna tidak akan memudaratkan perjalanan lalu lintas.

Mengenai pembinaan.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan. Saya hendak cerita sedikit tentang Pulau Pinang ini. Masalah Pulau Pinang ini bukan sahaja masalah jambatan. Apabila kita buat perancangan pada peringkat awal, kita hendak adakan dua jambatan Pulau Pinang adalah semata-mata kita hendak memastikan di bandar Pulau Pinang itu daripada kawasan airport sehinggalah ke George Town tidak ada jam. Jadi masalah *bottle neck* nya, dari penghujung jambatan itu. Kalau kita buat daripada 4 lane kepada 6 lane, masalah masih timbul di *bottle neck*. Jadi masalah trafik jam di Pulau Pinang tidak akan selesai kecuali kalau kita ada dua tempat yang berlainan dan mempunyai dua *bottle neck* yang berlainan mungkin trafik jam di Pulau Pinang akan dapat kita selesai. Jadi saya hendak tanya apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Yang Di-Pertua, pada umumnya saya bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tetapi mengikut

perancangan dasar fizikal negara, kita bukan hanya memberikan tumpuan di Pulau Pinang dan kita sedia maklum bahawa Lembah Kelang juga di mana dengan izin projected population akan menjadi kesembilan juta dan diikuti pula dengan Johor Baru dan juga Pulau Pinang dan sudah tentu segala perancangan untuk meningkatkan kemudahan prasarana infrastruktur senantiasanya menjadi rancangan fizikal kerajaan dan negara.

Jadi buat ketika ini, saya sebutkan tadi bahawa cadangan untuk membina jambatan Pulau Pinang yang kedua ini ditangguhkan. Jadi untuk memenuhi permintaan dan penyuraian trafik di kawasan Pulau Pinang ini bahawa pelebaran kepada jambatan daripada 4 lorong dan dibuat kepada 6 lorong dan kemudian jalan susur masuk itu dinaik taraf, jadi untuk sama ada perkara ini akan dapat menyelesaikan tentang kesesakan lalu-lintas dan ianya adalah satu perancangan yang menuntut supaya kita buat apa yang kita mampu sekarang dan untuk meningkatkan kemudahan dan infrastruktur, ia dalam dasar perancangan fizikal negara yang akan menentukan supaya Malaysia ini akan menjadi negara yang mampu berdaya saing dan maju dalam cabaran dunia globalisasi dan liberalisasi dan tentu itu akan menjadi satu perkara dan perancangan fizikal dan pembangunan negara. Mengenai....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat saya minta sekali lagi. Saya mintalah kementerian ataupun kerajaan pusat mempertimbangkan semula jambatan Pulau Pinang yang kedua ini. Kalau kita kaji sejarah 20 tahun dahulu sebelum jambatan Pulau Pinang ini dibina, ada orang kata tidak perlu jambatan Pulau Pinang dibina tetapi hari ini kita lihat kalaulah tidak ada jambatan Pulau Pinang yang sekarang ini bagaimana mereka yang seberang hendak ke pulau dan pulau ke seberang. Kalau hendak pakai feri saya ingat 4 hari baru orang seberang nak sampai ke Pulau Pinang, betapa ramai dan sesaknya. Jadi saya merayu supaya kementerian dan kerajaan pusat untuk kepentingan rakyat. Kalau kita bercakap soal Kerajaan Barisan Nasional hendak membina dan menolong rakyat, inilah masanya tolonglah rakyat Pulau Pinang, kita perlu.

Jadi kalaulah masa semasa jambatan Pulau Pinang hendak dibina dahulu ada orang kata, kalau jambatan Pulau Pinang dibina mereka hendak terjun laut dan saya takut-takut Yang Berhormat nanti orang Pulau Pinang marah, mereka kata kalau kita

bakar jambatan Pulau Pinang tetapi daripada kempen budi bahasa tidak bolehlah bercakap, itu bahasa yang tidak baik. Terima kasih Yang Berhormat dan saya minta dipertimbangkan semula.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih, insya-Allah segala permintaan daripada Yang Berhormat pihak kementerian akan

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, saya hendak minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila beri laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tidakkah kementerian rasa bila hari ini kementerian bercadang untuk melebarkan dan dalam jangka masa yang akan datang mengikut kata Yang Berhormat Menteri tadi, maknanya akan datang akan dibuat, bermakna sementara ini ditangguhkan jambatan kedua. Tidakkah ia menjadi satu pembaziran yang akan dibuat oleh kementerian tetapi tidak ada jalan penyelesaian? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Yang Di-Pertua. Kalau kita bercakap tentang perancangan strategik untuk membangunkan infrastruktur dan prasarana negara dia dibuat dan diikuti secara peringkat demi peringkat, kalau kita akan kemampuan dari segi logistik dan kewangan tentulah kita hendak buat perkara itu pada hari ini. Ini banyak bergantung daripada segi pertama kajian kemungkinan kepada perancangan fizikal yang hendak dibuat.

Yang kedua, daripada segi soal sama ada kita mampu untuk buat sekarang ataupun tidak. Yang ketiga, sama ada kalau kita hendak buat sekarang ini adakah ia berasaskan kepada kedudukan kewangan yang ada pada hari ini atau kita pun terpaksa hendak pinjam. Jadi oleh kerana kita telah pun melakukan beberapa kajian, jadi alternatif jalan keluar untuk menentukan supaya ada kesesakan tetapi kesesakan ini tidak akan memudaratkan lalu-lintas di antara Seberang Perai ke Pulau Pinang. Jadi untuk memudahkan pihak pengguna maka keputusan dibuat untuk melebarkan jambatan ini buat ketika ini dahulu dan untuk itu yang dilakukan dan kita akan senantiasa menilai dan menerima pandangan dan membuat kajian supaya laluan kedua ini akan dapat diadakan apabila keperluan dan juga kedudukan tentang kewangan itu

akan dapat disediakan untuk menentukan supaya kita mampu untuk berdaya saing, itu adalah jawapan daripada pihak kementerian.

Mengenai pembinaan pembahagi jalan di atas jambatan sedia ada, ia dilakukan bagi meningkatkan tahap keselamatan pada pengguna di mana ia akan menghalang pemandu dari melihat sebarang kemalangan atau kerosakan di laluan bertentangan yang kerap menyebabkan kesesakan. Di samping itu ianya juga berfungsi sebagai panel penghalang silau dengan izin anti-glare.

Tuan Yang Di-Pertua, ahli Yang Berhormat Senator Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Al-Habshee meminta Menteri Kerja Raya melihat masalah pembinaan jalan susur keluar dan masuk yang tidak sempurna seterusnya mengakibatkan kesesakan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mempunyai perancangan yang teratur dalam membina jalan raya di seluruh negara termasuk pembinaan jalan susur. Walau bagaimanapun, kesesakan di jalan susur masih boleh berlaku disebabkan beberapa perkara.

Dalam kes jalan susur keluar ke Pandan Indah dan Pandan Jaya dari MRR2 adalah dimaklumkan bahawa kapasiti jalan susur tersebut telah mencapai tahap maksimum kerana peningkatan kenderaan yang tinggi, jalan tempatan yang berkapasiti rendah dan pembangunan kawasan sekitar susur keluar masuk yang padat. Kementerian Kerja Raya senantiasa peka atas masalah ini dan sedang bekerjasama dengan Majlis Berkuasa Tempatan untuk mengurangkan masalah kesesakan di susur keluar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak dijawab sila maklumkan kepada saya supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ir. Mohd. Zin Mohamed, Timbalan Menteri Kerja Raya. Sekarang saya menjemput Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk menggulung.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada 11 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian membahaskan beberapa perkara dan isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi semasa perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan penjelasan berhubung dengan perkara dan isu yang telah dibangkitkan. Antaranya ialah isu-isu kandungan stesen TV dan laman web, perkhidmatan jalur lebar, mutu perkhidmatan, perbekalan air dan elektrik di negeri Sabah dan pengawal seliaan agensi-agensi di bawah kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Senator Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam, dan Senator Datuk Jins Shamsudin amat prihatin terhadap program dan rancangan siaran TV yang boleh merosakkan akhlak remaja. Sehubungan itu mereka meminta supaya program-program TV ditapis atau dipantau dengan ketat agar tidak dipengaruhi oleh budaya asing yang boleh menimbulkan masalah sosial. Mereka juga mencadangkan supaya diperbanyakkan drama-drama TV dan program-program berbentuk pendidikan yang boleh meningkatkan jati diri dan semangat cintakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah menyediakan satu rangka kawal selia yang komprehensif yang meliputi aspek perundangan, pelesenan dan pemantauan untuk mengawal bahan-bahan yang disiarkan oleh stesen-stesen TV. Semua kandungan kecuali siaran langsung dan siaran tertunda yang disiarkan melalui TV adalah tertakluk kepada Akta Penapisan Filem 2002 dan perlu ditapis sebelum ia disiarkan.

Di samping itu, ia juga tertakluk kepada peruntukan pengawalseliaan sosial dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang melarang penyiaran kandungan lucah. Selain itu, stesen TV juga dikehendaki mematuhi kod kandungan. Sebagai agensi pengawal selia, stesen-stesen TV yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sentiasa

mengambil tindakan untuk memastikan semua stesen TV mematuhi syarat-syarat lesen serta undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. SKMM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana stesen yang menyeleweng dari perundangan dan peraturan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah tambahan bagi mengetatkan kawalan ke atas stesen penyiaran, kementerian saya telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran TV dan Radio Awam dan swasta yang dianggotai oleh semua kementerian dan jabatan yang mempunyai kepentingan dalam kandungan siaran TV bagi memastikan stesen-stesen TV sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, stesen TV swasta bergantung pada hasil pengiklanan untuk membiayai operasi mereka dan oleh itu lebih cenderung untuk menyiarkan kandungan bercorak hiburan kerana menepati kehendak pasaran serta diminati orang ramai.

Namun begitu, kementerian saya menggalakkan stesen-stesen TV untuk meningkatkan kandungan bercorak pendidikan dan informasi serta program-program keluaran tempatan. Sehubungan itu syarat-syarat lesen telah menetapkan bahawa 60% kandungan yang disiarkan hendaklah kandungan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat Senator Dato' Sri Empiang Jabu telah melahirkan kebimbangan beliau mengenai golongan remaja yang gemar melayari laman web lucah. Beliau ingin mengetahui apakah langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat Senator, penyediaan kandungan lucah adalah dilarang di bawah Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan ke atas mana-mana pihak yang menyediakan kandungan lucah melalui laman web.

Pada masa ini terdapat berjuta-juta laman web oleh yang demikian pihak SKMM hanya dapat memantaunya secara rambang atau mengikut aduan yang diterima. Pihak SKMM akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana laman web yang menyediakan kandungan lucah. Namun demikian tindakan seperti yang disebutkan hanya akan dapat diambil sekiranya laman web mempunyai tapak web penempatan, *web hosting service* di Malaysia.

Kebanyakan kandungan lucah adalah berpunca daripada laman web yang ditempatkan di luar Malaysia dan oleh itu terkeluar dari bidang kuasa Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Secara jangka panjang, usaha-usaha melalui pendidikan masyarakat akan dimajukan untuk memberi kesedaran kepada pengguna khususnya generasi muda supaya bijak memilih dan menggunakan maklumat serta perkhidmatan yang diberi melalui internet.

Tuan Yang di-Pertua, pengguna teknologi jalur lebar turut mendapat perhatian Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd Puad Zarkashi. Beliau mencadangkan supaya teknologi jalur lebar ini digunakan bagi menyokong industri bio teknologi negara. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat Senator, kementerian ini telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk melaksana pelan jalur lebar negara bagi menyediakan infrastruktur komunikasi berkapasiti tinggi atau lebar, *broadband*.

Dalam usaha mempertingkatkan pembangunan negara, antara kumpulan dan rangkaian telekomunikasi dan yang telah dikenal pasti sebagai tumpuan utama ialah Jabatan Kerajaan melalui rangkaian '*e-net*', sekolah melalui rangkaian '*schoolnet*', dan universiti serta institusi pendidikan melalui Rangkaian Pendidikan dan Penyelidikan Malaysia, *Malaysia Research and Education Network (MYREN)*. MYREN yang telah dilancarkan oleh kementerian ini pada awal tahun 2005 merupakan rangkaian komunikasi jalur lebar yang menghubungkan institusi-institusi penyelidikan di dalam negara yang bertujuan menggalakkan kerjasama *research and development* dengan izin dalam pelbagai bidang teknologi termasuk bio teknologi.

MYREN akan membolehkan penggunaan komunikasi jalur lebar seperti pengkomputeran grid, *grid computing* dan *bio informatics* yang merupakan di antara infrastruktur yang menyokong industri bio teknologi negara. Rangkaian pusat-pusat bio teknologi yang melibatkan akademia, institut penyelidikan dan industri juga boleh menggunakan kemudahan yang disediakan oleh rangkaian MYREN tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan Awang Chik pula meminta pihak kementerian mengkaji dakwaan mengenai iklan perkhidmatan *streamyx* yang dikatakan lebih bersifat retorik untuk menambat hati pengguna berbanding dengan kemampuan sebenar perkhidmatan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkhidmatan *streamyx* adalah disediakan berdasarkan *best effort* di mana prestasi sebenar sesuatu sambungan adalah bergantung pada mutu talian tembaga atau *cooper lines* dengan izin. Jarak dengan pesawat telekomunikasi *exchange* dan ciri-ciri rangkaian IT internet protokol.

Walau bagaimanapun kementerian ini memandang serius jika perkara yang diiklankan adalah tidak benar dan memberi tanggapan yang palsu kepada pengguna. Kod kandungan yang telah didaftarkan pada September 2004 turut mengandungi garis panduan berkenaan kandungan iklan yang perlu dipatuhi oleh semua pemberi perkhidmatan. Pihak SKMM akan mengambil tindakan sekiranya mana-mana pemberi perkhidmatan tidak memenuhi atau mematuhi kod kandungan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee membangkitkan isu perkhidmatan *wireless streamyx* yang disediakan oleh TM Net yang tidak memberi liputan penuh di kawasan bandar. Masalah liputan ini perlu ditangani segera kerana ia boleh membantutkan usaha kerajaan memperkenalkan penggunaan internet di seluruh negara.

Perkhidmatan *streamyx wireless* atau dikenali dengan nama '*hotspot*' telah mula ditawarkan kepada pengguna di kawasan-kawasan bandar. Setakat ini TM Net telah menyediakan perkhidmatan tersebut di 644 lokasi di seluruh negara termasuklah di Lembah Kelang.

Kebanyakan lokasi-lokasi yang mempunyai kemudahan perkhidmatan ini adalah seperti di pusat-pusat membeli belah, restoran, kafe dan hotel. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa ini TMNet sedang melaksanakan program untuk memperluaskan perkhidmatan di lokasi-lokasi awam terpilih seperti pusat-pusat membeli belah, bank-bank, perpustakaan awam, pusat konvensyen, pusat pengajian tinggi dan medan-medan selera awam. Di samping itu, TMNet juga akan memberi perhatian untuk membangunkan perkhidmatan tersebut ke kawasan-kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi pula mempersoalkan sama ada langkah Telekom Malaysia (TM) membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pengiklanan dan tindakan Pos Malaysia Berhad (PMB) mengklasifikasikan semula tarif pos boleh menjamin meningkatkan mutu perkhidmatan

agensi-agensi berkenaan. Telekom Malaysia seperti juga syarikat-syarikat telekomunikasi yang lain perlu melakukan perbelanjaan pengiklanan berjuta-juta ringgit bagi mempromosikan produk keluarannya.

Ini adalah satu perkara biasa bagi syarikat-syarikat telekomunikasi yang sedang beroperasi dalam persekitaran yang mengalami perubahan yang pesat, bukan sahaja dari segi teknologi tetapi juga produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Pengiklanan merupakan cara yang paling berkesan bagi Telekom Malaysia untuk berhubung dengan pelanggan dan bakal pelanggan.

Dari segi mutu perkhidmatan, mengikut laporan kepuasan pengguna yang dikeluarkan oleh SKMM pada tahun 2004, pencapaian Indeks Kepuasan Pengguna bagi Telekom Malaysia untuk talian tetapi individu adalah 3.2 dan talian perniagaan 2.94 berasaskan skala 1 hingga 5. Berdasarkan pencapaian indeks ini kementerian berpandangan bahawa prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh Telekom Malaysia kepada pengguna adalah pada tahap yang baik.

Mengenai Pos Malaysia Berhad, tujuan pengelasan semula perkhidmatan mel dalam negeri kepada standard dan bukan standard adalah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan mel melalui penggunaan automasi. Surat-surat standard boleh diproses menggunakan mesin, sementara surat-surat bukan standard boleh diproses secara manual. Sehubungan itu, tarif mel dalam negeri telah disusun semula bagi menggalakkan orang ramai dan industri menggunakan kelas mel standard yang lebih murah berbanding kelas bukan standard.

Penyusunan semula tarif mel antarabangsa mengikut zon baru pula adalah bertujuan bagi meningkat daya saing perkhidmatan Pos Malaysia Berhad dan bagi mengelakkan Malaysia digunakan sebagai pusat aktiviti penghantaran semula (*remailing*) oleh pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan daripada kadar pos yang rendah. Pada 28 April 2005, Pos Malaysia Berhad telah memberi kelonggaran kepada semua surat bukan standard supaya dikenakan bayaran mengikut kadar surat standard iaitu 30 sen sehingga 1 Januari 2006.

Tindakan ini bagi memberi kesempatan kepada orang ramai untuk biasa menggunakan sampul surat standard. Memandangkan tempoh pengelasan semula perkhidmatan pos ini baru sahaja bermula pada 1 Mac 2005 dan ianya pula

ditanggunghkan pula sehingga 1 Januari 2006 adalah terlalu awal untuk menilai keberkesanannya dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pos di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Syed Ali telah menyatakan bahawa tindakan Pos Malaysia Berhad (PMB) mengurangkan had siling bagi penyelesaian bil-bil daripada RM400 kepada RM300 telah menimbulkan masalah kepada orang ramai yang berurusan dengan pejabat pos mini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dakwaan yang mengatakan PMB menetapkan had siling bayaran bil di pejabat-pejabat pos mini hanya sebanyak RM300 adalah tidak benar. Tindakan pejabat pos mini untuk menghadkan amaun pembayaran kepada RM300 mungkin kerana salah faham di kalangan kakitangan.

Pos Malaysia Berhad adalah komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai dengan menyediakan pelbagai kemudahan bayaran bil dan lesen. Sebagai sebuah entiti perniagaan, Pos Malaysia Berhad tidak menolak sebarang amaun pembayaran bil yang dikemukakan oleh orang ramai. Sekiranya terdapat mana-mana pihak pos mini yang berbuat demikian, aduan boleh dikemukakan kepada Pos Malaysia Berhad untuk siasatan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pengurusan air negara telah menarik minat Yang Berhormat Senator Datin Naomi Chong Set Mui. Beliau berharap agar Kerajaan Persekutuan menyediakan satu pelan jangka panjang yang komprehensif bagi menyediakan sumber kewangan kepada kerajaan negeri yang tidak mampu dan bagi memastikan sumber bekalan air semula jadi tidak membazir. Di samping itu, tarif yang berpatutan harus dikenakan kepada pelbagai jenis pengguna yang berbeza.

Beliau juga membangkitkan masalah bekalan air dan elektrik di negeri Sabah. Izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Naomi Chong Set Mui yang begitu prihatin dengan perkembangan yang berlaku dalam industri perkhidmatan air negara. Kebimbangan Yang Berhormat mempunyai asasnya memandangkan industri perkhidmatan air negara sekarang berdepan dengan pelbagai masalah seperti kedudukan rejim kawal selia yang lemah, kadar *non revenue water* (NRW) yang tinggi, keperluan perbelanjaan modal capex yang besar untuk membangunkan prasarana bekalan air, kadar tarif yang tidak seragam dan lain-lain lagi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan memandang berat mengenai perkara ini dan pada masa sekarang sedang mengambil langkah untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara. Langkah pertama yang telah dilakukan ialah dengan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi merintis jalan kepada penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan air negara. Kementerian ini juga merasakan pembentukan kerangka (*regulatory*) dan perundangan adalah penting bagi menyokong pewujudan struktur industri perkhidmatan air yang berdaya maju dan mapan dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, kerajaan sedang dalam proses menggubal dua rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Perkhidmatan Air Negara (IPA) dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Rang Undang-undang IPA akan menggariskan matlamat dan hala tuju industri perkhidmatan air negara, sementara Rang Undang-undang SPAN pula merintis jalan kepada penubuhan sebuah badan kawal selia industri perkhidmatan air di peringkat nasional iaitu SPAN.

Walau bagaimanapun, kedua rang undang-undang ini jika dikuatkuasakan kelak hanya terpakai untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja. Kementerian menjangkakan kedua-dua rang undang-undang ini akan dibentangkan untuk Bacaan Kali Pertama di Parlimen sesi Jun dan Julai akan datang.

Mengenai isu tarif pula, ingin saya jelaskan bahawa memang kedudukan tarif air adalah berbeza-beza mengikut negeri dan berbeza juga berdasarkan kategori pengguna. Sebagai contoh, caj domestik bagi rumah kediaman di Sabah ialah 90 sen bagi satu meter padu, manakala untuk sekolah pula ialah 45 sen bagi satu meter padu dan kadar untuk industri ialah 90 sen bagi satu meter padu. Malah dalam perjanjian konsesi penswastaaan pengurusan air sedia ada, ia mempunyai peruntukan di mana tarif akan dinaikkan secara automatik. Keadaan ini sudah tentu akan membebankan rakyat. Namun demikian, di bawah struktur baru yang bakal dikenalkan, kerajaan tidak akan membenarkan tarif dinaikkan secara automatik.

Sebarang kenaikan tarif perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) perubahan dalam hasil (*revenue*), perbelanjaan modal capex dan kadar pembelian air secara pukal;
- (ii) melalui satu proses penilaian yang rapi, telus dan terbuka; dan

- (iii) memenuhi *performance* standard bagi segi sasaran penurunan kadar NRW dan kos pengagihan (*distribution cost*).

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah bekalan air di negeri Sabah, kementerian ini sedar bahawa di antara masalah utama yang dihadapi termasuk kualiti air yang tidak bersih, bekalan air yang tidak mencukupi dan sebagainya walaupun Kerajaan Persekutuan menyalurkan bantuan kewangan besar bagi melaksanakan prasarana-prasarana bekalan air di negeri berkenaan.

Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan berjumlah RM470 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi membangunkan prasarana bekalan air di Sabah. Keadaan geografi Sabah turut menyukarkan pembangunan prasarana bekalan air menyeluruh dan menyumbang kepada purata liputan bekalan air di Sabah yang rendah iaitu 60.5% berbanding dengan purata liputan nasional sebanyak 92.7%.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh Sabah ialah kadar air tidak terhasil (NRW) yang tinggi iaitu sekitar 65% berbanding dengan kadar di peringkat nasional iaitu 41%. keadaan ini secara langsung telah menyebabkan Kerajaan Sabah tidak mendapat hasil daripada jumlah air yang dibekalkan kepada pengguna. Faktor utama yang menyumbang kepada perkara ini ialah penggunaan paip simen asbestos yang telah usang serta mudah rosak dan juga kejadian kecurian air yang agak berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan adalah komited untuk terus membantu Kerajaan Sabah dalam menyediakan perkhidmatan bekalan air yang bermutu kepada rakyat negeri berkenaan. Untuk itu Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM66 juta di bawah Skim Kecemasan Serta-Merta Bekalan Air Sabah bagi menangani masalah NRW di Sandakan, Kapar dan Kudat. Dalam pada itu kementerian ini juga telah menyokong dan mengemukakan permohonan Kerajaan Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi pembangunan projek bekalan air untuk pertimbangan agensi pusat seterusnya dan ini juga berharap apabila projek bekalan air di Telipot, Sandakan, Papar dan Kudat siap kelak, penduduk di kawasan berkenaan dapat menikmati bekalan air yang lebih baik dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan elektrik pula, Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB) memang menyedari mengenai kedudukan perbekalan elektrik yang tidak

memuaskan di Negeri Sabah yang mana kerap terdedah kepada gangguan yang berterusan. Dalam hal ini, SESB telah mengenal pasti antara punca utama yang menyebabkan berlakunya gangguan bekalan elektrik adalah disebabkan oleh kelemahan pada sistem penghantaran dan sistem pengagihan SESB. Bagi mengatasi kelemahan sistem tersebut, Kerajaan Persekutuan dan SESB sedang melaksanakan beberapa projek infrastruktur bekalan elektrik jangka panjang yang bertujuan untuk memperkukuhkan sistem bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah seperti berikut;

- (a) pembinaan stesen jana kuasa oleh dua buah penjana tenaga bebas, Independent Power Producer (IPP) iaitu IPP Powertron Sdn. Bhd., tambahan kapasiti 70 megawatt secara konvensional dan IPP's Danga Bay Power Corporation kapasiti 100 megawatt;
- (b) pelaksanaan projek-projek pengukuhan sistem pembahagian dengan pembinaan pencawang pembahagian utama PMU 33 11 KV di lokasi-lokasi berikut;
 - (i) Sipitang dan Tambunan,
 - (ii) Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan;
 - (iii) Limbawang-Beaufort;
 - (iv) Balung - Tawau;
 - (v) Nabawan – Keningau;
 - (vi) Pintas - Kudat; dan
 - (vii) Sim-sim, Sandakan.

Pembinaan Sistem Grid Sabah yang terdiri daripada;

- (a) Grid Pantai Timur Sabah dari Tawau ke Sandakan. Grid ini telah dimulai tugas pada 7 Mac 2004;
- (b) Grid Utara Sabah dari Kota Kinabalu ke Kota Belud dan Kudat. Grid ini telah dimulai tugas pada 26 Februari 2005, dan
- (c) Grid Sambungtara Timur Barat Sabah dari Kota Kinabalu ke Sandakan. Projek ini sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada akhir tahun 2005.

Dengan siapnya projek-projek grid di atas, maka semua stesen jana kuasa SESB akan disambung melalui satu rangkaian grid ke seluruh Negeri Sabah yang dinamakan

Sistem Grid Sabah. Sistem Grid Sabah ini dapat diwujudkan sistem bekalan elektrik yang *secure* dan *robust* di Negeri Sabah. Pelaksanaan projek-projek pengukuhan sistem pembahagian di bandar-bandar utama di Negeri Sabah seperti di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Kudat, Labuan dan sebagainya. Projek-projek pengukuhan ini termasuklah projek-projek menggantikan kabel-kabel, tiang-tiang dan meter-meter SESB yang lama dan sering mengalami kerosakan.

Projek-projek ini apabila siap kelak akan dapat menyalurkan bekalan elektrik yang mencukupi, *reliable* dan tanpa gangguan kepada pengguna-pengguna di kawasan-kawasan terlibat. Pelaksanaan projek-projek infrastruktur bekalan elektrik memerlukan masa yang panjang untuk disiapkan. Walau bagaimanapun, SESB sentiasa komited bagi memastikan program-program penyelenggaraan dan menaiktarafkan sistem bekalan elektrik sentiasa dilaksanakan bagi menjamin perkhidmatan yang memuaskan kepada para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin dan Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir membangkitkan isu ketiadaan wakil kementerian dalam Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia menyebabkan berlakunya *communication breakdown*. Mereka mencadangkan agar kementerian meletakkan wakil secara tetap dalam agensi-agensi berkenaan bagi meningkatkan proses pemantauan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator, pada pertengahan bulan Mei 2004, kerajaan telah memutuskan untuk tidak lagi melantik wakil agensi kerajaan yang juga merupakan *regulator* kepada syarikat kerajaan ataupun Government Link Company (GLC) menjadi ahli lembaga pengarah dalam syarikat tersebut. Dasar ini bertujuan untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya percanggahan kepentingan, *conflict of interest* dalam menjalankan urusan syarikat.

Masalah *communication breakdown* antara kementerian ini dengan TNB dan Telekom Malaysia sebenarnya tidak berbangkit. Ini memandangkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif bagi TNB dan Telekom Malaysia adalah ahli tetap dalam Mesyuarat Pasca Kabinet, Pos Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Melalui mesyuarat ini, Yang Berhormat Menteri dapat menyampaikan keputusan dan dasar-dasar kerajaan serta arahan mengenai perkara tertentu, di samping mendapatkan apa

juga maklum balas yang diperlukan. Kementerian ini juga dari semasa ke semasa meminta agensi-agensi tersebut mengemukakan laporan atau memberikan taklimat-taklimat khas mengenai sesuatu isu penting atau perkembangan sesuatu projek yang sedang dilaksanakan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya berjanji bahawa kementerian ini akan sentiasa mengambil keprihatinan terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Shaziman bin Abu Mansor yang telah menggulung bagi pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Sekarang saya menjemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menggulung, dipersilakan.

4.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang prihatin dan telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja. Banyak pertanyaan telah dikemukakan, kesemuanya telah dijelaskan semasa sesi pertanyaan lisan pada 3 hingga 10 Mei 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang mengulangi jawapan-jawapan yang telah diberikan bagi menjimatkan masa. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan yang tidak dijawab ketika perbahasan tersebut. Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin telah membangkitkan isu mengenai gerai Malaysia yang mempamerkan barangan buatan luar negara di Pameran Dubai Global Village di Dubai.

Untuk makluman Yang Berhormat, pameran di Dubai Global Village tidak melibatkan agensi MITI. Syarikat yang menguruskan Pavilion Malaysia di Global Village Dubai, United Arab Emirates (UAE) ialah E4 Entertainment yang merupakan syarikat tempatan UEA dan bukannya syarikat Malaysia seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Global Village bukannya pameran perdagangan yang profesional tetapi menumpukan kepada pemasaran dan penjualan barangan runcit.

Syarikat E4 Entertainment telah berusaha sendiri tanpa melalui MATRADE untuk mendapatkan syarikat-syarikat dari Malaysia untuk menyertai pameran tersebut tetapi sambutannya sangat dingin di mana mereka hanya berjaya mendapatkan tiga syarikat Malaysia untuk menyertainya. Syarikat-syarikat tersebut ialah Edmark Industries Sdn Bhd, Nelson's Franchise Malaysia Sdn Bhd dan Kerongsang Collection Sdn Bhd.

Kementerian melalui agensinya, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) sentiasa menggalakkan dan menyelaras penyertaan syarikat-syarikat Malaysia di pameran-pameran antarabangsa di luar negara, termasuk di pasaran Asia Barat. Sebagai contoh, bagi tahun 2005, MATRADE menganjurkan Pavilion Malaysia di sepuluh pameran bertaraf antarabangsa di Paris, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Arab Saudi dan Iran. MATRADE juga menganjurkan tiga pameran, khusus di Pusat Perdagangan Malaysia di Dubai. Hanya barangan buatan Malaysia dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat Malaysia yang boleh dipamerkan di Pavilion Malaysia yang dikendalikan oleh MATRADE.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi membangkitkan isu 34 vendor PROTON disingkirkan kerana gagal menepati piawaian yang ditetapkan. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada PROTON, vendor tempatan tersebut sebenarnya tidak disingkirkan oleh PROTON sebaliknya mereka gagal mencapai tahap 'A' piawaian yang ditetapkan oleh TUV iaitu pihak berkuasa standard dari Jerman yang telah dilantik oleh PROTON.

Vendor yang terbabit masih diberi peluang untuk terus menjadi vendor dengan syarat mereka dapat mencapai piawaian yang ditetapkan apabila TUV menjalankan audit semula dalam masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu mengenai penerokaan dan inovasi bagi mempertingkatkan daya saing negara untuk

menghadapi globalisasi. Ingin dijelaskan antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian adalah:

- (i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang liberal dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
- (ii) Meliberalisasi sepenuhnya dasar ekuiti sektor perkilangan di mana di dalam dasar ini pegangan ekuiti asing 100% dibenarkan bagi semua pelaburan baru termasuk pelaburan dalam projek-projek pembesaran, pembahagian oleh syarikat sedia ada.
- (iii) Meliberalisasi dasar pengambilan pegawai expatriate.
- (iv) Menyediakan pelbagai jenis galakan cukai seperti galakan taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula dan pengecualian duti import ke atas bahan mentah, jentera dan kelengkapan kepada syarikat baru dan syarikat yang menjalankan aktiviti pembesaran dan 'pembahagian'.
- (v) Menawarkan galakan istimewa atau *pre-package incentive* kepada bakal-bakal pelabur bagi projek-projek pelaburan yang strategik dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam telah membangkitkan isu mengenai penurunan pelaburan langsung asing atau FDI. Saya ingin menjelaskan bahawa bagi tahun 2000 hingga 2004, jumlah pelaburan asing dalam projek perkilangan adalah sebanyak RM79.1 bilion. Ini dicapai dalam konteks penurunan dalam jumlah aliran FDI global yang menurun daripada USD1387.9 bilion pada tahun 2000 kepada USD817.6 bilion untuk tahun 2001 dan juga USD678.8 bilion tahun 2002 dan USD559.6 bilion bagi tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan agensi-agensi penggalakan pelaburan bagi tempoh tahun 2000-2003 kemasukan FDI dalam sektor perkilangan ke Malaysia adalah sebanyak RM66 bilion, lebih tinggi berbanding dengan Singapura - RM58.1 bilion, Thailand - RM48.8 bilion dan Vietnam - RM22.5 bilion.

Ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia masih mampu menarik aliran global pelaburan asing. Pada masa ini kerajaan memberi penekanan kepada pembangunan

sektor-sektor berteknologi tinggi. *Information and communication technology* pertanian dan Industri asas tani, bio-teknologi, *pharmaceutical* industri berasaskan sumber dan juga sektor perkhidmatan. Termasuk perkhidmatan, penjagaan, kesihatan dan pelancongan.

Tumpuan khusus juga diberi kepada pembangunan EKS. Bagi tujuan tersebut, pelbagai insentif telah disediakan bagi menggalakkan syarikat-syarikat menceburi dan membangunkan sektor-sektor berkenaan.

Mengenai industri bio-teknologi yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa bagi tempoh sehingga Disember 2004, jumlah pelaburan adalah sebanyak RM650 juta. Dari jumlah tersebut, 63.9% merupakan pelaburan tempatan. Dengan jumlah sebanyak RM415.8 juta. Manakala pelaburan asing sebanyak 36.1% dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 234.2 juta. Berdasarkan jumlah pelaburan tersebut, menunjukkan bahawa sektor bio-teknologi mampu dan boleh di bangunkan di negara ini.

Mengenai dengan tindakan kerajaan menurunkan duti import kereta selaras dengan komitmen AFTA, ingin dijelaskan bahawa tindakan kerajaan ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia di bawah perjanjian AFTA. Komitmen tersebut tidak menyekat Malaysia daripada mengenakan lain-lain cukai dalaman termasuk duti cukai eksais. Tidak timbul persoalan sama ada tindakan tersebut bercanggah dengan perjanjian AFTA atau semangat kerjasama ASEAN kerana elemen cukai dalaman seperti duti eksais tidak termasuk dalam rangka kerja AFTA. Negara-negara ASEAN lain juga berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemberian perlindungan kepada PROTON dan PERODUA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, kerajaan sedia maklum, bahawa industri automotif pada masa ini melalui fasa penggabungan untuk memperoleh pasaran jualan....

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tentang penjelasan yang diberi berkenaan dengan penurunan duti import tetapi eksais naik pula, maksud saya bangkitkan perkara ini ialah apa kesimpulannya iaitu macam mana dengan harga

kereta. Harga kereta akan turun atau sama dengan sekarang ataupun akan naik? Ini yang dibimbangkan oleh orang awam. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pun beberapa kali menyebut bahawa dengan pelaksanaan AFTA tidak semestinya harga kereta buatan tempatan akan turun. Saya harap orang awam akan memahami dasar kerajaan. Saya akan sambung.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan perlindungan kepada PROTON dan PERDUA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, kerajaan sedia maklum bahawa industri automotif pada masa ini melalui fasa penggabungan untuk memperoleh pasaran jualan kenderaan yang lebih besar dan berdaya saing. Bagi syarikat pengeluar automotif tempatan termasuk proton, mereka akan terus mengambil langkah-langkah tertentu bagi meningkatkan keupayaan daya saingnya. PROTON telah diberi perlindungan hampir 20 tahun. Oleh itu pada ketika ini terpulang kepada syarikat untuk menentukan arah tuju pembangunan industri kereta nasional dalam menghadapi persaingan domestik mahupun global.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam, mendakwa bahawa terdapat penyelewengan di dalam *multimedia super corridor* di mana ia bukan sebagai pusat penyelidikan, tetapi sekarang ini lebih kepada pusat *out sourcing* yang tidak melibatkan perpindahan teknologi tinggi untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 April 2005, terdapat 1,236 syarikat berstatus MSC telah diluluskan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan ICT. Daripada jumlah ini, hanya 44 buah syarikat ataupun 3.6% yang diluluskan untuk menjalankan aktiviti *Shared Services Out Sourcing*. Lain-lain aktiviti syarikat MSC yang diluluskan adalah seperti *Software And Content Development* - 615 buah syarikat, *Internet Based Business* - 189 buah syarikat, *Telecommunications Networking and Wireless Mobile Technology* - 85 buah syarikat dan lain-lain 303 buah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin supaya pengusaha-pengusaha filem tempatan dipelawa untuk turut serta

dalam misi-misi perdagangan antarabangsa, kementerian sememangnya menyokong dan menggalakkan penyertaan usahawan tempatan dari pelbagai bidang, termasuklah daripada industri perfileman di dalam misi perdagangan dan pelaburan di luar negara.

Untuk memudahkan pihak MITI menyelaras penyertaan mereka supaya ianya berkesan dan mendatangkan hasil, pihak Industri Perfileman Negara hendaklah terlebih dahulu mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi penggalakan di bawah MITI iaitu MIDA dan MATRADE. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti dengan lebih khusus pasaran yang hendak disasarkan serta strategi dan program galakan yang sesuai diguna pakai.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Semoga dengan jawapan ini, dapat membantu Yang Berhormat dalam memberi penjelasan kepada rakyat di peringkat akar umbi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew. Sekarang dijemput Kementerian Luar Negeri untuk menggulung.

5.13 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja daripada 3 Mei hingga 10 Mei 2005 yang menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Luar Negeri. Izinkan saya untuk memberi jawapan dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah bin Zainudin bertanyakan sama ada duta-duta Malaysia yang dihantar ke Timur Tengah atau mana-mana negara boleh berbahasa Arab atau bahasa yang digunakan di negara *host* dan beliau mencadangkan para graduan yang menganggur diberi peluang mempelajari bahasa-bahasa asing agar graduan tersebut sekiranya dipilih memasuki bidang diplomatik akan dapat melaksanakan tugas dengan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kebolehan atau penguasaan sesuatu bahasa merupakan salah satu kriteria yang digunakan dalam penempatan duta-duta Malaysia ke pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, ada kalanya pegawai-pegawai ditempatkan di negara di mana mereka tidak mempunyai kebolehan menggunakan bahasa tempatan. Dalam hal ini, pegawai-pegawai diberi bantuan elaun bahasa asing untuk mereka mempelajari bahasa di negara mereka ditugaskan.

Selain daripada itu, pembelajaran bahasa asing ditekankan dalam program-program latihan pegawai-pegawai muda yang baru ditempatkan di Kementerian Luar Negeri. Sebelum mereka dihantar untuk penempatan pertama mereka ke luar negeri, mereka diwajibkan untuk mengikuti Kursus Latihan Diplomatik di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di mana mereka dikehendaki mengikuti salah satu daripada bahasa asing yang diajar di institut tersebut iaitu bahasa Arab, Jerman, Perancis dan Sepanyol. Cadangan supaya graduan-graduan yang menganggur diberi peluang mempelajari bahasa asing adalah baik dan patut digalakkan. Calon-calon yang mempunyai kebolehan berbahasa asing, adalah diberi keutamaan dalam pemilihan pegawai-pegawai ke jawatan Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam ada melahirkan rasa kecewa beliau terhadap permusuhan pihak media Indonesia terhadap Kerajaan Malaysia mengenai isu-isu tertentu seperti isu laut Sulawesi dan ini telah mewujudkan rasa benci rakyat Indonesia kepada Malaysia. Beliau menjelaskan Malaysia dan Indonesia seharusnya menjalankan hubungan yang baik memandangkan kedua-dua negara adalah daripada rumpun yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi amalan dan prinsip dasar luar negara ini untuk sentiasa berbaik-baik dengan semua negara lain, lebih-lebih lagi dari kalangan negara-negara jiran terdekat. Oleh yang demikian, Malaysia sama sekali tidak akan melakukan sesuatu perkara atau mengambil apa-apa tindakan tanpa pertimbangan yang akan menjejaskan hubungan baik dengan negara-negara jiran. Malaysia dan Republik Indonesia mempunyai hubungan dua hala yang kuat dan akrab. Sebagaimana yang kita ketahui salah satu faktor utama yang membawa kepada hubungan yang begitu kukuh

ialah kerana kedua-dua negara adalah serumpun. Malah hubungan Malaysia dan Indonesia bolehlah dilihat sebagai satu persaudaraan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat beberapa isu pertikaian yang masih belum selesai di antara kedua-dua negara. Kedua-dua kerajaan memandang serius semua isu-isu ini dan sentiasa berunding untuk mencapai penyelesaian. Kementerian Luar Negeri yakin sikap negatif oleh sesetengah pihak media di Indonesia tidak langsung mewakili pendirian kerajaan republik itu terhadap Malaysia. Pihak media yang berkenaan dipercayai telah bertindak secara sendiri dalam mengeluarkan berita-berita negatif terhadap Malaysia. Kemungkinan juga ada pihak lain di belakang mereka yang ingin melihat hubungan baik di antara Malaysia dan Indonesia terganggu.

Tuan Yang di-Pertua, peranan pihak media amat penting kerana ia adalah jentera komunikasi yang paling berkesan. Tindakan sebahagian pihak media Indonesia yang menggembar-gemburkan sesuatu isu mengenai sesuatu perkara tanpa usul periksa serta menuduh secara melulu sememangnya amat mengecewakan kita. Sesungguhnya Kerajaan Malaysia tetap akan mengelak daripada melakukan perkara-perkara sedemikian terhadap Republik Indonesia mahupun negara-negara lain. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak media Malaysia yang telah menangani isu ini secara rasional dan positif dan tidak mengambil sebarang tindakan yang antagonistik terhadap pihak Indonesia ataupun mengeruhkan lagi keadaan, mengapi-apikan lagi semangat atau memperbesar-besarkan lagi isu-isu dalam rundingan di antara negara ini dan republik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyuarakan harapan agar pihak media secara umumnya mengambil pendekatan yang baik dan ikhlas dalam membuat laporan mereka. Semestinya media massa juga mempunyai etika kerja dan diharap agar ianya dipatuhi dan dihormati. Untuk sebahagian pihak media di Indonesia yang masih belum mengenali Malaysia, saya alu-alukan kedatangan mereka ke Malaysia untuk mengenali cara hidup dan pemikiran rakyat negara ini secara lebih dekat. Malaysia amat menghormati dan memandang serius hubungannya dengan Republik Indonesia. Justeru itu, sebarang tindakan yang tidak bertanggungjawab, yang boleh memberi kesan yang negatif terhadap hubungan baik kedua-dua negara haruslah dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae pula mahu tahu akan status terkini mengenai lima warga Malaysia yang ditangkap oleh pihak berkuasa Indonesia di Sungai Nyamuk dan memohon supaya kerajaan membuka rundingan dengan Kerajaan Indonesia untuk menyelesaikan masalah tersebut. Beliau juga mahu kepastian dan tindakan terhadap rakyat Malaysia ini bukan suatu reaksi terhadap isu penghantaran pulang PATI Indonesia dan isu Laut Sulawesi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, status terkini lima orang warganegara Malaysia dari Sabah yang ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia di Sungai Nyamuk pada 18 Mac 2005 yang lalu, ialah mereka dilaporkan mengaku salah di atas tuduhan memasuki Indonesia secara haram mahkamah Indonesia di Tarakan pada 9 Mei iaitu semalam. Apabila mereka mengaku bersalah, maka hukuman akan dijatuhkan dan hukuman ini dijangka akan diumumkan pada hari Isnin 16 Mei 2005. Sidang pengadilan bagi mengadili kes tahanan mereka yang sepatutnya diadakan pada 27 April 2005 yang lalu telah ditangguhkan beberapa kali hinggalah kes tersebut didengar semalam.

Mengenai usaha untuk membebaskan Malaysia, Kementerian Luar Negeri telah memulakan usaha untuk membebaskan mereka di peringkat tempatan sejak mula mereka ditangkap. Dalam kes ini, Pegawai Perhubungan Polis Diraja Malaysia (MPLO) di Tarakan telah diminta memantau dan memaklumkan perkembangan kes ini kepada Kementerian Luar Negeri melalui konsulat kita Pontianak.

MPLO telah mengadakan perbincangan awal dengan pihak berkuasa Indonesia yang pada awalnya kelihatan amat positif tetapi akhirnya hasilnya adalah tidak seperti yang kita duga dan berakhir dengan tidak berhasil. Pada 20 April 2005 pihak Kejaksaaan Tinggi Indonesia meminta perwakilan Malaysia di Indonesia sama ada perwakilan di Jakarta atau Pontianak untuk menulis surat rayuan untuk membantu membebaskan kelima-lima orang rakyat Malaysia ini. Ini telah pun dilakukan oleh Kedutaan Besar kita di Jakarta membawa perkara ini kepada perhatian pihak Kerajaan Indonesia melalui satu nota diplomatik bertarikh 26 April 2005. Dalam nota diplomatik itu kita telah meminta supaya perkara ini diberi perhatian undang-undang yang adil dan saksama dan mereka dibebaskan dengan secepat mungkin.

Kementerian Luar Negeri tidak menganggap isu penahanan kelima-lima warganegara Malaysia mempunyai kaitan dengan isu penghantaran pulang PATI Indonesia atau isu Laut Sulawesi. Penahanan warganegara Malaysia berkenaan adalah merupakan kes kesalahan imigresen di mana mereka didapati melakukan kesalahan memasuki negara lain tanpa dokumen perjalanan. Oleh itu kerajaan negara berkenaan berhak mengenakan tindakan undang-undang ke atas mereka. Kita juga telah mengenakan tindakan ke atas rakyat negara asing atas kesalahan yang sama yang dilakukan di negara kita. Oleh yang demikian saya ingin menasihatkan semua rakyat Malaysia supaya mematuhi undang-undang negara-negara asing apabila mereka melewati negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Siti Zailah binti Mohd. Yusoff pada 9 Mei 2005 telah memohon penjelasan mengenai status atau baki dana tabung tsunami di bawah kelolaan sepenuhnya Kementerian Luar Negeri. Setakat ini Tabung Bencana Asia yang dikelolakan oleh Kementerian Luar Negeri berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM25.33 juta seperti yang juga disebut oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada pagi tadi. Ini adalah termasuk sumbangan daripada Kerajaan Malaysia berjumlah RM19 juta. Baki dana tabung tersebut sehingga kini adalah berjumlah RM20.8 juta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada ketika ini kerajaan sedang dalam peringkat akhir perancangan untuk membaik pulih dan membina 9 buah bangunan separuh kekal yang terdiri dari 3 buah sekolah dan 6 blok asrama di penempatan anak-anak yatim Aceh di Pesantren al-Fauzul Kabir di Jantuh, Aceh. Kerajaan juga melalui Syarikat Perumahan Negara sedang merancang untuk membina 100 unit rumah di Glebrob, Aceh. Kos pembangunan projek tersebut adalah sebanyak RM15.7 juta yang mana akan dibiayai sepenuhnya melalui sesi tabung Bencana Tsunami Asia ini. Kerajaan juga sedang mengenal pasti projek-projek kemanusiaan lain di Sri Lanka dan Maldives dan bantuan sewajarnya akan disalurkan setelah projek-projek tersebut telah dikenal pasti. Bantuan juga akan disalurkan kepada Somalia menerusi Pertubuhan Palang Merah.

Dalam mengagihkan dana Tabung Bencana Tsunami Asia ini apa juga keputusan yang diambil perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Pengawalan yang ketat ini dilakukan bertujuan supaya wang dana tersebut tidak jatuh ke tangan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Diraja terutama yang menyentuh isu-isu yang relevan kepada Kementerian Luar Negeri. Saya percaya semua perkara yang sudah disentuh saya telah jawab dan Kementerian Luar Negeri akan mengambil perhatian ke atas pandangan, cadangan dan usul-usul yang bernas yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan perkara-perkara ini akan diambil kira semasa kementerian menggubal dan melaksanakan dasar luar negara dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Zainal Abidin Haji Osman yang telah menggulung bagi Kementerian Luar Negeri. Sekarang dijemput Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

5.24 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Negara dan telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian ini amat menghargai di atas minat dan usaha yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pembangunan dan transformasi sektor pertanian dan sektor industri asas tani yang mana sekarang ini diberi suntikan oleh kerajaan secara serius dan menyeluruh sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara dan juga di mana Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pertanian adalah perniagaan dengan izin *agriculture is business*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Datuk Ratnam a/l Muthiah dan membangkitkan isu berkaitan siswazah tani dan juga belia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat beberapa usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menarik minat

golongan siswazah dan juga pihak belia untuk menceburi bidang pertanian. Di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian dengan menyediakan khidmat perundingan, sokongan teknikal dan perkhidmatan pengembangan untuk membantu mereka melaksanakan projek pertanian. Ini termasuklah bimbingan untuk menyediakan:

- (i) Pelan pengembangan projek, pelan perniagaan dan pengurusan projek;
- (ii) Penyelidikan dan pembangunan atau dengan izin R&D;
- (iii) Pemindahan teknologi;
- (iv) Kawalan mutu atau dengan izin *quality control*;
- (v) Pemasaran;
- (vi) Pinjaman mudah.

Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga memberi bantuan kepada mereka yang ingin menjadi penyewa tanah-tanah untuk melaksanakan projek pertanian di bawah projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau ringkasnya TKPM.

Selain dari itu graduan-graduan lepasan Institut Pertanian dan universiti tempatan digalakkan untuk melaksanakan projek pembangunan tanah terbiar di mana belia-belia ini akan diberi latihan *hands on* selama 6 bulan di ladang-ladang inkubator sebelum melaksanakan projek sendiri. Selain daripada itu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan ini kementerian juga menyediakan latihan kepada mereka yang berminat dalam bidang pertanian dan industri asas tani.

Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pertamanya mengadakan kursus bimbingan usahawan dan pemindahan teknologi melalui program inkubator dan aktiviti anak angkat. Kursus jangka pendek iaitu satu hingga tiga minggu dan mengadakan konvensyen petani, penternak dan nelayan, seminar, bengkel dan lain-lain.

Kedua, merangka dan mengadakan kursus kemahiran pertanian tahap satu hingga tahap lima di bawah Sijil Kemahiran Malaysia yang dikelolakan oleh Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan di mana 44 buah institut latihan di bawah kementerian ini yang dinaikkan taraf secara berperingkat-peringkat. Pelatih-pelatih yang telah mengikuti

kursus di institut ini berpeluang untuk menceburi kerjaya seperti pekerja ladang, juruteknik rendah, juruteknik eksekutif, eksekutif ladang dan pengurus ladang.

Terdapat juga insentif berbentuk fiskal yang diberikan kepada semua usahawan tani yang berminat untuk menjalankan aktiviti pertanian secara komersial. Insentif adalah ditawarkan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Ini diberikan dalam bentuk pengecualian cukai bagi pelaburan dalam aktiviti dan pengeluaran bahan makanan sektor pertanian. Di samping itu kerajaan juga memberi insentif bukan fiskal melalui pemberian berbagai-bagai jenis geran khasnya bagi industri kecil dan sederhana serta pemberian input-input pertanian seperti benih, baja organik dan makanan ternakan kepada mereka yang berminat menceburi diri dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir juga bertanya mengenai isu defisit imbalan dagangan bagi sektor pertanian. Kerajaan memandang berat mengenai masalah defisit dalam imbalan dagangan makanan kerana defisit ini menyebabkan pengaliran keluar sumber kewangan negara untuk menampung kos mengimport barang-barang makanan. Oleh itu, kementerian ini telah mengambil tindakan susulan bagi merangka perancangan jangka panjang bagi membendung masalah deposit ini.

Mengikut unjuran kementerian ini imbalan perdagangan sektor makanan dijangka meningkat kepada RM10.9 bilion pada tahun 2010 jika tiada dengan izin *policy intervention* dilaksanakan untuk membendung pola imbalan defisit yang kian meningkat ini. *Balance of trade plan 2010*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Yang Berhormat sudah cukup masa. Panjang lagikah?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Panjang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Panjang lagi ye. Kalau panjang lagi kita sambung esok pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sudah jam 5.30 petang dan dengan ini saya menangguhkan mesyuarat sehingga esok jam 10.00 pagi.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

3 Mei 2005

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M.,
S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
- " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
- " Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
- " Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)
- " Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- " Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
- " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- " Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
- " Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
- " Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
- " Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- " Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)

-
- " Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)
 - " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
 - " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
 - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
 - " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
 - " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
 - " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
 - " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
 - " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
 - " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
 - " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
 - " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
 - " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
 - " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
 - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
 - " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
 - " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
 - " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
 - " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
 - " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
 - " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
 - " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
 - " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
 - " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
 - " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
 - " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
 - " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
 - " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
 - " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)

- " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
- " Dato' Dr. S. Vijayarajam (Dilantik)
- " Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat Dato' Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor